


**Jilid III
Bil. 29**

**Khamis
29 November 2001**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001	(Halaman 16)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001	(Halaman 34)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.(Dilantik)

- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan, Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- " Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

Yang Berhormat	Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
“	Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
“	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
“	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
“	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
“	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
“	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
“	Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
“	Puan Jaya Partiban (Dilantik)
“	Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
“	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
“	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
“	Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
“	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
“	Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
“	Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
“	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
“	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
“	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
“	Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
“	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
“	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
“	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
“	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
“	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
“	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
“	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
“	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

Yang Berhormat	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
"	Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
"	Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
"	Tuan M. Ratnam (Dilantik)
"	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
"	Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
"	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
"	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
"	Puan See Too Mee (Johor)
"	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
"	To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
"	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
"	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
"	Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
"	Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzifa binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Khamis, 29 November 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah peruntukan dan banyaknya sekolah menengah dan rendah baru akan dibina dalam RMK-8 mengikut negeri dan mengapakah pembinaan sekolah baru tidak dimasukkan sebuah surau atau pusat Islam.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan merancang melaksanakan projek-projek pembangunan sekolah rendah dan menengah termasuk projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketujuh yang meliputi projek-projek baru dan projek-projek gantian dan tambahan. Peruntukan yang dibenarkan bagi projek ini ialah sebanyak RM6.2 bilion.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 977 projek bagi sekolah rendah yang meliputi 198 sekolah baru dan selebihnya projek bangunan tambahan dan gantian. Bagi sekolah menengah pula 420 projek telah diluluskan. 160 projek daripadanya ialah bagi membina sekolah-sekolah baru. Dalam melaksanakan projek-projek ini kerajaan akan mengambil kira keperluan surau dan juga bilik-bilik solat mengikut keadaan dan kesesuaian.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang membina projek-projek persekolahan, baik sekolah rendah atau sekolah menengah. Soalan tambahan saya ialah dengan adanya sekolah-sekolah yang sebegitu banyak dibina, berapa banyakkah kolej-kolej atau maktab untuk menyediakan guru-guru yang diperlukan terhadap sekolah rendah dan sekolah menengah ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, pada ketika ini maktab-maktab perguruan yang sedia ada sudah boleh menampung keperluan guru-guru untuk mengikut bilangan sekolah yang akan dibina namun demikian ada pertambahan iaitu peralihan daripada Sandakan dan mungkin ke Tawau, tetapi ini belum dipastikan sama ada Tawau ataupun Sandakan sendiri bergantung kepada keputusan yang kita ambil kemudian tetapi semua maktab-maktab yang sedia ada cukup untuk menampung keperluan guru-guru sekolah-sekolah baru yang ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ghazi

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan yang telah mengumumkan untuk mewujudkan kolej komuniti di tiap-tiap kawasan parlimen. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah kemajuannya sekarang dan apakah sebenarnya perancangan dan sasaran dari segi pembelajaran dan penuntut-penuntut yang akan mengikuti kolej itu. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Ghazi. Rancangan kerajaan ialah untuk menubuhkan setiap kawasan parlimen sekurang-kurangnya satu kolej komuniti. Pada keadaan sekarang ini kita hanya memperoleh empat kawasan yang sudah pasti, iaitu kawasan yang sudah pun disediakan dengan tanahnya, sebab keperluan kita ialah untuk mendirikan kolej komuniti ini, utamanya

ialah tanah dan tidak lagi banyak tanah lagi sekarang ini yang dapat kita peroleh untuk menentukan tempat-tempat yang bersesuaian tetapi akhirnya semua kawasan parlimen ini akan diusahakan supaya diperoleh satu kawasan, satu kolej komuniti.

Siapakah yang masuk ke kolej komuniti ini, mungkin itu maksud Yang Berhormat. Mereka adalah terdiri daripada anak-anak yang tidak baik pencapaiannya di dalam akademik dan pilihan pertama mungkin pergi ke *Vocational School* dan selebihnya, yang lebih baik akan pergi ke politeknik. Oleh sebab Kerajaan Malaysia memberi perhatian penuh kepada pendidikan, maka kita tidak mahu melihat adanya anak-anak kita terbiar maka inilah hasrat kerajaan untuk membina kolej komuniti, supaya setiap insan ini dapat tempatnya mengikut kesesuaian dan kebolehannya. Jadi kolej komuniti kemungkinan akan melebihi kepada kraftangan dan juga kepihtaran selain daripada akademik.

2. **Dato' Paduka Lee Pit Chern** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah pendirian Malaysia berhubung konflik peperangan Amerika-Kabul dan adakah Malaysia akan mengambil apa-apa peranan di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membantu menyelesaikan konflik tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua Malaysia telah mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas pada 11 September 2001 dan juga telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan semua usaha-usaha di bawah naungan PBB atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga secara dua hala dengan Amerika Syarikat untuk membawa mereka yang bertanggungjawab ke atas serangan tersebut ke muka pengadilan termasuk membasmi sistem sokongan yang telah ditubuhkan oleh para pengganas.

Walaupun Malaysia telah menyokong sepenuhnya tindakan-tindakan untuk menentang keganasan kita tidak menyokong serangan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan kerana kita percaya tindakan menyerang Afghanistan tidak akan dapat menyelesaikan isu keganasan tetapi hanya mengakibatkan orang awam menjadi mangsa. Tambahan pula Malaysia dari awal-awal lagi telah menyatakan pendirian bahawa sebarang tindakan ketenteraan yang hendak ambil haruslah dilakukan di bawah keputusan dan mandat Majlis Keselamatan PBB.

Oleh kerana serangan ke atas Afghanistan telah berlarutan Malaysia telah menggesa supaya serangan tersebut dihentikan dengan segera untuk mengelakkan lebih ramai orang awam daripada terus menjadi mangsa pengeboman dan supaya bantuan perikemanusiaan dihantar untuk mengurangkan beban kesengsaraan orang awam yang tidak bersalah itu.

Semasa perbahasan am di persidangan sesi ke-56 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 10 hingga 14 November 2001, Malaysia telah menyuarakan pandangannya mengenai konflik di Afghanistan dan menggesa PBB supaya mengadakan persidangan antarabangsa untuk membanteras keganasan termasuk mencari jalan penyelesaian kepada punca keganasan.

Malaysia turut menyuarakan pandangan-pandangan ini semasa perbahasan mengenai situasi di Afghanistan di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan akan terus menyuarakan pendiriannya mengenai perkara ini di PBB dari masa ke semasa. Di samping itu Malaysia sedang melaksanakan beberapa resolusi di Majlis Keselamatan yang termasuk bertujuan untuk membendung sumber kewangan dan kegiatan pengganas.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pendirian Kerajaan Malaysia sekarang ini terhadap tuduhan Amerika terhadap Osama bin Laden yang dikatakan pengganas sedangkan tidak ada bukti yang sahih dan kita lihat dalam peristiwa 11 September itu, seolah-olah ada satu pakatan Yahudi di masa peristiwanya itu berlaku, ramai pekerja Yahudi yang mengambil cuti serentak dan pada tarikh yang sama juga Perdana Menteri Israel di larang untuk datang ke Amerika. Jadi apakah pendirian Kerajaan Malaysia tentang tuduhan ini sedangkan tidak ada bukti yang

sahih, sedangkan kita lihat di negara Amerika sendiri terdapat berlaku jenayah keganasan setiap minit berlaku di kalangan rakyatnya sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua yang dituduh, yang dinyatakan Yang Berhormat itu adalah tidak benar sekali dan pendirian Amerika itu adalah satu pendirian mereka untuk mengambil tindakan adalah atas keputusan Amerika Syarikat untuk menyerang Afghanistan itu. Seperti yang saya katakan tadi kita tidak sekali pun menyokong apa yang telah dinyatakan sebagai serangan ke atas penganas di atas Afghanistan itu dan pendirian kita masih juga seperti hari ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kedua-dua pihak iaitu Amerika Syarikat dengan Afghanistan sekarang sedang dalam proses untuk menubuhkan satu kerajaan yang stabil bagi Afghanistan, apakah peranan Malaysia dalam hal ini, adakah kita bercadang juga membantu dalam proses ini, memandangkan mereka sekarang semua berada di Germany untuk mencapai satu penyelesaian. Adakah Malaysia juga bercadang membantu dalam proses ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kita dari dulu pernah menyatakan, menyuarakan sokongan kita ke atas pembentukan sebuah kerajaan yang melibatkan semua kumpulan atau *ethnic group* yang ada di Afghanistan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nation*, kerana kita percaya juga kerajaan ini harus juga melibatkan pihak-pihak seperti Postum, jangan mereka ini diketepikan dalam pembentukan kerajaan ini, dan kita berharap ini adalah satu kerajaan yang boleh dikatakan dari segi politiknya seimbang dan telah dipilih dengan secara bebas oleh rakyat Afghanistan dan akan menggambarkan aspirasi atau matlamat rakyat atau harapan rakyat Afghanistan itu dan ini satu kerajaan harus di hormati oleh pihak antarabangsa.

Begitu juga pihak Malaysia akan terus berusaha menerusi perhubungan kita dua hala dengan kerajaan-kerajaan yang terlibat dalam pembentukan ini dan juga menerusi OIC yang telah mengesahkan bahawa kita menyokong satu kerajaan seperti mana yang saya katakan iaitu yang dalam bahasa dengan izinnya *Abroad base Multi Ethnic* kerajaan.

3. **Tuan Sinniah a/l Raju** minta Menteri Dalam negeri menyatakan bahawa pondok untuk pengedaran *Embarcation Form* kepada pelancong-pelancong asing di imigresen tambak Johor Baharu sering tertutup dan menyebabkan ramai yang menjual borang-borang tersebut sebagai sumber pendapatan. Apakah tindakan yang diambil untuk memudahkan pelancong-pelancong asing mendapatkan borang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Sinniah, berikut adalah faktanya iaitu pondok untuk kad pengedaran borang pendaratan ataupun *Embarcation Form* dibuka kepada orang ramai dari pukul 7.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari dan ditutup mulai pukul 10.00 malam hingga 7.00 pagi. Tambahan daripada itu sebagai kemudahan kepada pelancong-pelancong asing mereka boleh juga mendapatkan borang-borang tersebut di kaunter-kaunter pemeriksaan imigresen seberapa banyak yang mereka perlukan.

Masalah penjualan borang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah di luar pengetahuan kementerian. Walau bagaimanapun sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan maklumat lebih lanjut mengenai aktiviti-aktiviti penjualan borang-borang tersebut bagaimana yang dikatakan untuk tindakan kementerian selanjutnya.

4. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan, tindakan dan langkah yang sedang dan akan diambil oleh kementerian dalam usaha untuk mencapai objektif "keluarga penyayang" dan "rumahku syurgaku".

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mencapai objektif "keluarga penyayang" dan "rumahku syurgaku", Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu bapa mengenai peranan dan tanggungjawabnya. Di bawah Program Pendidikan dan Latihan, LPPKN telah dan sedang giat melaksanakan Kursus Kemahiran Keibubapaan dan Kekeluargaan kepada Kumpulan Sasar tertentu seperti orang awam, kakitangan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan swasta.

Pelaksanaan program dan aktiviti menggunakan pakej modul latihan yang telah dibangunkan iaitu Pakej Modul Kasih yang memfokuskan kepada isu dan topik keibubapaan masa kini. Ia mengandungi 5 modul iaitu modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Keluarga (Bahtera Kasih); kedua, Belaian Kasih (Keibubapaan Anak Kecil); Mutiara Kasih (Keibubapaan Anak Remaja); Kebapaan –(Pancaran Kasih); dan Pembangunan Remaja (Permata Kasih).

LPPKN juga melaksanakan Program Latihan bagi jurulatih (*training of trainers*) untuk agensi kerajaan, swasta dan NGO. Ia bertujuan untuk melatih mereka sebagai pegawai pengembangan berkenaan untuk melaksanakan program ini di peringkat akar umbi untuk Kumpulan Sasar masing-masing. LPPKN juga akan meningkatkan kemudahan dan program yang sedia ada dengan membangunkan 29 Kompleks Kasih Keluarga di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Kompleks ini kelak akan menjadi pusat rujukan keluarga yang menyediakan perkhidmatan kekeluargaan kepada semua lapisan masyarakat.

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah perkhidmatan perancang keluarga dan kesihatan *reproductive*, latihan dan pendidikan pembangunan keluarga iaitu kursus-kursus kemahiran ibubapa dan kaunseling kekeluargaan serta perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terima kasih, di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang cukup panjang lebar. Soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar bahawa kehadiran GRO dan wanita-wanita yang diupah menjalankan tugas yang sedemikian rupa di pusat-pusat hiburan di negara kita ini, banyak menyumbang kepada terhakisnya kesejahteraan ramai rumah tangga dan keluarga? Bahawa ramai wanita, para isteri yang menderita dalam diam-diam dan begitu juga anak-anak mereka. Bagi mereka ini semuanya syurga tidak ada lagi dalam rumah. Keluarga penyayang hanyalah tinggal impian sahaja. Oleh itu, apakah perancangan dan tindakan kementerian ke arah menangani masalah yang ditimbulkan ini? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan Yang Berhormat itu bukan mudah untuk saya menjawabnya. Kerana pertamanya, kita semua maklum bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga bukan mudah untuk ditangani. Salah satu ialah isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Namun begitu, saya percaya bahawa pada akhirnya terpulung kepada keimanan seorang lelaki dan wanita itu. Kalau kita ada program bagaimanapun, malah kalau kita ada undang-undang untuk menyekat apa-apa, tetapi kalau pada akhirnya individu itu mahu mengambil tindakan-tindakan yang akan membawa kepada keruntuhan institusi keluarga mereka masing-masing, saya nampak pada akhirnya, tidak apa yang kerajaan boleh buat. Cuma kita mengambil langkah-langkah yang menentukan bahawa institusi keluarga di Malaysia ini dapat diperkukuh.

Jadi, saya mintalah bahawa pada kita semua kalau kita rasa bahawa rumah itu syurga kita, nescaya GRO atau sesiapapunlah tidak mudah memusnahkannya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak kementerian yang ada banyak projek-projek bagi mengangkat taraf kedudukan wanita dan sebagainya dan soalan saya juga lebih kurang soalan yang sebentar tadi. Paling kurang pun sesuatu tugas tanggungjawab diberi tidak meletakkan suatu perasaan lemah semangat. Jadi, sebagai kejiwaan wanita dan kaum hawa, kita akan terus memberi sokongan untuk memperkasakan wanita. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian memantau dan memastikan kemungkinan ada dan wujudnya kaum wanita teraniaya mencari nafkah secara menjual diri dan terpaksa? Dan apakah perancangan

kementerian mungkin dapat bekerjasama dengan kementerian yang ada kesesuaian dengannya bagi memastikan tempat-tempat pelacuran itu dapat dibasmi dengan secepat mungkin? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa tidak ada wanita di bumi ini yang sanggup menjualkan diri mereka hanya kerana sebab-sebab yang tidak munasabah. Saya percaya bahawa setiap wanita yang menceburi diri di dalam profesion yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi mesti ada latar belakang yang mendesak mereka. Walau bagaimanapun, pihak kementerian memandang berat tentang isu ini. Kalau boleh, Yang Berhormat, kita tidak mahu seorang pun wanita Malaysia yang terpaksa menjual maruah atau diri mereka demi untuk mencari nafkah kehidupan. Oleh kerana itulah, pihak kementerian dan kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memperkasakan - seperti mana Yang Berhormat kata - wanita.

Di Malaysia ini sebenarnya kalau kita lihat, saya rasa tidak ada wanita yang tidak boleh cari pekerjaan yang halal. Jika mereka mempunyai sokongan dan semangat, tidak ada wanita yang sanggup, sama ada mereka itu berpendidikan tinggi atau tidak ada pendidikan. Selagi kerajaan yang ada pada hari ini masih menjadi kerajaan, insya-Allah ada tempat untuk wanita yang berpengalaman atau tidak berpengalaman, yang ke universiti dan tidak ke universiti. Jadi pada dasarnya kalau kita lihat tidak adalah sebabnya kenapa wanita terpaksa mencebur diri dalam bidang itu.

Pada masa yang sama saya hendak ambil kesempatan di sini, kalau ada wanita yang hendak menceburi bidang itu tetapi tidak ada pelanggan dia - kaum bapa - jadi profesion itu pun terhakislah, ya, Yang Berhormat. Betul tidak, ya? Jadi ini samalah kesedaran kepada kaum bapa supaya membantu wanita, tidak payahlah hendak jadi pelanggan.

Selain dari itu, Yang Berhormat insya-Allah ada kerjasama di antara kementerian yang baru ini dan Kementerian Pembangunan dan Kebajikan Masyarakat. Kita bekerjasama untuk menentukan tempat-tempat seperti ini dipantau, tetapi kementerian yang baru memang kita tidak ada agensi atau pegawai-pegawai yang ditugaskan khusus untuk tanggungjawab itu.

5. **Puan Nosimah binti Hashim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sejauh manakah kerajaan boleh menjamin bahawa harga barangan tidak akan naik berikutan kenaikan harga minyak dan jika terdapat kenaikan harga barangan apakah langkah susulan pihak kerajaan demi kebaikan pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wang Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada 29 November 2001 (hari ini), soalan Nombor 29 dan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazidah binti Haji Mohd. Sultan pada 6 Disember 2001 kerana ianya berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah prihatin dalam memastikan harga barang-barang sentiasa berada di paras yang stabil dan berpatutan. Sehubungan itu, apabila harga bahan petroleum terutamanya diesel dinaikkan sebanyak RM0.10 sen se liter dalam Belanjawan 2002 pada 19 Oktober lepas, pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah bersesuaian seperti mempertingkatkan pemantauan, pemeriksaan dan mengadakan perbincangan dengan pengeluar dan pengimport barang-barang keperluan harian bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga barang-barang masing-masing. Kementerian begitu yakin bahawa harga barang-barang tidak dinaikkan memandangkan kenaikan harga bahan petroleum tersebut dikenal pasti memberi kesan yang minimum ke atas harga barang-barang lain. Isu kenaikan harga barang-barang berikutan kenaikan harga bahan petroleum ini tidak lagi relevan sekarang kerana harga minyak diesel telah diturunkan semula pada 16 November yang lepas dari 80.1 sen se liter kepada 70.1 sen se liter iaitu mengikut harga asal sebelum pembentangan Belanjawan 2002.

Namun begitu, kementerian akan terus menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan harga barang-barang akan stabil. Tindakan tegas

sewajarnya akan diambil jika ada mana-mana pihak menaikkan harga dengan sewenang-wenang. Dalam pada itu, kementerian akan melaksanakan Skim Kawalan Harga di bawah Akta Kawalan Harga 1946 pada musim Perayaan Hari Raya Puasa yang akan datang dengan menetapkan harga siling bagi 11 barangan terpilih. Skim ini yang pertama sekali dilaksanakan pada tahun 2000, telah menunjukkan keberkesanan dalam kawalan harga di musim-musim perayaan. Sekian, terima kasih.

Puan See Too Mee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu baru-baru ini, pihak kementerian telah menghantar segolongan wanita atau sukarelawan untuk membantu dalam siasatan tentang kenaikan harga barangan oleh sesetengah peniaga. Jadi, saya minat hendak tahulah bagaimanakah respons gerakan itu dan apakah keputusan yang berkesan dapat dihantar ke pihak kementerian? Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat yang juga seorang suri rumahtangga. Memang selepas pelancaran Skim Pemantau Harga di mana kita menjemput suri rumahtangga dan juga warga tua iaitu mereka yang telah bersara untuk membantu kementerian saya untuk memantau harga di pasaran-pasaran, ini disambut dengan hangat oleh rakyat jelata khususnya wanita-wanita di seluruh negara. Di mana-mana saya pergi, wanita-wanita telah menanya saya bila akan dilancarkan di negeri-negeri lain. Dan ini akan diatur untuk dilancarkan di setiap negeri di seluruh negara supaya pemantau harga boleh membantu kementerian saya untuk memantau harga dalam satu paras yang berpatutan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya perlu bantuan daripada NGO-NGO sebab walau kementerian saya ada pegawai-pegawai penguatkuasaan lebih daripada 700, tetapi ini tidak cukup untuk memantau keadaan harga-harga di pasaran dalam semua keadaan. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar dengan kenaikan harga petrol ini memberi kesan kepada pengguna-pengguna terutama suri rumah di kawasan luar bandar? Kebanyakan mereka ini mendapat bekalan makanan dan bahan keperluan dapur melalui penjaja-penjaja yang menggunakan motor ataupun van yang menggunakan minyak petrol, jarang sekali yang menggunakan minyak diesel. Jadi, bagaimanakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya harga barangan tidak membebankan para pengguna terutama di musim perayaan dan di bulan Ramadan ini?

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kementerian saya ada pemantauan harga sepanjang tahun iaitu bukan selepas kenaikan harga diesel. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebaik sahaja kenaikan harga diesel diumumkan, Bahagian Penguatkuasaan dan 50 cawangan di seluruh negara telah membuat pemantauan di seluruh negara iaitu untuk memastikan pekedai-pekedai tidak akan menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenang.

Di samping itu untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya ada barangan terkawal iaitu 21 barangan yang sebahagian besar ialah barang-barang keperluan harian. Untuk musim perayaan ini, kita sudah mewartakan 25 barang-barang keperluan harian sebagai barangan dikawal di bawah Akta Bekalan 1961.

Untuk tahun ini, kita sudah merancang iaitu satu skim barang harga terkawal untuk musim perayaan iaitu untuk Hari Raya Puasa tahun ini akan dikuatkuasakan dari 9 Disember hingga 25 Disember iaitu ada 11 barang-barang keperluan harian yang popular diminta pada musim perayaan itu dan juga untuk Tahun Baru Cina tahun 2002 iaitu 9 barangan keperluan harian yang popular akan diwartakan sebagai barangan harga terkawal iaitu untuk tarikh dari 5 Februari hingga 19 Februari.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tugas harian, kementerian saya juga buat pemeriksaan di bandar mahu pun di desa-desa dan di sepanjang tahun ini kementerian saya telah membuat pemeriksaan sebanyak 747 ribu pemeriksaan di bandar, di luar bandar, estet, FELDA, FELCRA, kampung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik yang berada di tangan saya iaitu *retail price index* atau indeks harga pengguna (IHP) untuk bulan

Oktober yang berbanding dengan bulan September tahun ini, IHP telah menurun sebanyak 0.1%. Sekian, terima kasih.

6. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta Menteri Pembangunan Luar bandar menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan agenda pembangunan dan kemajuan di kawasan luar bandar dapat diteruskan lagi selaras dengan dasar kerajaan kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan antaranya memberi tumpuan kepada k-ekonomi, pertumbuhan sektor lebih dinamik dan perwujudan masyarakat saksama.

Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, pembangunan luar bandar terus diperhebatkan dengan tumpuan kepada penyusunan semula ekonomi luar bandar dan pembentukan masyarakat berjati diri. Pembangunan luar bandar terus diperhebatkan ke arah mewujudkan satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan serta mesra alam dengan masyarakat yang progresif, sejahtera dan cemerlang. Peralihan fokus daripada pembasmian keadaan ketermiskinan kepada pengurangan kemiskinan.

Tumpuan strategi pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah:

- (i) pembentukan golongan sasaran yang berjati diri, bernilai murni dan bersikap positif
- (ii) penyusunan semula struktur ekonomi desa dengan objektif untuk mencapai pendapatan purata sekurang-kurangnya 80% daripada pendapatan penduduk bandar yang diperolehi daripada pelbagai aktiviti ekonomi;
- (iii) mempertingkatkan liputan dan kualiti prasarana dengan objektif untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi maklumat;
- (iv) kemudahan *amenity* sosial disediakan secara terancang dengan objektif memenuhi keperluan asas dan meningkatkan pembangunan ekonomi; dan
- (v) menggerakkan pembangunan ICT supaya masyarakat desa menikmati perkembangan dan kemajuan ICT negara.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Melati binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dari jawapan Yang Berhormat tadi memang elok sangatlah. Saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih tetapi memandangkan apa yang berlaku sekarang ini mampukah kementerian melaksanakan agenda pembangunan yang disebut tadi? Terima kasih

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, Insha-Allah, saya rasa kita telah melalui berbagai-bagai cabaran khasnya dalam tahun ini di mana Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga dapat *fare-share* lah, orang kata dari segi teguran-teguran yang kita hadapi. Tetapi namun ianya kita ambil sebagai cabaran untuk kita cuba mengatasi dan menjalankan supaya segala program ini dapat sampai kepada akar umbi.

Memang diakui bahawa dalam tahun ini kelewatan dalam banyak projek telah berlaku dan memang diakui bahawa ianya berlaku sebab kita lambat mendapat beberapa kelulusan di pelbagai peringkat. Seperti kita mengalami masalah mendapatkan tanah bila kita hendak membuatkan jalan atau tadika. Di sinilah kita harus berusaha untuk cuba mengatasi masalah ini.

Kedua, memang kita akui juga ada kelemahan dari segi pemantauan. Pemantauan yang berbentuk *hands-on* bermakna pegawai kena turun *direct on the ground* untuk membuat *follow-up* dan *follow-through* dan ini kita akan usaha untuk menyatukan dan memperkukuh Unit Pemantauan di Kementerian Pembangunan Luar bandar supaya ianya akan memberi kesan yang lebih efektif.

Lepas itu kita juga sangat mengharapkan sokongan daripada wakil rakyat. Sebab didapati banyak dari segi sokongan yang kita perlukan seperti kesahihan projek itu di akar umbi seperti dalam penentuan peserta PPRT selepas itu untuk memberi keutamaan projek, kadang-kadang untuk juga membantu kita dari segi mengadakan pemantauan berterusan dan kita juga menghadapi dilema dari segi mengenal pasti golongan miskin sebab sebenarnya pendaftaran terbuka dibuat melalui pejabat-pejabat daerah maknanya ianya tidak dipusatkan. Jadi maklumat-maklumat yang datang mungkin maklumat-maklumat yang harus kita teliti bersama.

Jadi memang Yang Berhormat banyak, walaupun tadi saya telah menggariskan hasrat murni yang hendak dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan bertambah pula sekarang ini kita telah ditambah pula bilangan golongan sasar dari segi PPRT sekarang ini kita masuk kepada Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, bermakna bukan sahaja golongan PPRT tetapi termasuk mereka yang bergaji kurang daripada RM1,200 sebulan. Bermakna sudah bertambahlah skop.

Jadi dengan semua ini telah menambahkan lagi skop kerja di pihak kementerian namun begitu, kami di kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian dan pemantauan seperti mungkin mengadakan lebih *out-sourcing* dari segi beberapa projek seperti projek jalan kampung, bekalan elektrik bekalan air luar bandar.

Mengadakan penyusunan semua struktur Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuk KEMAS dan segala agensi yang ada di bawah kementerian, mengadakan *capacity building*, melalui latihan dan latihan semula kepada pegawai-pegawai supaya mereka lebih mengetahui *core business* kementerian ini yang kian bertambah dan insya-Allah kita akan menubuhkan Bahagian Pemantauan dan Inspektorat untuk memantapkan sistem dan kaedah pemantauan yang berjadual bagi kementerian. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah kementerian mempunyai rekod, berapa banyak lagi kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai jalan raya yang boleh menghubungkan kampung-kampung tersebut dengan pekan-pekan kecil yang berhampiran dan adakah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini telah memasukkan secukupnya, untuk membiayai program-program tersebut.

Saya timbulkan persoalan ini, kerana baru-baru ini saya berpeluang menonton TV dan melihat sebuah kampung yang begitu aktif dan meriah masyarakatnya iaitu Kampung Bantal di Ulu Tembeling, masih menggunakan bot sebagai jalan perhubungan dengan pekan yang berhampiran iaitu Kuala Tahan yang perjalanannya memakan masa selama 4 jam untuk sampai. Barangkali dalam hal semacam ini, saya terkejut melihatnya. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memangnya kita sentiasa mengemaskinikan maklumat-maklumat mengenai prasarana-prasarana yang diperlukan dan untuk makluman Yang Berhormat, di sinilah kami memerlukan sangatlah sokongan wakil rakyat yang telah dipilih seperti yang ada di dalam Dewan yang sebelah untuk menentukan kepada kementerian, selain daripada pegawai membuat perancangan, wakil rakyat-wakil rakyat dan semua pejabat pembangunan daerah atau Pejabat Daerah juga perlu memainkan peranan supaya yang ini sepatutnya tidak berlaku seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Dari segi peruntukan memang mencukupi. Kalau tidak mencukupi pun, kalau didapati kes-kes sebegini akan dicari peruntukan untuk mengadakan perhubungan yang asas di kampung. Terima kasih

7. **Tuan Benedic Bujang Tembak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, memandangkan Singapore Airlines (SIA) telah menggantung penerbangannya ke Kuching, setakat ini adakah MAS bercadang mengambil tindakan untuk menambah penerbangannya di antara Kuching dan Singapura.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini penerbangan Malaysia mengendalikan dua perkhidmatan setiap hari dengan menggunakan Pesawat 737 di antara Singapura dan Kuching. Sebelum menggantung perkhidmatan mulai 28 Oktober tahun 2001, Singapore Airline (SIA) mengendalikan dua perkhidmatan pesawat Airbus seminggu di antara Singapura dan Kuching.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada purata faktor muatan penumpang MAS di antara Singapura dan Kuching ulang alik bagi tempoh April hingga 31 Oktober 2001, adalah sebanyak 63%. Berdasarkan kedudukan tersebut, adalah didapati kapasiti yang mencukupi di dalam perkhidmatan MAS untuk membawa penumpang-penumpang dan penerbangannya antara Kuching dan Singapura untuk menampung kelebihan penumpang akibat daripada penggantungan oleh SIA.

Walau bagaimanapun pihak MAS akan sentiasa memantau perkembangan perkhidmatan di sektor ini dan sekiranya didapati terdapat permintaan terutama di musim-musim perayaan, MAS akan mengadakan penerangan tambahan.

Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian sedar bahawa perkhidmatan SIA ke Kuching dari Singapura adalah popular dan dengan itu ianya telah banyak membawa pelancong-pelancong ke Sarawak melalui SIA. Jadi soalan saya, seperti apa yang saya tanya tadi sama ada kementerian sedar dengan perkara itu dan adakah dalam masa yang terdekat pihak kementerian akan mengkaji semua penangguhan penerbangan SIA itu. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Penangguhan penerbangan SIA itu dibuat dengan sendiri oleh kerana sebab-sebab yang tertentu yang sekarang ini banyak menjadi sebagai satu paradigma atau masalah kepada semua *airlines* dalam dunia ini terutama sekali masalah ekonomi.

Walau bagaimana pun, seperti yang saya sebut tadi, purata penumpang daripada Singapura ke Kuching yang dibawa oleh pihak MAS mahupun pihak SIA adalah 63% puratanya. Jadi pemberhentian SIA, penerbangannya Singapura-Kuching-Singapura dapat diresapi oleh lebih penumpang yang sepatutnya di bawah oleh Singapore Airline (SIA), diresapi oleh pihak MAS kerana kapasiti 63%.

Jadi yang lebih itu kalau ada diperlukan hendak diangkut juga maka pihak MAS akan sedia menambahkan penerbangannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan sedar bahawa tambang daripada Kuala Lumpur ke London melalui MAS adalah RM800 lebih mahal kalau dibandingkan menggunakan penerbangan Singapore Airlines daripada Kuala Lumpur ke Singapura dan dari Singapura ke London? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Ini kita sedar, Yang Berhormat.

8. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilangan Kampung Baru India yang terdapat di negara ini dan apakah kriteria supaya sesuatu kawasan itu diterima sebagai Kampung Baru.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jaya Partiban. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kampung-kampung baru yang sedia ada sekarang adalah merupakan kawasan penempatan yang diwujudkan semasa zaman darurat pada tahun 1948 sehingga 1960 sebagai satu strategi keselamatan untuk membanteras ancaman pengganas komunis di Semenanjung Malaysia. Kampung-kampung baru ini kebanyakan adalah kekal sehingga ke hari ini.

Selain daripada kampung baru yang diwujudkan pada zaman darurat, kerajaan tidak mempunyai kriteria-kriteria khusus untuk mewujudkan kampung-kampung baru memandangkan tiada lagi keperluan untuk mewujudkan kampung baru. Walau bagaimanapun, bagi menyediakan kemudahan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan mengatasi masalah setinggan, beberapa negeri seperti Perak, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor telah mewujudkan kawasan-kawasan penempatan dalam bentuk perkampungan menerusi pemberian milik tanah kepada golongan yang disasarkan ini.

Kawasan-kawasan perkampungan ini biasanya terdiri daripada tanah-tanah kerajaan, contohnya bekas-bekas tanah lombong yang telah luput tempoh pemajakannya. Selain daripada itu, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan juga mewujudkan kawasan-kawasan penempatan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap ekonomi golongan yang berpendapatan rendah menerusi pembukaan tanah di bawah Akta Tanah Berkelompok seperti pembukaan Rancangan Tanah FELDA dan RISDA dan pembukaan tanah-tanah pinggir oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kawasan penempatan yang diwujudkan selepas daripada kampung-kampung baru pada zaman darurat adalah memberi peluang yang sama kepada rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum termasuk kaum India untuk menikmati kemudahan ini. Sekian, terima kasih.

9. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah hektar tanah yang digunakan untuk tanaman kelapa sawit di seluruh negara mengikut pecahan negeri dan apakah jangkaan masa hadapan terhadap industri kelapa sawit negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, izinkan saya untuk menjawab bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan See Too Mee pada 3 Disember 2001 dan Datuk Ghazi bin Haji Ramli pada 13 Disember 2001 memandangkan ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini juga agak panjang oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut meminta jawapan yang begitu terperinci dan *detail* sekali.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah keluasan tanah yang digunakan untuk tanaman kelapa sawit di seluruh negara ialah sebanyak 3.50 juta hektar. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Hektar</u>
Johor	634,716
Kedah	57,375
Kelantan	72,065
Melaka	43,859
Negeri Sembilan	23,343
Pahang	514,710
Pulau Pinang	14,665
Perak	303,533
Selangor	135,467
Terengganu	145,767
Sabah	1,000,777
Sarawak	320,387

Tuan Yang di-Pertua, industri kelapa sawit pada ketika ini menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan daripada segi hingga pasaran. Pada masa ini, hingga purata minyak sawit berada di paras RM1,000 setan metrik berbanding sekitar RM700 hingga RM815 di tengah tahun pertama 2001. Manakala harga jualan buah kelapa sawit di pintu kilang berada di sekitar RM220 setan berbanding RM100 hingga RM120 pada setengah tahun pertama 2001. Stok akhir bulanan minyak sawit pula kembali ke paras yang berpatutan iaitu di sekitar 880,000 tan metrik pada bulan Ogos berbanding paras melebihi 1.1 juta tan metrik pada setengah tahun pertama 2001.

Berdasarkan perkembangan ini, kementerian saya menjangkakan industri kelapa sawit negara akan kembali pulih daripada kejatuhan harga yang teruk pada dua tahun yang lepas. Dalam jangka masa panjang saya percaya industri kelapa sawit akan terus mempunyai masa depan yang cerah. Ini adalah disebabkan oleh permintaan terhadap minyak sawit akan terus meningkat pada masa hadapan berikutan daripada pertumbuhan penduduk dunia dan peningkatan dalam pendapatan. Kedua-dua faktor ini lazimnya memberikan kesan yang positif ke atas permintaan.

Selain daripada itu, termasuk China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan langkah India mengurangkan duti import minyak kelapa sawit, turut mempengaruhi pemulihan industri sawit. Ini adalah kerana China dijangka akan meningkatkan kuota eksport minyak sawit kepada 2.4 juta tan metrik pada tahun 2002 berbanding dengan 1.4 juta tan metrik yang ditetapkan pada tahun ini. Bagi India pula, mengurangkan duti import bagi minyak sawit mentah daripada 75% kepada 65% akan menggalakkan pembelian minyak sawit pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, jangkaan peningkatan prestasi industri ini juga adalah berikutan daripada langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian saya dalam usaha untuk menstabilkan harga minyak sawit di pasaran. Antara langkah-langkah yang tersebut ialah seperti berikut:

- (i) menggalakkan tanaman semula kelapa sawit;
- (ii) menggalakkan penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar;
- (iii) pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah;
- (iv) pemotongan ses minyak sawit sebanyak RM4.00;
- (v) penawaran kemudahan kredit melalui Palm Oil Credit Payment and Arrangement, dengan izin, kepada negara-negara berpotensi mengimport minyak sawit;
- (vi) mengadakan peraturan perdagangan secara timbal balas yang melibatkan pembayaran dengan minyak kelapa sawit;
- (vii) menyediakan skim pinjaman mudah untuk pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula sawit tua;
- (viii) membina sebuah loji diesel sawit;
- (ix) mewujudkan kerjasama dengan Indonesia dalam bidang pemasaran R&D dan peningkatan penggunaan sawit sama ada di pasaran dalam ataupun luar negeri;
- (x) penghantaran misi ekonomi dan teknikal minyak sawit ke luar negara terutama ke negara-negara yang berpotensi menjadi pengguna kelapa sawit; dan
- (xi) meluaskan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan eksport minyak sawit negara, kementerian saya telah mengenal pasti beberapa negara tertentu sebagai pasaran. Berhubungan dengan hal ini, negara-negara Arab atau Asia Barat adalah di antara pasaran minyak sawit Malaysia yang dianggap penting. Terdapat 19 negara-negara yang menjadi pasaran minyak sawit Malaysia, iaitu Algeria, Bahrin, Mesir, Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Lubnan, Libya, Morocco, Oman, Qatar, Arab Saudi, Serbia, Sudan, Tunisia, Turkey, Emiriah Arab Bersatu dan Yaman.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jumlah eksport ke destinasi tersebut telah mencecah lebih daripada 1 juta tan metrik setahun. Antara pasaran utama bagi eksport minyak sawit Malaysia di negara-negara Arab berdasarkan jumlah eksport sejak lima tahun yang lepas (1996-2000) ialah Mesir dengan purata import 400,000 metrik tan setahun, Turkey - 160,000 metrik tan setahun, dan Arab Saudi - 140,000 metrik tan setahun. Dan bagi tempoh tersebut juga negara-negara Asia Barat tersebut telah mengimport sejumlah

5.33 juta metrik tan minyak sawit berbanding dengan negara-negara Eropah yang mengimport sebanyak 4.63 juta metrik tan dan Amerika sebanyak 0.65 juta metrik tan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada potensi yang baik ini, maka usaha-usaha promosi yang lebih agresif ke negara-negara Asia Barat telah diadakan dan akan terus dilaksanakan dan jika sesuai melalui usaha sama dengan sektor pelancongan juga. Antara rancangan promosi yang diadakan:

- (i) menyiarkan siaran-siaran iklan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dengan menyelitkan penanaman kelapa sawit sebagai sumber ekonomi negara;
- (ii) mengadakan program-program seperti demonstrasi masakan tradisional di hotel-hotel terkemuka di negara-negara Arab dengan menggunakan minyak sawit sebagai bahan masakan utama;
- (iii) menganjurkan pameran-pameran antarabangsa bersama-sama sektor pelancongan terutama bagi barangan buatan Malaysia yang diperbuat daripada minyak sawit sama ada di dalam keluaran bahan makanan dan juga bukan makanan; dan
- (iv) menawarkan kemudahan kredit di bawah skim POCPA jika bersesuaian.

Dengan usaha-usaha yang dinyatakan tadi kementerian saya yakin bahawa kita dapat meningkatkan lagi eksport minyak sawit ke negara-negara Arab.

Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendengar huraian yang telah disampaikan nampaknya Sabah *contribute* lebih kurang 40% hingga 45% kawasan yang telah ditanam dengan kelapa sawit. Untuk memastikan kestabilan harga memang mempelbagaikan kegunaan kelapa sawit ini amat mustahak. Saya ingin tahu apa perkembangan cadangan untuk menggunakan kelapa sawit sebagai petrol. Sejauh manakah kegunaannya telah berjaya?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Pada ketika ini, iaitu Petronas dan enam buah syarikat *plantation* utama di negara kita telah pun mengadakan satu rundingan yang terperinci. Pada ketika ini satu syarikat yang telah dilantik untuk mengkaji data-data supaya ianya apabila dibina, maka ia akan membawa manfaat kepada bukan sahaja industri ladang kelapa sawit tetapi juga negara kita.

Pada ketika ini kita menganggapkan bahawa sekiranya ia *viable* daripada segi perangkaan maka ia akan menggunakan sebanyak 600,000 tan setahun. Jadi, oleh kerana harga kelapa sawit pada ketika ini agak tinggi, maka perangkaan itu tidak begitu menarik pada ketika ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dijalankan dan kita berharap maka pada suatu masa kelak ia akan menjadi satu realiti. Terima kasih.

Tuan Kee Ah Kau: Tuan Yang di-Pertua, selama ini kelapa sawit ditanam di seluruh negeri di negara kita. Tetapi saya rasa sampai sekarang ini harganya RM450 turun kepada RM150. Saya cuba hendak tahu apakah rancangan kementerian untuk pekebun-pekebun kecil ini atau memberikan mereka subsidi. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah pun mengadakan beberapa skim untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang telah pun menderita akibat daripada kejatuhan harga. Di antaranya ialah kita telah pun mengadakan satu dana di mana pekebun-pekebun kecil kita nasihatkan mereka di mana pokok-pokok mereka yang melebihi usia 25 tahun supaya ianya ditanam semula dengan klon-klon yang mempunyai produktiviti yang tinggi dan secara langsung akan mengurangkan kos pengeluaran.

Kita juga telah pun menggalakkan pekebun-pekebun kecil supaya sekiranya keluasan tanah mereka tidak begitu ekonomik, maka kita juga galakan supaya ianya

mengadakan *integrated farming*. Dan langkah-langkah di mana kita cuba untuk meningkatkan harga buah tandan kepada satu harga yang membolehkan pekebun-pekebun kecil untuk mereka berusaha supaya dapat menampung keluarga mereka dan daripada segi aspek subsidi kita tidak menggalakkan subsidi ini diberi oleh kerana kita mahu pekebun-pekebun kecil kita menggunakan kaedah-kaedah yang betul-betul boleh meningkatkan produktiviti kita.

Sekian, terima kasih.

10. **Puan Chew Poh Thoi** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan yang sedia ada untuk mengatasi masalah banjir kilat di ibu kota dan juga rancangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memandang berat tentang masalah banjir yang sering berlaku di ibu kota Kuala Lumpur. Ini dicerminkan dalam peruntukan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan yang berjumlah RM614 juta bagi kerja tebatan banjir di Kuala Lumpur. Dari jumlah ini, sebanyak RM140 juta dijangka dibelanjakan pada tahun 2001.

Di antara hasil program tebatan banjir di Bandaraya Kuala Lumpur ialah Sungai Klang, di sekitar Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat yang telah dibesarkan dan tebingnya telah dikukuhkan dengan konkrit. Dengan kerja ini, Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat telah diselamatkan dari kejadian banjir akibat dari pelimpahan Sungai Klang pada 29 Oktober yang lepas. Walaupun bahagian Sungai Klang yang baru diperbaiki dapat menampung aliran banjir ini tetapi kapasiti bahagian Sungai Klang di Jalan Melaka, di Jalan Dang Wang dan di Jalan Tun Perak telah berkurang kerana terdapat halangan atau sekatan di dalam sungai seperti platform LRT di stesen Masjid Jamik dan juga tiang-tiang LRT. Keluasan sungai di kawasan ini tidak dapat dibesarkan lagi kerana terdapat bangunan-bangunan komersial seperti Bank Bumiputra Commerce dan Chartered Bank yang terletak di tebing sungai. Oleh yang demikian sungai melimpah dan membanjiri kawasan sekitarnya.

Tuan Yang Di-Pertua, antara rancangan yang sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran ialah:

- i) Rancangan Penebatan Banjir Lembah Sungai Klang dan dijangka siap pada tahun 2005;
- ii) pembinaan terusan lencongan Sungai Gombak serta pembinaan kolam takungan Sungai Batu dan dijangka siap akhir tahun ini;
- iii) projek tebatan banjir Sungai Klang dari jambatan Lebuh raya Persekutuan hingga jambatan Jalan Klang Lama berhampiran Taman Sentosa yang masih di peringkat reka bentuk dianggarkan berjumlah RM40 juta. Projek tebatan banjir Sungai Klang dari Jalan Klang Lama hingga ke Pelabuhan Klang sedang dalam peringkat perlaksanaan;
- iv) projek pembinaan kolam takungan banjir di Sungai Keroh di Kampung Sungai Udang;
- v) mendalam dan meluaskan Sungai Gombak, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Batu, Sungai Balakong, Sungai Penchala, Sungai Kuyuh, Sungai Bokol, Sungai Kerayong dan Sungai Kemuning;
- vi) meninggikan empangan Klang Gate dan pembinaan empangan batu bagi menambah isi padu takungan air banjir;
- vii) projek pembersihan Sungai Klang di kawasan pusat bandar yang meliputi kerja-kerja meluas dan mendalamkan saluran sungai supaya mengurangkan kesan buruk akibat halangan struktur stesen LRT serta jambatan Kinabalu yang rendah; dan

- viii) pembinaan stesen pam di Kampung Baru.

Dalam usaha mengatasi banjir setempat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur meningkatkan usaha memperbaiki sistem perparitan secara berterusan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui belanjawan tahunan telah menyediakan peruntukan bagi tiga kategori kerja utama iaitu:

- (i) projek-projek perparitan yang merangkumi pelebaran parit induk di kawasan yang mudah dilanda banjir;
- (ii) kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai yang melibatkan kerja-kerja seperti pembersihan, memerangkap sampah, membersihkan tebing dan rizab sungai; dan
- (iii) kerja-kerja pengorekan lodak dan kerja-kerja membaiki tebing sungai yang runtuh dan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saluran induk merangkumi kerja baik pulih saluran induk yang runtuh dan menaikkan taraf saluran induk yang sedia ada yang kurang sempurna.

Dalam usaha mengurangkan bencana banjir di Kuala Lumpur bagi tahun 2001, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM41.2 juta untuk melaksanakan projek-projek perparitan dalam kawasan Kuala Lumpur supaya banjir kilat setempat dapat diminimumkan.

Banjir yang berlaku pada 26 April 2001 dan 29 Oktober 2001 merupakan banjir besar. Ini disebabkan Sungai Klang dari jambatan Jalan Sultan Ismail ke jambatan Jalan Tun Perak tidak mempunyai keupayaan untuk menampung aliran air. Ini menyebabkan air melimpahi tebing dan membanjiri kawasan pusat bandar.

Maka satu pendekatan baru yang lebih dengan izin, *drastic* dan dengan izin *holistic*, perlu dipertimbangkan bagi mengadakan dengan izin, *flood bypass* yang boleh melencongkan air hujan lebat dari hulu Sungai Klang supaya dapat dikawal dan mengurangkan aliran yang memasuki bahagian Sungai Klang yang bermasalah di pusat bandar raya dan juga penyediaan kolam takungan. Terima kasih.

11. **Tuan Yew Teong Look** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sama ada cadangan untuk meminda Akta Hakcipta bagi mengatasi masalah penyiaran program melalui TV dan radio di kedai kopi tradisi di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yew Teong Look yang begitu prihatin ke atas pembayar royalti kepada pemilik hakcipta. Tuan Pengerusi, hakcipta adalah merupakan hak individu dan pemilik hakcipta mempunyai hak untuk mengawal penggunaan karya hakcipta mereka. Ini adalah merupakan amalan biasa di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memastikan bahawa penggunaan karya hakcipta tidak membebankan pengguna-pengguna. Bagi pekedai kopi tradisional, persetujuan telah dicapai dengan pemilik hakcipta untuk mengecualikan mereka dari membayar royalti ke atas karya muzik yang disiarkan melalui program TV dan radio.

Di samping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga sedang meneliti kaedah yang sesuai bagi memastikan pihak-pihak lain juga dapat menggunakan siaran muzik melalui program TV dan radio dengan lebih adil dan berpatutan. Sekian, terima kasih.

12. **Puan Hajah Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah prosedur biasa yang disediakan oleh pihak Kementerian kepada pihak sekolah khususnya guru-guru dalam menangani satu-satu masalah atau kes jenayah yang dilakukan oleh para pelajar sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Safinah. Kementerian Pendidikan ada

mempunyai prosedur yang *standard* untuk dipatuhi oleh semua guru dalam menangani semua masalah disiplin di sekolah. Dalam hal ini sesuatu prosedur dilaksanakan mengikut jenis kesnya. Prosedur tersebut terkandung di dalam buku yang bernama "Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru", selaras dengan peraturan-peraturan pelajaran atau disiplin sekolah tahun 1959 di bawah Ordinan Pelajaran 1957. Ia mengandungi panduan lengkap langkah-langkah yang harus dan boleh diambil oleh guru semasa menangani satu-satu masalah atau kes jenayah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, adalah difahamkan bahawa di sesetengah sekolah terdapat guru-guru kaunseling yang dilantik sebagai pegawai kaunseling sepenuh masa. Sejauh manakah kejayaan langkah-langkah ini dan berapa banyakkah sekolah-sekolah yang menempatkan pegawai-pegawai kaunseling tersebut? Soalan yang kedua, sejauh manakah hubungan yang dijalinan di antara pihak sekolah dengan ibu bapa para pelajar dan juga masyarakat setempat yang berhampiran dengan sekolah berkenaan? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Bagi saya hendak memberi jumlah guru kaunseling di semua sekolah pada ketika ini tidaklah dapat. Walau bagaimanapun, apabila kita lihat, pada keseluruhannya bilangan kes yang luar biasa amat kecil. Maka bagi saya kejayaan kaunseling ini sudah pun terbukti ada. Berhubung dengan kerjasama ibu bapa dan guru-guru, seperti yang Yang Berhormat faham dan maklum, semua sekolah mempunyai Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru dan inilah forum atau platform yang terbaik bagi masyarakat untuk mendekati diri mereka kepada sekolah-sekolah. Mudah-mudahan Persatuan Ibu Bapa yang disokong oleh guru-guru akan dapat membuat sesuatu yang positif untuk kebaikan anak-anak kita pada masa hadapan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap soalan saya tidak lari daripada soalan awal dan masih dalam kementerian. Kementerian Pendidikan mewajibkan pelajar-pelajar ke sekolah dan mendenda ibu bapa kiranya tidak menghantar anak-anak ke sekolah. Soalan tambahan, adakah kementerian pernah membuat kajian awal kesesuaian undang-undang ini ditetapkan memandangkan masih ada ibu-bapa di pedalaman yang sekolahnya berjauhan dan juga kemiskinan melanda? Jadi mereka bukan tidak mahu hantar anak tetapi permasalahan ini yang ditanggungkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang kita lakukan bukanlah satu perkara yang tetap. Kita mempunyai fleksibiliti ataupun ada kelonggaran. Kita faham bahawa negara kita bentuk buminya tidak serupa dan kemudahan yang kita lihat pun tidak sama. Sudah pasti, umpamanya satu contoh, pada musim durian kebanyakan anak-anak orang asli tidak akan datang ke sekolah kerana itu adalah mata pencarian kepada ibu bapa dan juga anak-anak. Kita faham ini.

Demikian juga setengah-tengah tempat yang jauh daripada kemudahan, anak-anak ini digunakan sebagai pembantu kepada ibu bapa. Ini juga kita faham. Hanya kita memikirkan kalau tidak dimulakan satu-satu yang tetap, umpamanya menentukan apakah pada masa hadapan yang kita harus lakukan kepada anak-anak kita. Maka kita faham di kawasan-kawasan bandar segala kemudahan yang ada kalau masih ada ibu bapa yang tidak menghantar anaknya maka ini adalah suatu penganiayaan. Oleh sebab itu kerajaan seharusnya mengambil tindakan kepada ibu bapa yang berkelakuan demikian. Kita ambil kira tempat-tempat yang jauh daripada kemajuan. Terima kasih.

13. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan mengizinkan kemasukan pekerja-pekerja dari Negeri China ke dalam negeri kita supaya bekerja di sektor pertanian, pembinaan atau sebagai pembantu rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kerajaan membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing dari negara-negara Indonesia, Thailand, Kemboja, Myanmar dan Nepal

sahaja untuk bekerja di sektor-sektor perkilangan, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan. Bagi pembantu rumah pula, pengambilan hanya dibenarkan bagi warganegara Indonesia, Thailand, Kemboja, Filipina dan Sri Lanka.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Apakah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan terhadap pekerja-pekerja asing yang bekerja dalam negara kita setakat ini?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Syaratnya ialah tempoh masa yang dibenarkan dan tidak melebihi daripada tempoh masa itu, dan jika perlu ada kemahiran-kemahiran yang sedikit-sebanyak berkaitan dengan kerja-kerja yang mereka akan buat.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan ekonomi kita yang menghadapi sedikit kegawatan, apakah kerajaan akan menimbangkan supaya levi pekerja-pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang boleh diturunkan? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, ini juga akan diberikan pertimbangan di mana-mana yang kita perlukan lebih ramai pekerja-pekerja asing dan kemungkinan kerja-kerja ini tidak dapat dipenuhi oleh anak tempatan.

14. **Datuk Christine Tibok Vanhouten** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah Pulau Gaya, yang banyak berlaku aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan senjata api haram dan dadah di Pulau yang boleh menjadi ancaman keselamatan kepada negara.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah dengan meningkatkan lagi sistem kawalan pantai terutamanya di kawasan pulau-pulau di perairan Sabah. Ops Pasir yang sedang dijalankan pada masa ini merupakan operasi bersepadu antara pihak polis dan Angkatan Tentera Malaysia. Rondaan oleh pasukan gerakan am dan juga kawalan oleh angkatan tentera sering dijalankan bagi memastikan tiada kejadian penyeludupan dan juga kemasukan pendatang asing daripada berlaku. Rondaan pantai dan perairan juga dilakukan secara bersama antara Polis Marin dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia. Maklumat daripada orang ramai serta masyarakat tempatan sering dirisikkan dari masa ke semasa untuk memantau apa juga aktiviti jenayah yang boleh mengancam keselamatan negara. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PERLESENAN) (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[28 November 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu menyambung ucapan.

11.18 pagi

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyambung ucapan saya di atas Rang undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sekali lagi. Saya tidak berhasrat untuk berbahas dengan panjang lebar oleh kerana rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini telah berbahas dan telah

membincangkan isu-isu yang terkandung di dalam rang undang-undang ini dan juga mereka telah melahirkan beberapa idea-idea dan cadangan-cadangan kepada kementerian dan saya berharap kementerian akan mendapat faedah dan manfaat daripada idea yang dilahirkan dan ini akan menolong mereka menggubal akta ini.

Saya cuma menyentuh di atas satu dua perkara, Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang pertama ialah baru-baru ini saya membaca daripada surat khabar bahawa larangan pemberian pinjaman titian iaitu *bridging loan* telah pun dimansuhkan oleh Bank Negara Malaysia, bagi pembangunan hartanah perumahan dan juga untuk rumah kedai berharga melebihi RM250,000 ribu se unit dan pengumuman ini adalah dialu-alukan oleh sektor pembinaan dan pemansuhan ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada sektor pembinaan dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi negara.

Apa yang saya bimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah walaupun pemansuhan ini dialu-alukan kita harus sedar bahawa sehingga bulan Jun 2001 masih ada bilangan unit perumahan yang tidak terjual iaitu sejumlah 35,203 unit bernilai RM4.9 bilion. Kementerian ini harus memantau dan monitor kesan pemansuhan ini supaya satu situasi di mana sektor ini menjadi *over built* dan situasi ini iaitu *glut* ini mungkin tidak akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan tidak mungkin meningkatkan taraf ekonomi kita.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah mengenai perumahan untuk penghuni-penghuni ladang atau pun estet. Masyarakat ladang-ladang tidak menikmati perumahan yang selesa dan infrastruktur yang memuaskan seperti bekalan air, elektrik, sekolah-sekolah yang memuaskan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa sebahagian bilangan estet-estet di negara kita memberi kemudahan-kemudahan yang memuaskan tetapi majoriti estet-estet ladang itu tidak mengimplementasikan satu skim perumahan sendiri untuk penghuni-penghuni estet iaitu *House Ownership Scheme*. Saya masih ingat di bawah kepimpinan Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak RM10 million telah diperuntukkan untuk sebagai *revolving fund* bagi perumahan estet. Selepas tiga dekad daripada skim itu diperkenalkan tidak ada satu pelan induk ataupun pelan tindakan untuk penghuni-penghuni estet. Majoriti estet-estet di seluruh negara tidak mengambil tindakan yang sewajarnya dan hanya segelintir estet memohon kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak ladang-ladang di seluruh negara kita telah diambil alih oleh syarikat-syarikat untuk pembangunan seperti pembinaan untuk kelab-kelab golf, taman perumahan dan tapak untuk kilang-kilang dan sebagainya. Apa yang menyedihkan hati kita ialah di mana estet itu diambil untuk membuat taman perumahan, penghuni-penghuni estet itu tidak mampu membeli rumah-rumah itu. Kumpulan ini yang tidak mempunyai rumah-rumah sendiri berhijrah ke bandar-bandar dan menjadi penghuni-penghuni kawasan setinggan. Semalam saya telah membangkitkan isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh setinggan di seluruh negara dan saya telah mencadangkan satu badan ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat ladang telah menderita sepanjang 100 tahun. Masyarakat itulah *a long suffering community* dan mereka telah menyumbang kepada pembangunan negara secara positif dan saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Hassan Shukri bahawa penghuni estet-estet itu harus diberi tapak tanah untuk mendirikan rumah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perumahan estet-estet itu tidak ada di bawah kuasa kementerian ini tetapi apabila satu pelan induk disediakan untuk mencapai satu tahap *house owning democracy*, saya berharap perumahan estet mungkin dimasukkan dalam pelan itu dan tindakan sewajarnya harus diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan kakitangan kementerian yang telah menerima idea-idea dan cadangan-cadangan yang telah dilahirkan oleh rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini. Saya berharap input yang diberikan di

Dewan ini akan mendapat perhatian yang serius oleh pihak kementerian. Dengan kata-kata itu saya pohon menyokong akta ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

11.28 pagi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan yang lain bangun dan mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana dapat menyediakan Akta Pemaju Perumahan 1966 untuk kita membuat pindaan bagi tahun 2001 ini dan sebagai memperkukuh kedudukan beberapa perkara yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam pembentangan beberapa hari yang lalu.

Saya seperti rakan-rakan yang lain juga ingin menyokong akta pemaju perumahan ini dan di samping itu juga kita merasakan bahawa masalah perumahan di negara kita sebenarnya telah mencapai satu status yang agak membanggakan untuk rakyat. Daripada perumahan yang sofistikated, yang mewah sehinggalah kepada perumahan rakyat yang melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan PPRT. Jadi, perumahan rakyat yang miskin walaupun tidak di bawah kementerian ini tetapi sekurang-kurangnya melalui dasar induk negara kita, kita telah dapat menyediakan banyak bantuan dan sokongan daripada kerajaan menyediakan dana-dana tertentu untuk menyediakan rumah rakyat kita yang miskin bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi juga untuk beberapa bangsa-bangsa utama dan seluruh rakyat negara kita.

Kaum India mungkin bermasalah banyak di dalam estet dan sebagainya. Kaum Cina mungkin bermasalah dengan kemiskinan di kawasan bandar dan kaum Melayu mungkin bermasalah di kawasan luar bandar. Walaupun masalah-masalah ini dalam program kita menyatupadukan rakyat, kita tidak lagi meletakkan kawasan atau tempat sama ada luar bandar, bandar ataupun estet sebagai satu daripada *locality* bangsa atau pun ras di dalam negara kita tetapi kita yakin dan percaya masalah perumahan di negara kita ini akan menjadi satu pembentukan baru ke arah penyatuan seluruh bangsa di negara kita. Sebab itulah melalui program-program perumahan sama ada kerajaan ataupun swasta kita berharap komposisi kaum harus dilihat lebih saksama supaya integrasi nasional akan dapat kita capai dalam jangka masa yang kita menjangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, akta pemaju ini juga selalunya apabila kita membentangkan akta ini ianya mempunyai kaitan dengan.....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, akta pemaju selalu kita membentangkan, bagaimanakah kita meletakkan undang-undang, aturan dan peraturan kepada pemaju. Kita sama ada sedar atau tidak sedar di bawah usaha-usaha yang dilakukan semasa gawat dahulu pada tahun 1998 dan 1999 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selaku penyelesaian masalah ekonomi negara melalui perancangannya, persatuan pemaju perumahan di Malaysia ini telah dapat berpakat dengan dapat membuat satu gerakan penjualan sehingga beberapa bilion telah dapat dijual dalam masa beberapa seminar ataupun ekspo yang diadakan oleh persatuan pemaju perumahan di negara kita. Dan pemaju sama ada kita setuju atau tidak bersetuju, ada kekangannya ataupun *constraint*, dengan izin, perkara-perkara yang bermasalah dengan pelesenan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pemaju di negara kita boleh dikategorikan kepada 3 jenis. Pertama, pemaju dalam bentuk yang lebih besar, pemaju besar, pemaju yang sederhana dan ada juga pemaju kecil-kecilan iaitu membina rumah-rumah sekitar 10 hingga 50 unit teres dan sebagainya dan ini banyak berlaku di kawasan bandar-bandar kecil di seluruh negara kita dan kebanyakan mereka adalah bumiputera.

Saya berharap walaupun Akta Pemaju Perumahan ini akan menjanjikan satu penguatkuasaan undang-undang dengan lebih kemas dan ketat tetapi Menteri dan kementerian diharapkan dapat membuat satu garis panduan baru supaya pemaju-pemaju perumahan bumiputera yang kecil ini akan dapat terus hidup di kawasan-kawasan di luar ataupun di bandar-bandar kecil di seluruh negara.

Apabila sekali kegawatan ekonomi berlaku pada tahun 1980-an, tidak kurang daripada 500 usahawan bumiputera yang menjalankan projek pemaju perumahan secara kecil-kecilan telah gulung tikar dan sebagainya. Malah, *problem* ataupun masalah yang dihadapi sebahagian besar daripada usahawan sederhana dan kecil bumiputera ini yang melibatkan diri mereka sebagai pemaju, sampai sekarang pun belum lagi menyelesaikan masalah mereka walaupun Bank Negara melalui Tabung Perumahan TPPT yang diusahakan oleh Bank Negara dan Kementerian Kewangan.

Saya mengenali ramai di antara mereka ini, terutama sekali ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu yang setakat ini masih lagi belum menyelesaikan masalah mereka dan mereka masih terheret dengan suasana yang bermasalah setakat ini .

Saya meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bank Negara supaya menilai perkara ini. Walaupun kita melihat penguatkuasaan untuk pengguna dan pembeli rumah itu penting tetapi pembangunan usahawan bumiputera juga penting di dalam kita meletakkan pendekatan-pendekatan sebagai penterjemahan dasar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berterima kasih kepada persatuan pemaju ini, sekurang-kurangnya ianya meletakkan satu kekuatan baru selepas pemulihan ekonomi pada tahun 1998. Gerakan pemulihan ekonomi ini banyak dibantu oleh pemaju-pemaju perumahan dan kita berharap kejayaan pemaju perumahan ini bukan dalam bentuk yang komersial semata-mata kerana kita tahu dalam masyarakat di Malaysia ini, mana-mana usahawan yang berjaya tidaklah sepatutnya meletakkan aspek komersial semata-mata. Banyak pemaju gergasi di negara kita setakat ini hanya menjanjikan *lip service*, dengan izin, sehingga banyak masalah yang dihadapi oleh kawasan-kawasan perumahan baru.

Kita pun terbaca di dalam akhbar dan juga ternampak di dalam TV dan sebagainya bahawa banyak di antara perumahan-perumahan yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju raksasa ini atau pemaju-pemaju besar ini akhirnya tidak dapat memberi kepuasan ataupun bekalan air, retak dan sebagainya.

Jadi, dengan cara ini juga kita berharap kerajaan dapat menyediakan satu pendekatan melalui kerjasama majlis kerajaan tempatan di mana-mana pun supaya masalah *follow-up service*, dengan izin, atau perkhidmatan lanjutan ataupun perkhidmatan selepas perumahan diberikan CF ini harus juga ada usaha-usaha kerajaan dan kementerian supaya pengguna dan pembeli tidak akan menghadapi masalah-masalah sampingan seperti yang saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini di negara kita menjangkakan melebihi 22 juta rakyat. Saya ingin mengetahui daripada kementerian, apakah bentuk rancangan kita untuk membina rumah baru, di samping kita membuat perumahan yang sedia ada ini? Dari segi pertambahan penduduk, berapakah sebenarnya rakyat di negara kita yang berumur mungkin di antara 30 tahun ke atas yang telah memiliki rumah? Apakah kita mempunyai satu daftar yang lengkap supaya kita dapat membuat perancangan unjuran? Apakah dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti, kita dapat menyelesaikan lebih daripada 50% permasalahan yang akan dihadapi oleh bakal pemilik-pemilik rumah?

Kita tahu bahawa kekangan tanah adalah satu faktor yang agak penting di dalam menyediakan projek baru perumahan sama ada daripada swasta atau kerajaan-kerajaan di peringkat negeri dan kita nampak walaupun berapa bagus sekali pun perancangan dan gerakan yang akan dibuat oleh kerajaan pusat, ianya seolah-olah proses penyediaan tanah. Kelulusan tanah oleh kerajaan-kerajaan negeri, nampaknya agak lembap dan tidak dapat menetapi sasaran yang dikehendaki oleh kementerian dan kerajaan pusat.

Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan, walaupun kita sudah ada beberapa majlis dan juga jawatankuasa di bawah kementerian dan juga kita mempunyai satu

hubungan pengurusan yang baik di antara kerajaan-kerajaan negeri dan kementerian tetapi ianya harus dilihat dalam bentuk kerjasama yang lebih erat supaya sasaran dapat kita laksanakan, supaya matlamat atau konsep satu keluarga satu rumah ini untuk rakyat Malaysia dapat kita laksanakan sebagaimana yang saya cadangkan tadi, di antara umur 30 hingga 35 tahun kepada ketua keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri juga harus menggunakan syarikat-syarikat perumahan mereka dengan bekerjasama dengan syarikat perumahan di peringkat kebangsaan supaya jumlah perumahan untuk rakyat ini dapat kita jalinkan supaya sasaran ini dapat kita perbetulkan kerana kita tahu apabila ada satu projek perumahan di peringkat negeri mana sekalipun, maka biasanya borang yang dikeluarkan untuk rumah sekitar pembinaan 1,000 buah, mungkin pemohonnya sampai ke tahap 5,00 hingga 10,000 orang.

Apakah ini kita tidak dapat menyediakan data yang diperlukan sebagai satu permintaan daripada rakyat? Kita tidak menyekat kepada rakyat yang mempunyai keupayaan untuk membeli rumah yang lebih tetapi sekurang-kurangnya kita mesti menggerakkan usaha kita ke arah menyediakan pemilikan hak ini sekurang-kurangnya satu rumah biasa kepada seorang kepala keluarga di dalam negara kita dan umur yang paling sesuai yang sepatutnya pemilikan hak ini dapat kita laksanakan melalui rancangan ini kita berharap tidaklah sampai ke umur 45 atau 50.

Kita berharap sasaran ataupun *target* kita, dengan izin, di antara sekitar umur 30 dan 35 tahun. Biasanya mereka ini sudah berkahwin dan sudah ada beberapa orang anak, kalau mereka tidak mandul. Ya, Datuk Azah, ya? Maksudnya kalau tidak mandul, ada anaklah, kalau sudah kahwin antara 30 hingga 35 tahun ini. Kalau dia kahwin umur 28 atau 30, dia sudah ada anak dan amat sesuai mereka ini mempunyai sebuah rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pembiayaan di negara kita juga, saya rasa walaupun ianya agak mudah apabila bank-bank di negara kita dapat memberi pinjaman perumahan ini dengan mudah tetapi saya rasa ada dua faktor yang harus dinilai ataupun dikaji dengan sungguh-sungguh kerana mengikut sudut pembinaan di negara kita, harga sebuah rumah di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan negara-negara maju yang lain kerana kita pun ke arah hendak ke negara maju, sebenarnya kita melebihi, amat mahal sebenarnya rumah yang dijual di negara kita.

Sebuah rumah yang berkemungkinan kualiti dan kedudukan besar dan dibuat daripada batu konkrit dan sebagainya dengan kualiti yang sama yang dijual di Malaysia ini mungkin RM100,000, berkemungkinan di Australia hanya RM50 ribu sahaja. Jadi, masalah harga rumah di negara kita harus dibuat kajian terperinci dengan menggunakan beberapa institusi yang mempunyai kepakaran seperti Institut Jurutera Malaysia, umpamanya, Institut Ukur Bahan, Institut Penilai yang bertauliah ataupun berlesen - saya pun tidak berapa tahu - kemudian beberapa institusi-institusi lain juga supaya membuat kajian supaya masalah rumah di negara kita ini dapat kita kurangkan.

Kalau tidak, apa yang berlaku sekarang ini kepada satu keluarga yang berpendapatan sederhana di antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan, apabila mereka mendapat pembiayaan bank dengan harga rumah yang agak tinggi, mereka sebenarnya meletakkan diri mereka secara komited selama hampir antara 10 hingga 15 tahun untuk membayar.

Jadi, ini akan menyekat kesuburan ekonomi keluarga individu tersebut, walaupun kita rasakan ini adalah satu hasrat yang baik oleh kerajaan tetapi adalah tidak payah ataupun adalah lebih baik dengan menggunakan beberapa kepakaran yang ada dalam negara kita supaya dapat mengkaji, supaya kos pembinaan, kos tanah dan juga kos bahan-bahan binaan ini, sekurang-kurangnya kalau tidak *at par* dengan negara-negara yang dapat menyediakan rumah yang lebih murah ini, ianya dapat sekurang-kurangnya tidaklah semahal yang ada pada hari ini.

Sekurang-kurangnya dari segi jangka panjangnya, komitmen ataupun pembiayaan keluarga yang membeli rumah ini tidak akan menemui permasalahan yang besar dan mereka boleh menggunakan dana keluarga mereka untuk perkara-perkara yang berkaitan. Dan ianya baik di dalam peningkatan piawai kehidupan masyarakat Malaysia apabila kita mempunyai penyediaan barangan yang murah dengan permintaan yang hebat daripada

orang ramai kerana kita tahu bahawa kalau di sekitar Lembah Klang ini sahaja, saya menjangkakan penjualan apabila ada siri-siri penjualan istimewa, kadang-kadang 1,000 atau 2,000 unit dan satu-satu pemaju itu macam jual goreng pisang.

Saya pernah pergi ke beberapa ekspo yang dilaksanakan oleh pemaju perumahan yang besar-besar ini. Kadang-kadang tidak payah tengok bentuk rumah di tapak, hanya disediakan dalam pelan arkitek sahaja, kemudian hendak atau tidak hendak, isi borang, kemudian kena beli. Kalau lambat beberapa jam, mereka mungkin tidak dapat. Pendekatan ini tidak sihat untuk pembeli-pembeli rumah.

Jadi, saya mengharapkan kepada kerajaan. Kita tahu bahawa gerakan pemasaran yang dilaksanakan oleh pemaju ini agak pintar tetapi kita berharap pilihan yang saksama dapat dilihat ataupun dilaksanakan kepada pembeli-pembeli dan bakal pemilik-pemilik rumah ini supaya mereka mempunyai ketenangan dalam membuat keputusan.

Sekali seorang yang akan membeli rumah ini membuat keputusan yang salah, sebenarnya mereka akan menghadapi masalah besar dalam kehidupan mereka. Kalau ahli korporat yang besar-besar seperti Datuk Ghazi, tidak ada masalah. Selain daripada rumah istananya, mungkin 100 atau 200 biji rumah yang lain tetapi kepada seorang pegawai eksekutif, ianya harus dilihat.

Ini kita rakamkan terima kasih atas keistimewaan yang telah diberikan kepada pemilik rumah yang mendapat pinjaman kerajaan oleh pegawai-pegawai kerajaan seperti kita ini. Tetapi masalah yang biasanya saya dapat daripada pegawai-pegawai kerajaan, apabila mereka mendapat pencen awal ataupun mereka berhenti berkhidmat dengan lebih awal, biasanya mereka menghadapi masalah untuk menyelesaikan rumah melalui pinjaman dengan Kementerian Kewangan.

Jadi, saya berharap satu kaedah sebagai satu insentif kepada kakitangan kerajaan walaupun mereka sudah berhenti kerja, satu *rescheduling* (penjadualan semula) harus dilakukan oleh Kementerian Kewangan Bahagian Pinjaman. Saya ingat Timbalan Menteri dan Menteri Perumahan kena maklum kepada Menteri Kewangan berkenaan supaya kita dapat membantu bekas-bekas pegawai kerajaan kita dan mereka ini kita galakan ramai di antara mereka untuk menjadi usahawanlah, untuk menjadi pelbagai perkara supaya mereka juga merupakan sebahagian daripada agregat dalam masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada harga rumah yang saya maksudkan tadi, saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan semula melalui pendekatan yang lebih profesional bahawa jenis rumah dan saiz rumah yang minimum yang sesuai, kalau kita melihat setakat ini yang paling utamanya apabila rumah teres yang dibina lebar ataupun yang di muka depan teres berkenaan sama ada setingkat atau dua tingkat di sekitar 20 hingga 22 kaki. Dan kalau Dewan Bandaraya membina rumah umpamanya dengan satu bilik setengah dan sesetengahnya ada dua bilik setengah bilik yang disediakan melalui rumah pangsa dan sebagainya apakah ini sesuai untuk masyarakat kita zaman kini.

Di samping kerajaan menggalakkan kita dapat melahirkan anak yang ramai dalam masa yang sama kita tidak mempunyai satu saiz rumah yang optimum kerana amat menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, kepada keluarga yang besar yang tidak berapa mampu mereka sebenarnya berada dalam keadaan yang *congested* dengan izin. Dalam masa yang sama tahun 1970-an, 1980-an kita meminta satu penghijrahan belia daripada luar bandar ke bandar supaya kita hendak adakan komposisi kaum lebih ramai di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan sebagainya. Tetapi kita mempunyai permasalahan baru sebagai mana dinyatakan oleh rakan-rakan sebelum saya terutama masalah setinggian dan juga masalah menyediakan sebuah flat untuk mereka.

Jadi, saya mencadangkan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, supaya melalui satu perundingan dan kajian secara terperinci apakah bentuk saiz yang paling optimum yang paling sesuai berasaskan kepada sudut pembesaran keluarga, psikologi, pendidikan anak-anak dan sebagainya. Kerana kadang-kadang kita hanya melihat kos tanah sebagai satu daripada *constraint* ataupun halangan kita tetapi kita sebenarnya masih luas tanah di negara kita. Apakah strategi baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan supaya masalah tanah tidak akan menjadi satu masalah prioriti dalam kita menyediakan perumahan negara untuk rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum mengakhiri beberapa pandangan saya tadi, semalam saya ada tanya dalam soalan tambahan dan ada bincang dengan kawan-kawan iaitu Dato' Mansor dan beberapa orang, apakah kerajaan tidak boleh menyediakan satu indeks harga. Sekarang ini kita meletakkan jualan harga ini macam goreng pisang, RM142,000 diskaun 10%, diskaun untuk bumiputera 3% dan sebagainya. Banyak di antara gambaran ini sebenarnya tidak dapat memberi justifikasi yang sesuai kepada pembeli-pembeli rumah. Pengiklanan memainkan peranan penting sehingga masalah realiti sebenar tidak dapat keadilan yang baik kepada pembeli rumah.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya satu pendekatan ataupun konsep satu indeks harga mesti dilaksanakan untuk pemaju perumahan dan juga untuk syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan dan juga kepada syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan-kerajaan negeri. Kalau kita mempunyai satu pendekatan indeks harga yang baik, yang *fair*, yang adil dan yang saksama berasaskan kepada kos-kos tertentu, saya yakin dan percaya walaupun harga yang akan ditawarkan oleh seorang pemaju sekurang-kurangnya rumah itu dia tahu apakah bentuk rumah yang akan mereka beli.

Mungkin sebuah teres dua tingkat umpamanya dengan kos yang berhampiran bandar raya harganya RM164,000; di pinggiran bandar raya mungkin RM142,000. Tetapi dengan adanya indeks harga RM135,000 umpamanya sekurang-kurangnya pembeli tahu bahawa indeks harga yang ada pada rumah berkenaan lebih daripada indeks harga ini adalah berasaskan kepada kos tanah. Berkemungkinan indeks harga berkenaan kalau di Terengganu dan Kelantan ataupun di kawasan-kawasan yang kurang maju kerana kos tanahnya agak rendah jualan pun mungkin rendah daripada indeks harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Jadi, kalau pendekatan ini dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya ia akan menjadi suatu panduan yang amat berguna kepada bakal pemilik-pemilik rumah kita di masa-masa hadapan.

Sebelum saya mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ianya tidak di bawah Kementerian Perumahan tetapi ianya penting kerana ianya melibatkan masyarakat dan perumahan iaitu di kawasan FELDA. Sekarang ini perumahan FELDA memanglah kalau kita nampak kerajaan telah banyak membiayai perumahan FELDA ini tetapi yang lebih penting ialah supaya FELDA melalui tanah-tanah yang telah sedia ada pada mereka ini untuk menyediakan perumahan kepada generasi kedua dalam kawasan yang mereka bangunkan di sekitar kawasan-kawasan FELDA.

Tidak salah FELDA merancang untuk menyediakan perumahan untuk generasi kedua dan saya berkeyakinan FELDA mampu menjayakan usaha-usaha untuk memberi perumahan kepada generasi kedua ini dan kita rasakan kejayaan FELDA setakat ini telah dapat melahirkan semua ataupun ramai di antara anak-anak peneroka FELDA yang telah berjaya. Malah seorang pemaju perumahan yang agak besar seperti Tan Sri Ghazali umpamanya adalah seorang anak peneroka FELDA. Dan banyak di antara program-program yang dilaksanakan oleh FELDA ini dapat memindahkan masyarakat yang miskin kepada satu masyarakat dengan penyediaan ilmu dan pendidikan yang sesuai mereka telah berjaya dalam semua sektor sekarang ini.

Saya berkeyakinan perumahan di FELDA harus juga mengubah pendekatan-pendekatan baru ini. Semoga dengan pendekatan baru ini ianya akan memberi sumbangan yang amat berguna kepada masyarakat khususnya masyarakat luar bandar, masyarakat peneroka yang mempunyai ratusan ribu sekarang ini di seluruh negara.

Jadi, saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyalurkan maklumat ini kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya sama-sama dapat kita laksanakan program-program ini untuk masa-masa hadapan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan berharap pandangan-pandangan saya tadi kalau ianya berguna, sekurang-kurangnya ia akan memberi satu kekuatan baru kepada kementerian dan kerajaan. Saya rasakan melalui pendekatan yang bijaksana dapat kita laksanakan cadangan-cadangan saya tadi.

Jadi, dengan kata-kata itu saya sekali lagi menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam.

11.54 pagi.

Puan Hajah Che Jam binti Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan ini walaupun saya tidak ingin membuat perbahasan yang panjang cuma ingin mendapat penjelasan berhubung dengan Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) yang dibincangkan. Ada beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan. Mungkin ini di luar daripada pengetahuan.

Pertama, rang undang-undang pindaan ini adalah bertujuan melindungi dan membetulkan beberapa masalah yang telah menjadi masalah pada masa-masa yang lalu. Sesungguhnya saya sedar telah beribu-ribu buah rumah dan bangunan diusahakan dengan jual belinya perjanjian di antara pembeli, pemaju dan peguam. Namun kita jangan tidak sedar banyak juga terjadi perbalahan dan rungutan di antara orang ramai kerana kandungan perjanjian tersebut keseluruhannya dalam bahasa Inggeris. Kita telah 43 tahun membangun.

Saya ingin mendapat penjelasan, adakah menjadi satu kesalahan andainya perjanjian tersebut dialihbahasakan dan dibuat dua pilihan iaitu dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Malaysia. Dan dengan ini juga dapat memberi peluang atau maklumat yang lebih meluas kepada pembeli-pembeli terutamanya daripada masyarakat kampung.

Perkara kedua ialah saya juga ingin mendapat penjelasan berhubung dengan penglibatan koperasi dalam pembangunan perumahan ini. Adakah pihak koperasi terpaksa melalui syarat-syarat jika ingin membangunkan perumahan secara bersendirian koperasi atau bagaimana pula jika usaha sama dengan lain-lain syarikat kerana kita sedia maklum penglibatan koperasi untuk memajukan perumahan terutamanya pemaju-pemaju amat menghendakinya kerana di sana ada beberapa kemudahan.

Selain daripada itu saya ingin juga mendapat penjelasan satu perkara lagi yang berhubung kait dengan pembangunan atau projek pembangunan ialah berhubung dengan banjir. Di mana-mana juga ada projek perumahan maka tempat yang tidak biasa banjir pun akan banjir. Ini banyak terjadi terutamanya di sesetengah tempat bukan sahaja penduduk kampung yang terpaksa mengalaminya kerana banjir yang berkenaan bahkan ada tempat ladang juga musnah disebabkan banjir ataupun air itu bertakung. Biasa terjadi saya nampak satu ladang getah tiga ekar telah musnah sama sekali. Adakah pihak-pihak peladang atau penternak atau orang-orang kampung yang berkenaan boleh menuntut ganti rugi kepada pihak pemaju. Adakah undang-undang ini wujud.

Selain daripada itu, kita sedia maklum taman perumahan tumbuh begitu banyak di mana-mana sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Dan di sana kita dapati waktu ini telah disediakan seperti taman permainan, riadah, tadika, taska, masjid, sekolah, perpustakaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita tidak pernah nampak perkuburan yang patut disediakan oleh pemaju yakni mengikut kesesuaian di mana-mana tempat terutama yang jauh-jauh. Dan ini juga banyak menjadi rungutan ataupun pihak kementerian ada mencadangkan atau ada usaha untuk menjalankan atau membangunkan perkuburan ini. Umpamanya, tiga atau empat projek perumahan disediakan di mana-mana satu perkuburan. Ini saya ingin semoga mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan.

Dengan ini juga saya mohon mengucapkan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Peter Chin Fah Kui, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab soalan-soalan dan seterusnya menggulung perbahasan yang telah diadakan selama dua hari.

12.00 tgh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas satu rang undang-undang

pindaan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dalam sesi Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan sebut nama sekali sahaja dalam jawapan ini bagi Yang Berhormat sekalian yang mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook, Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan R. Sinniah, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten, Yang Berhormat M. Ratnam, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, Yang Berhormat K.R.A. Naidu, Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh, Yang Berhormat Puan See Too Mee, Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafa, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban dan Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam binti Haron

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa ada dua lagi nama tertinggal iaitu Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, kerana saya catat namanya tidak mengikut gilirannya, sebab itu ada sedikit kesilapan.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia telah mencapai satu rekod iaitu mendapatkan rang undang-undangnya dibahaskan begitu panjang dengan penyertaan seramai 24 Ahli Yang Berhormat Senator. Sama ada Yang Berhormat Senator sekalian benar-benar prihatin tentang soal-soal, tentang masalah industri perumahan negara atau ada sebab-sebab lain sesi perbahasan kali ini dilanjutkan sampai tiga hari berturut-turut, itu tidak berapa penting. Yang penting ialah standard perbahasan yang saya dapati daripada Yang Berhormat adalah sangat tinggi. Saya ucapkan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap.

Teguran-teguran dan cadangan-cadangan Yang Berhormat sekalian akan mendorong kementerian saya khususnya dan Kerajaan Barisan Nasional amnya untuk terus memperbaiki apa-apa masalah dan kelemahan dalam industri perumahan setakat ini. Saya yakin dengan persefahaman yang lebih mendalam daripada kalangan semua pihak sama ada industri perumahan sendiri, pihak kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau pihak pembeli, semua ini akan memperkukuh lagi industri perumahan supaya ia lebih teratur di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab secara khusus kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kedudukan pindaan Akta Pemaju Perumahan yang telah kita dibahaskan selama tiga hari itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun akta ini telah mula berkuat kuasa pada 29 September 1969 dan telah pun melalui dua kali pindaan yang lalu, memang dirasakan masih ada kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu kita pinda atau kita memperbaiki supaya kelemahan-kelemahan ini tidak akan membantut industri perumahan, terutamanya kalau kita dengar hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator membantut impian pembeli untuk mendapatkan rumah masing-masing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan akta yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini telah pun dibincangkan dengan mendalam dan melibatkan semua pihak yang berkaitan dengan industri perumahan. Setelah semua pandangan dan nasihat dari semua pihak diambil kira, barulah pindaan akta ini dirumuskan. Pihak-pihak yang terlibat dalam beberapa siri perbincangan adalah terdiri dari pihak Arkitek Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia, Persekutuan Pengguna Pulau Pinang (FOMCA), CIDB, Reda iaitu persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, Master Builders Association, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna dan peguam-peguam persendirian yang terlibat secara langsung dalam industri perumahan.

Jika dilihat dari senarai ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung dalam pindaan akta ini, ianya jelas menggambarkan betapa pihak Kementerian mengambil kira pandangan dari semua pihak dalam mempertimbangkan sesuatu pindaan supaya semua pindaan yang dihasilkan nanti adalah adil dan saksama, tidak memihak kepada mana-mana pihak, tulus dan boleh diterima oleh semua orang atau semua pihak. Persetujuan dan pakatan ini amat perlu dalam menentukan prinsip kesaksamaan, keadilan dan menjamin hak semua pihak. Kementerian telah memperkemas akta tersebut selaras dengan perkembangan industri perumahan yang pesat di mana keseluruhan akta telah dikaji secara menyeluruh dan merangkumi semua perkara yang difikirkan dapat menjamin kepentingan pembeli di samping tidak mengetepikan hak-hak pemaju dan tidak menjejaskan industri perumahan.

Akta ini yang dahulu dikenali sebagai Akta Pemaju Perumahan telah dipinda kepada Akta Pemajuan Perumahan dan pindaan jelas menunjukkan bahawa pihak Kementerian ingin mewujudkan satu akta yang adil dan tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan juga meliputi ruang lingkup akta ini di mana kalau dahulunya projek yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi kerajaan negeri tidak dirangkumi di bawah akta ini, tetapi dengan pindaan kali ini bagi mana-mana pihak badan koperasi dan perbadanan atau agensi kerajaan negeri yang ingin memajukan projek perumahan untuk maksud jualan kepada ahli-ahli mereka atau kepada orang awam adalah disyaratkan untuk mendapatkan lesen dari Kementerian. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kepentingan dan hak semua pembeli rumah termasuk ahli-ahli koperasi adalah terjamin. Walaupun pada masa ini pihak Kementerian menerima banyak aduan, tetapi tindakan tidak dapat diambil ke atas mana-mana badan koperasi atau agensi kerajaan negeri yang menjalankan projek perumahan kerana pihak Kementerian tidak mempunyai kuasa undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seterusnya adalah kepada seksyen 3 mengenai tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan di dalam akta yang sedia ada dan juga perkara-perkara baru yang dibentangkan untuk kelulusan. Ianya bertujuan semata-mata untuk memberi satu tafsiran yang lebih jelas kepada semua perkara yang berkaitan bagi mengelakkan kekeliruan dan perbalahan di antara pembeli dan pemaju. Tafsiran baru ini juga menjelaskan lagi makna projek kemajuan perumahan yang mana ianya khusus untuk rumah kediaman dan tidak melibatkan bangunan komersial.

Salah satu tafsiran yang dibuat di dalam akta ini ialah tafsiran *licensed developer* dengan izin, di mana ianya termasuk juga pemegang *power of attorney* seperti yang ditetapkan di bawah *Power of Attorney Act 1949* atau Akta 424. Tafsiran ini juga mensyaratkan pemaju-pemaju yang telah tamat tempoh sah laku lesen untuk terus bertanggungjawab terhadap projek mereka hingga selesai dan dengan ini pengawal perumahan boleh memberikan arahan tertentu kepada pemaju walaupun lesennya telah tamat. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita dalam jawatankuasa pemantauan yang wujud dalam Kementerian menghadapi masalah untuk mendakwa seseorang pemaju yang melanggar syarat-syarat atau kaedah-kaedah akta tetapi apabila kita tinjau dengan lebih mendalam, kita menghadapi masalah sebab lesen pemaju itu sudah luput dan kita tidak dapat ambil tindakan sebab akta yang dahulunya disebut *licensed housing developer* iaitu pemaju yang mempunyai lesen yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian juga peka kepada masalah permohonan lesen di mana jika permohonan diterima oleh pihak Kementerian, lesen akan dikeluarkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap. Bagi menjamin perkara ini, pihak Kementerian mencadangkan dilantik Timbalan Pengawal bagi mempercepatkan lagi proses kelulusan lesen kerana pada masa ini pengeluaran lesen hanya dikendalikan oleh Pengawal perumahan sahaja, orang lain tidak boleh *sign*, hanya Pengawal boleh *sign*. Di samping itu Pengawal perumahan juga boleh menurunkan kuasa kepada pegawai di Kementerian atau di pihak berkuasa tempatan untuk melicinkan lagi

pentadbiran terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan penyiasatan dan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pun ada dibangkitkan dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sebab itulah saya ingin hendak jelaskan lesen-lesen yang dikeluarkan ini memang ada kaedah-kaedah yang tertentu. Maknanya kita sudah ada senarai perkara-perkara yang patut diambil dan dibawa oleh pihak pemaju apabila mereka menghantarkan borang untuk mendapatkan lesen.

Selain daripada itu kita ada perkhidmatan kaunter di mana pegawai-pegawai dalam bahagian lesen terus bertemu dengan pihak wakil dari pemaju apabila mereka hantar borang-borangnya dan dokumen-dokumen lengkap kepada bahagian pelesenan di dalam kementerian ini supaya kita boleh terus dalam satu perbincangan yang telus. Pegawai-pegawai kita akan terus beri komen kepada dokumen tersebut sama ada dokumen itu lengkap atau tidak. Kalau lengkap kita terima, kalau tidak lengkap kita terus batalkan, *reject* dan pihak wakil pemaju perlulah mengemaskinikan borang dan dokumennya sebelum ia di *submit* sekali lagi.

Semua ini ialah untuk menjamin usaha-usaha mengeluarkan lesen ini adalah telus, *transparent* dan tidak ada unsur-unsur yang berkaitan dengan apa-apa, seperti unsur yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri mengenai rasuah dan sebagainya kerana kita tidak ingin lihat perkara-perkara ini berlaku di kalangan pegawai-pegawai yang mentadbirkan dalam mana-mana bahagian di kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rungutan yang diterima daripada para pembeli rumah yang menyatakan bahawa berlaku kelewatan menyiapkan rumah adalah disebabkan oleh kontraktor yang tidak bertanggungjawab kononnya adalah begitu mudah untuk mendapatkan lesen. Bagi syarikat sendirian berhad mereka hanya perlu ada modal terkumpul dan diterbitkan sebanyak RM250 ribu dan bagi individu atau kumpulan orang hanya perlu membayar deposit sebanyak RM100,000, ini yang dahulu, yang sebelum kita pinda. Bagi memperketat lagi syarat dan memastikan hanya pemaju yang benar-benar berwibawa dan mempunyai kedudukan yang kukuh dari segi kewangan diberikan lesen, kementerian telah mencadangkan deposit yang banyak kali disebut ini, kita mencadangkan deposit ini dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM200,000 bagi syarikat dan individu ataupun kumpulan orang.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dalam perbincangan banyak kali menghuraikan sama ada bayaran deposit ini boleh diambil kira syarikat-syarikat yang kecil, yang dengan modal yang tidak berapa besar sama ada mereka boleh diambil kira untuk memberi satu layanan yang lebih mudah bagi mereka memenuhi syarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan semua pihak, pelaksanaan wang deposit sebanyak RM200,000 ini hanya boleh dilaksanakan melalui tiga cara iaitu,

- (i) bayaran tunai melalui cek;
- (ii) bayaran secara jaminan bank;
- (iii) mengemukakan akaun pemaju perumahan atau akaun HDA yang kalau Yang Berhormat fasih dalam selok-belok industri perumahan ini, setiap pemaju ini perlu mewujudkan satu akaun dinamakan akaun HDA –(Housing Development Account) di mana semua wang yang dikutip oleh mereka (pemaju) daripada pembeli ini dimasukkan dalam akaun itu dan akaun itu dikontrol atau diawasi oleh pihak pengawal iaitu pengawal dari kementerian saya dengan kerjasama dengan bank yang mana perakaunannya diletakkan di mana bank *manager* kenalah mengawasi setiap keluaran wang yang dikeluarkan daripada akaun itu adalah untuk maksud membawa kontraktor membina projek perumahan itu atau membayar bahan-bahan yang kena dibayar oleh pemaju.

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, semua wang yang dikutip daripada pihak pembeli itu tidak dapat digunakan, tidak boleh digunakan untuk maksud-maksud yang lain

seperti beli *share* di pasaran, beli *share* di *stock exchange*, beli motokar. Itu tidak boleh. Duit atau wang dikumpulkan itu daripada pembeli kita hanya boleh digunakan untuk maksud pembinaan rumah atau projek itu.

Yang saya sebut tadi syarat atau cara (c), akaun RM200,000 deposit ini boleh dimasukkan ke dalam akaun itu. Wang tersebut tidak boleh dikeluarkan melainkan mendapat kebenaran pengawal perumahan iaitu selepas projek disiapkan dan akaun dibenarkan ditutup. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau akaun itu tidak dikawal dengan baik, tidak diawasi dengan baik, wang yang dikumpulkan itu boleh disalahgunakan. Akhirnya kitalah yang akan menghadapi hakikat di mana projek itu menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat diteruskan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi syarikat-syarikat yang kecil atau projek kecil, ramai Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan cuba mencadangkan sama ada kita boleh ada satu skala untuk bayaran deposit itu berpandukan kepada dari nilai projek; jika projek itu besar, deposit itu boleh diperbesar tetapi tidak dihadkan maksimumnya RM200 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam kementerian sedar perkara ini dan sebenarnya pihak Menteri sudah memimpin satu perbincangan untuk cuba menghalusi satu garis panduan atau satu syarat yang lebih saksama dan adil bagi syarikat-syarikat yang kecil itu bagaimana deposit ini akan ditaksir dan dibayar. Selepas akta ini dipinda dan proses Dewan yang mulia ini sudah habis dan tamat dan akta ini pun diwartakan maka kita akan mengumumkan apa cara dan syarat-syarat yang kita akan tentukan untuk pembayaran deposit RM200 ribu ini bagi syarikat yang kecil. Kita hendak akta ini menolong industri perumahan, tidak membantutnya. Tetapi, saya juga hendak tambah, kita hendak lihat juga pihak pemaju ini perlu ada keupayaan untuk melaksanakan atau menunaikan janji-janjinya melalui surat perjanjian jual-beli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara-perkara yang lain, yang mana kita tahu pihak pemaju yang kadang-kala memang ada menghadapi masalah, sengaja atau tidak sengaja, yang tidak mengikut kaedah-kaedah yang ditentukan oleh kementerian atau fasal-fasal atau seksyen-seksyen dalam akta kita yang kita membincangkan ini.

Kita sudah membuat satu keputusan untuk terus mengetatkan lagi syarat-syarat yang sedia ada supaya pihak pemaju diawasi dan kita boleh seperti yang dinyatakan dalam seksyen 7, di mana kita mewajibkan mereka untuk menghantarkan laporan terkini daripada *progress* atau kemajuan yang dijalankan oleh mereka supaya kita boleh teliti setiap projek ini, setakat manakah pencapaiannya, setakat manakah projek itu dilaksanakan, dengan baik atau lambat, dan sebagainya. Ini, saya rasa akan mengelakkan banyak rungutan atau aduan yang kita terima sekarang daripada pembeli iaitu syarikat pemaju lewat siapkan rumahnya.

Kalau kita boleh mewajibkan pihak pemaju memberi laporan yang lebih kerap-kali dan dengan format yang senang kita awasi dan memudahkan pegawai kita terus merumuskan dan sebagainya, ini, akan memberi kita satu gambaran yang lebih benar tentang sesuatu projek yang dijalankan. Itu sebabnya kita hendak pinda atau menambahkan syarat-syarat yang baru ini di dalam seksyen 7.

Bagi seksyen 8 pula, ini saya hendak menjelaskan untuk Yang Berhormat di sini sebab banyak juga membahaskan tentang Seksyen 8. Apa sebabnya hanya pihak pemaju boleh menamatkan surat perjanjian itu dan pihak pembeli tidak ada kuasa atau tidak ada peluang untuk menamatkan surat perjanjian mereka? Alasan ialah seperti ini. Kementerian saya ingin melihat, surat perjanjian yang ditandatangani antara pemaju dengan pembeli, masa yang ditetapkan dalam surat perjanjian untuk menyiapkan rumah yang di beli disediakan dalam tempoh 24 bulan, dan bagi rumah pangsa 36 bulan.

Kadang-kala surat perjanjian itu ditandatangani, tetapi projek itu tidak dilaksanakan. Kalau kita tanya pihak pemaju, ia menjawab: "Saya ada mempunyai 36 bulan untuk siapkan, janganlah bimbang, kita akan terus menjalankan kewajipan kita untuk membina". Tetapi, sama ada itu adakah situasi benar-benarkah atau tidak, kita tidak dapat lihat sebenarnya. Kita tidak, dapat dengan izin, *look behind what they say*, apa yang mereka lapor. Tetapi, dengan adanya pindaan ini, kita boleh mewajibkan mereka pemaju

untuk menjalankan projek itu dalam enam bulan ini. Berikutan pihak pemaju kenalah meyakinkan pihak kementerian tentang kebolehannya. Kalau tidak, kita akan menggunakan Seksyen 8. Jikalau pihak pemaju tidak ada keupayaan untuk melaksanakannya maka Menteri Perumahan akan menimbang keadilan kepada pihak pembeli sama ada menamatkan surat perjanjian.

Ini, saya rasa satu kaedah yang bagus bagi kementerian supaya menterinya ada kuasa untuk menamatkan sesuatu surat perjanjian kalaulah syarat dalam seksyen 8 ini dipenuhi. Kita tidak ingin lihat sampailah 24 bulan dalam surat perjanjian sudah tamat, baru kita tahu projek ini terbengkalai, atau projek itu tidak boleh diusahakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tidak usah bimbanglah, sebab seksyen 8 ini walaupun memberikan menteri suatu kuasa tetapi kuasa ini pun ada syarat-syaratnya, ada *limits*, dan tidak boleh ia menggunakan syaratnya dengan sewenang-wenang untuk menamatkan mana-mana surat perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Seksyen 10 yang banyak juga dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana ada di kalangan Yang Berhormat rasa bimbang mengenai kuasa pegawai saya, takut mereka salahgunakan kuasa untuk menyita dan masuk rumah dan menahan mana-mana pihak. Sebenarnya, semua syarat kalau *you* baca dengan teliti, seksyen 10 ini, ia memang ada had. Ia memang ada dalam sesuatu situasi, barulah pegawai boleh bertindak. Dan kita akan jamin kepada Yang Berhormat sekalian, pegawai-pegawai ini, apabila mereka dilantik, mereka diberi kuasa ini, sebenarnya kuasa ini di dalam tangan pengawal dan hanya pengawal boleh mengarahkan atau menurunkan kuasanya kepada pegawai-pegawai, inspektor-inspektor dan sebagainya untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Sebab itu, memang mempunyai *check and balance*. Sebenarnya dalam peringkat Jawatankuasa Penggubalan Pindaan ini, kita sudah bincang dengan mendalam seksyen ini sebab banyak di kalangan pemaju ini merasa bimbang. Kita ada banyak wakil daripada pihak peguam dan sebagainya di dalam Jawatankuasa kita. Memang mereka sudah merasakan ketakutan mereka tentang salah kuasa, dan kita sudah berbincang dan menghalusi setiap perkara ini supaya kita boleh meyakinkan pihak pemaju dan juga pihak peguam-peguam yang diwakili dalam Jawatankuasa itu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Saya memang sedar bahawa kementerian telah mengadakan banyak sesi perbincangan dengan pihak-pihak tertentu seperti yang telah dihuraikan oleh Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang ini. Selepas perundingan-perundingan itu dan selepas sudah mendapat satu hasil, adakah draf ini semuanya dipersetujui oleh pihak-pihak itu ataupun selepas perundingan, kementerian sahaja yang membuat keputusan dan semua pihak ini belum ada peluang lagi untuk memberi input yang terakhir sebelum Bil ini dibawa ke Parlimen untuk perbincangan?. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Peter Chin.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Soalannya bagus.

Sebenarnya, jawatankuasa ini adalah satu jawatankuasa yang kita tubuhkan secara *ad hoc*. Tidak ada kaedah dalam undang-undang yang mewajibkan jawatankuasa ini ditubuhkan. Maknanya, jawatankuasa ini tidak ada *final say, so to speak*, dengan izin. Keputusan terakhir ialah di tangan *Attorney-General* (AG) kerana AG yang menghalusi semua kaedah di dalam mana-mana akta. Pihak AG Chambers, dengan izin.

Jawatankuasa ini mengumpulkan segala pandangan bantahan dan lain-lain supaya mendapatkan satu *middle of the road decision* dengan izin. Saya sebut tadi tidak memihak sini atau sana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak

tumpukan kepada jawatankuasa ini untuk membaut keputusan yang muktamad. Ini sebab jawatankuasa tidak diiktiraf dalam mana-mana undang-undang atau mana-mana kaedah di kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu seksyen yang dibahaskan dengan panjang lebar oleh ramai Ahli Yang Berhormat iaitu penubuhan tribunal dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian, sebab ramai Yang Berhormat hampir semualah, bukan hampir semua, semualah Yang Berhormat pun sokong kaedah ini atau langkah ini.

Sebenarnya langkah ini saya setuju dengan ramai Yang Berhormat pun kerana *this is very timely*, ini yang patut diwujudkan lama dahulu tetapi dengan pimpinan Yang Berhormat Menteri, kita telah berjaya, mengadakan pindaan ini supaya kita wujudkan satu tribunal untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah antara pembeli dengan pemaju, di mana nilai tuntutan nya tidak melebihi RM25 ribu

Apa sebab kita guna RM25 ribu ini. Jawapannya ialah macam ini. Kita mengikut *limit* atau had kuasanya untuk mahkamah majistret yang sedia ada. Setakat ini, kepada *action civil* ini, mahkamah majistret hanya boleh mendengar atau mengadakan kes-kes yang tidak melebihi RM25 ribu dan tribunallah mempunyai kuasa sama dengan *magistrate court* yang sekarang wujud.

Dan *finding* nya atau keputusannya atau *award* nya daripada tribunal ini, di *register*, didaftarkan sebagai keputusan majistret.

Oleh sebab itu dia ada kuasa *criminal*, unsur *criminal*. Kalau pemaju itu tidak hiraukan *award* nya daripada tribunal ini.

Satu soalan yang banyak bagus saya rasa, yang banyak dihuraikan oleh Yang Berhormat sekalian iaitu tentang komposisi ya Yang Berhormat Tan Sri, komposisi tribunal ini. Buat masa sekarang, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Tan Sri, semua ahlinya adalah pengamal undang-undang tetapi kita ikut..

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tunggu sekejap yaKaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak tribunal pengguna - *consumer's tribunal*, yang sekarang digunakan.

Kalaulah rasa tidak kemas atau tidak berfungsi dengan baik sebab mereka terlalu *legal minded - legalistic*, kalau saya sebut perkataan itu [Ketawa] Maka kita bolehlah dalam masa akan datang membuat perubahan terhadap komposisi tribunal. Saya rasa itu satu cadangan yang baik. Kita terima dengan ikhlas cadangan itu. Kita tengoklah kalau tribunal ini tidak berjalan dengan lancar, barangkali kita tengoklah komposisinya, perlukah komposisi ini diubahkan atau ditambah pun boleh, tambah ahli, di masa akan datang. Jemput Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Mikrofon tidak berfungsi] Sebenarnya saya hendak bangkit tajuk yang sebelum itu, dari segi keputusan tribunal tentang seolah-olah sebagai satu majistret dan boleh didaftarkan dan oleh kerana itu bila Yang Berhormat hendak masuk kepada ahli, saya nak mencelah, tapi tak apa, terima kasih...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okay, okay.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: ... Yang nak saya tanya begini, kalaulah tarafnya seperti sebuah majistret dan keputusan itu juga daftarkan, saya masih sangsi kerana kalau tidak salah saya, ada saya bangkitkan juga dalam perbahasan awal, ada seksyen mengatakan bahawa keputusan tribunal ini adalah *final*, adalah muktamad. Tetapi kalau kita membandingkan sistem perundangan majistret, ada *court* yang ia boleh *refer* sehingga ke *Federal Court*, ada *court of appeal* dan sebagainya. Jadi ruang ini yang saya tanya, satu.

Kedua, yang berkaitan ialah, kalaulah dengan apa jawapan sekali pun, itu adalah dikatakan *final*, muktamad, tapi kita tahu juga ada atau tidak *loophole* nya yang boleh jadi tidak muktamad seperti *pardon board* umpamanya. Kita tahu dalam sejarah, kadang-kadang-kadang *pardon board* kata keputusan *final*. Tetapi ada juga mencelah dan sebagainya yang telah dibuktikan dalam sejarah ada perbezaan dan kelonggaran. Jadi saya ingin dapat penjelasan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Peter Chin, ...ada

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, dijemput.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Mansor

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, falsafah ataupun di belakang keputusan kenapa pengamal undang-undang yang menjadikan komposisi tribunal ini kerana ianya ada kaitan dengan mahkamah, maka saya rasa kalau kita ambil orang awam daripada kalangan JP pun boleh kerana JP juga boleh duduk sebagai *third class magistrate*. Jadi tidak payah dia itu dari pengamal undang-undang. Jadi kalau itulah alasannya, mesti ada orang yang berkaitan, maka kita boleh ambil JP yang saya rasa JP ini lebih hampir dengan rakyat kerana dia dapat JP itu pun kerana dia begitu prihatin dengan rakyat dan dia boleh menjadi majistret. Timbangtara yang baik. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi dan Yang Berhormat Datuk Mansor.

Saya nak ambil soalan dari Datuk Ghazi dahulu ya. Itu yang kita sebut *final* ini atau muktamad ini, ialah *award*. *Award*, maknanya kena bayar atau tidak. Kena bayar RM5 ribu, RM10 ribu, RM20 ribu, RM25 ribu, *example* lah, contohnya, kena bayar tak. *That is a finding of facts*. Yang tak payah kita bincang soal undang-undang, kalau ada soal undang-undang yang berkaitan dengan kes tersebut maka soal undang-undang ini boleh di *refer* kepada *high court*, di maktub dalam seksyen 16z, dia ada kaedah. Kalaulah ada soal-soal undang-undanglah. Tetapi *claim* ini yang kita anggap *very simple claim*, biasa saja.

LAD maksudnya *Liquidated Damages*, dia lambat serahkan rumah itu, satu bulan berapa, dia kira 4 bulan, 10 bulan, berapa nilainya. Mutu kerja, rumah retak, ada banyak Yang Berhormat ada juga menyebut keretakan. Keretakan ini buat satu *assessment*, berapa belanja untuk diperbaiki, *claim* lah itu dan semua ini dia memang ada *amount* nya. Ia tidak boleh mempertikaikan kerana banyak pertikaian tentang *amount* nya.

Oleh sebab itu maka kita kenalah, tribunal ini kenalah *finding of any award* ya. Mana-mana *award* nya kena muktamad. Kalau tidak muktamad banyak orang *appeal* nanti. Dan pembeli ini rasa kecewa. Apalah ini tribunal, pergi pun tak guna, tak *final*, kenalah pergi *appeal*, kena belanja lagi, sebab tribunal ini kita gunakan cara yang memang senang, tak payah peguam, tak payah soal borang-borang yang sangat *complicated* dan sebagainya. Dia seorang boleh pergi menghadap tribunal itu. Sebab itu kalau tak *final* pun, lain hari nanti dia memang akan rasa kecewa. Apa guna saya *claim*, tribunal ini tak gunalah. Pemaju ini kalau dia hadapi ratus-ratus *claim* ini, memang dia terus pergi rayuan ke mahkamah, sampai bila baru habis, susah!

Oleh sebab itu kita ambil *point* inilah kerana kita rasa ia perlu muktamad sebab dia hanya menghadkan kepada *claim* yang kita senang nak tentulah, bukan susah nak tentukan.

Keduanya saya rasa Yang Berhormat Datuk Mansor, memang saya setuju cadangan Yang Berhormat dan saya akui tadi, kita cubalah komposisi sekarang ini, tengok macam mana. Kalau perlu kita bolehlah menambahkannya, datang ke Dewan ini lagi minta komposisi ini diperluas supaya kita boleh minta lain-lain orang atau tengoklah mana-mana sama ada bekas tentera atau bekas polis, mana-mana pihak yang sesuai, kita tengok-tengoklah.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa, tribunal ini akan membantu kitalah menyelesaikan banyak masalah. Banyak kompelin atau banyak aduan sekarang kita terima. Kerana kalau kita lihat, aduan atau kompelin yang kita terima ini adalah banyak tentang kelewatan, dia nak *claim liquidated damages* (LAD), dia nak *claim cost* memperbaiki sesuatu kecacatan yang berlaku.

Semua ini kalau kita ada tribunal, tribunal boleh membuat satu keputusan. Bayar kah tidak bayar. Kalau dia datang ke kementerian ini, kalau kita kata tidak bayar, mana

boleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri memihak kepada pemaju. Jadi dah *give up*. So kita kenal satu badan untuk membuat satu keputusan yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau Yang Berhormat tidak ada yang lain-lain nak tanya saya, setakat inilah yang saya nak jawab sebagai penggulangan tentang akta yang dipinda ini. Selain daripada itu banyak Yang Berhormat pun sebut, perkara-perkara mengenai bidang kuasa kementerian tetapi tidak berkaitan dengan akta ini, pindaan akta ini, oleh sebab itu saya tidak hajat nak jawab hari ini, sebab kita banyak peluang-peluang lagi. Kita ada sesi Soalan Jawab Lisan pun kita boleh jawab. Hari ini kalau kita dapat, kita tumpukan undang-undang ini saja....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Ghazi

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sikit sahaja nak tanya tadi. Akhirnya sebagai ayat terakhir, saya nak sebut, dengar juga, pandangan Yang Berhormat tentang pertukaran nama kementerian. Saya ingat itu mustahak sebagai *closing remark*. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua: Cuma satu sahaja saya nak menambah, Ramai Ahli Yang Berhormat bangkitkan tentang jual atas jual ini, yang jadi mangsa akhirnya pembeli, saya rasa itu respons yang perlu kita..., ramai bangkitkan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat agak boleh sambung lepas rehat ini. Sikit lagi.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tempohkan Majlis Mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung jawapan.

2.30 ptg.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sambung daripada apa yang saya sebut pada pagi ini, saya ingin jugalah menjelaskan dan juga memberi satu ketetapan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, iaitu apa yang dihuraikan dalam perbahasan ini selama tiga hari ini sudah dicatat oleh saya dan juga pegawai-pegawai yang hadir dalam sesi ini. Memang benarliah ada banyak teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan mengenai dasar-dasar perumahan dan juga jabatan-jabatan yang lain yang di bawah kementerian saya. Kita menghargailah semua teguran dan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Walaupun begitu saya tidak bercadang untuk menjawab semuanya kerana kalau kita kenal satu-persatu yang dihuraikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, maka masa yang kita ambil agak panjang. Dan itu juga tidak tumpukan kepada pindaan Akta Pemaju Perumahan yang kita bincangkan yang kita kena tumpukan dalam sesi ini. Saya minta maafiah, kalau Yang Berhormat perlu saya memberi jawapan bertulis dan sebagainya, saya relalah ingin hendak sampaikan jawapan-jawapan itu bertulislah kepada Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi sebelum kita tamat untuk tengah hari, iaitu sama ada saya boleh memberi sedikit jawapan tentang apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi mengenai cadangan supaya Kementerian Perumahan, Kerajaan dan Tempatan namanya diubah kepada Kementerian Perumahan dan Majlis Tempatan. Ingin saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi, perkara ini terutamanya nama-nama sesuatu kementerian adalah

ditentukan oleh pihak Perdana Menteri sendirilah sebab kita tidak ada kuasa untuk menentukan nama bagi kementerian kita. Kita bolehlah beri pandangan tetapi kita tidak boleh tentukan sama ada nama ini dipakaikah atau skop kementerian itu diubahkan dan sebagainya. Itu memang hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendirilah.

Tetapi saya hendak jelaskan di sini, perkataan 'kerajaan tempatan' ini atau *local government* ini memang wujud dalam perlembagaan kita. Kalau kita tengok perlembagaan kita, perkataan 'local government' memang ada di sana. Dan sebab itu, maka Perkara 4, Jadual Ke-6 ini di mana setiap negeri diberikan kuasanya iaitu *Federal List, State List* dengan *what we call this, local government*. Oleh sebab itu saya rasa kita tidak berhajat buat masa sekarang untuk cuba tukar nama itu kecuali kita memang ada satu alasan yang baik untuk menukarkan *local government* ini atau kerajaan tempatan ini kepada majlis tempatan. Kerana kalau kita buat macam ini takut nanti perlembagaan ini kita kena juga ubahsuaikan, pindahan.

Selain dari itu juga, kita memang tahulah di peringkat kerajaan tempatan ini memang mempunyai tiga juga lapisan iaitu bandar raya, perbandaran dan juga daerah. Semua ini dirangkumi dalam kerajaan tempatan. Kita tidak hendak apabila kalau kita tukar tafsiran majlis tempatan ini, tidak merangkumi tiga cabang atau tiga lapisan itu iaitu majlis bandar raya, majlis perbandaran dan juga majlis daerah. Walau bagaimanapun, saya tentulah cadangan ini juga disokong oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Senator, kita akan mencatatnya dan dalam masa yang sesuai kita akan cuba membincangkan dengan lebih mendalam sama ada perkataan majlis tempatan ini sesuai atau tidak untuk digunakan.

Mengenai perkara konsep bina dan kemudian jual ini, saya memang sedarlah perkara ini sudah dibincangkan dahulu. Perkara ini agak hebat juga dibincangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep ini bukan baru. Sebenarnya di banyak agensi kerajaan seperti PKNS seumpamanya, mereka sudah membuat rumah sendiri, membuat projek perumahan dan bila projek itu siap, baru mereka jual, mengagihkan kepada sipemohon.

Oleh sebab itu, nampaknya sudah dijalankan cara ini tetapi tidak digunakan oleh pihak swasta. Pihak swasta ini apabila melaksanakan sesuatu projek perumahan, mereka perlu ada keuntungan. Ini kita tahulah. Kalau sesuatu pihak pemaju swasta dia tidak dapat untung, dia tidak akan melaksanakan projek itu, sebab itulah tujuan swasta, dia hendak ada keuntungan, kalau tidak ada keuntungan siapa hendak buat. Oleh sebab itu pihak swasta ini kalau dia menggunakan konsep bina dan jual kemudian, dia memerlukan banyak modal dahulu. Kita cuba tengoklah sesuatu projek yang besar di Kuala Lumpur ini seperti 'Sime UEP' di Subang Jaya sahaja, *we are talking about*, dengan izin, ribu-ribu rumah bukan satu, dua, tiga, atau sepuluh, dua puluh. Kita bincangkan projek itu merangkumi ribu-ribu rumah. Dan ribu-ribu rumah ini kalau kita hendak dirikan ribu-ribu rumah ini untuk siapkan dan kemudian dijual maka, dia kena ada modal yang besar dan kemudiannya dia punya *holding cost* dengan izin, maknanya dia kena siap dan tunggu orang datang untuk beli. Dan semua ini akan menambahkan kos sesuatu rumah yang mereka jual itu. Ini adalah satu alasan sebabnya kita tidak boleh paksa pihak pemaju swasta menggunakan konsep bina dan jual kemudian.

Dalam masa *market* yang kuat ini iaitu disebutkan *buyers market* dengan izin, lebih orang beli dengan adanya unit-unit rumah untuk dijual. Kalau pasaran macam itu, saya rasa tidak ada masalah sebab apabila projek itu sudah siap atau rumah itu sudah siap, sudah ada orang beli, itu tidak ada masalah. Tetapi kalau dalam *market* yang lembap macam sekarang, ya, macam sekarang. Sekarang kita menghadapi kegawatan sedikit, banyak rumah dan juga banyak projek komersial yang disebutkan pagi ini tidak dapat dijual. *There is over stock*, yang disebut oleh Dato' Dr. T. Marimuthu tadi, memang betul. Kalau dalam pasaran keadaan macam ini mereka akan menghadapi masalah. Beribu juta ringgit sudah dilaburkan dalam projek itu. Dimasukkan dalam projek itu dan akhirnya projek itu tinggal sahaja tidak ada orang beli. Sebab itu saya rasa kalau kita wajibkan mereka buat macam ini, banyak syarikat sekarang, syarikat pemaju sudah terus gulung tikar, dia jatuh, dia tidak dapat terus lagi, sebab dalam masa itulah yang mereka hadapi masalah yang besar.

Saya ingin beri satu contoh juga dalam kes ini. Di Australia pada hari ini memang ada dilakukan sistem bina dan jual. Rumah sudah siap, baru dia jual. Tetapi hari ini kalau kita tengok di Australia, mana-mana bandar pun, cara mereka mendirikan rumah bukan macam kita yang mana rumah-rumah yang disiapkan adalah beribu-ribu. Mereka hanya seratus atau dua ratus dan itu pun dikira sudah banyak. Projek seratus atau dua ratus sudah dikira besar, di Australia. Tetapi di sini kita katakan ribu-ribu unit dikeluarkan. Dalam pasaran macam itu memang unit-unit yang dikeluarkan itu adalah terhad kerana pemaju ini tidak hendak labur terlalu banyak duitnya dalam satu projek. Dia akan tunggu, dia laburlah cukup untuk *fifty units* atau *hundred units*, lepas itu sudah jual baru dia labur lagi, dia tidak akan buat projek besar-besaran. Oleh sebab itu maka sasaran boleh dicapai. Dasar Kerajaan supaya setiap keluarga boleh dapat satu unit rumah tidak boleh capai.

Tetapi pada hari ini di Malaysia dan di Kuala Lumpur seumpamanya, kita tengok banyak projek-projek besar ini dapat diusahakan dalam masa yang singkat.

Sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat Senator Hamzah satu perkara yang saya rasa elok saya jawab sedikit. Iaitu mengenai cadangan supaya rumah kos rendah ini diagihkan oleh kementerian saya dan bukan negeri-negeri.

Saya ingin menjelaskan di sini rumah kos rendah ini masa sekarang memang adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan bukan kementerian saya. Kementerian saya hanya dalam peringkat dasar, dalam peringkat kewangan, tabung dan sebagainya diwujudkan di peringkat Persekutuan.

Kementerian juga beri nasihat teknikal kepada pihak negeri. Kalau setengah-setengah pihak negeri tidak mampu untuk mengusahakan projek rumah kos rendah Persekutuan ini boleh tolong melalui Pejabat Perumahan Negara. Tetapi dari segi tanggungjawabnya dia memang dipertanggungjawabkan oleh pihak negeri kerana negeri tahu di mana tanah yang ada, manakah tempat yang ada keperluan untuk rumah kos rendah ini dibina. Oleh sebab itu maka kita sentiasa menggalakkan pihak negeri untuk terus merangka dan juga merancang mana-mana tempat yang sesuai untuk projek perumahan kos rendah untuk dibina. Apa-apa pertolongan dari segi kewangan, nasihat teknikal dan sebagainya, kita di kementerian ini boleh beri kepada mereka.

Itulah satu langkah yang saya rasa pihak negeri perlu menjalankan atau mengusahakannya. Sebab itu kalau kita minta pengagihan diambil alih oleh kementerian saya, memang negeri itu tidak setuju. Itu tanggungjawab dia, itu usaha dia dan kalau pengagihan itu pulang balik kepada kementerian maka pihak negeri tak setujulah.

Saya hendak bincang dengan *point* ini adalah sebab saya tidak ingin Yang Berhormat sekalian salah faham katakan kementerian ini memang ada kuasa sepenuhnya tentang hal-hal yang berkaitan dengan rumah kos rendah atau pembinaan rumah kos rendah dan pengagihannya. Memang kita tidak ada kuasa seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan saya yang saya boleh mengenai isu-isu yang dihuraikan oleh Yang Berhormat sekalian. Kalau ada apa-apa hendak minta jelas lagi saya bolehlah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan di setujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) (NO.2) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

2.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang yang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2001. Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM1,537,800,000 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan Fasal 2 kepada rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- Tambahan sebanyak RM991.4 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM986.4 juta bagi membiayai bayaran subsidi ke atas harga diesel; dan
 - (ii) sebanyak RM5 juta bagi membantu syarikat KLIA Konsultasi Sendirian Berhad membiayai modal kerja, dengan izin, *working capital* syarikat tersebut.
- Tambahan sebanyak RM271.2 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) RM44.3 juta bagi menampung perluasan program rancangan makanan tambahan untuk golongan murid termiskin di sekolah rendah dan telah ditambah dari 120 hari ke-200 hari persekolahan;
 - (ii) sebanyak RM26.9 juta untuk menampung kenaikan kadar elaun Latihan Kursus Diploma Perguruan Malaysia dan Kursus Diploma Lulusan Ijazah.
 - (iii) sebanyak RM10.4 juta untuk Pusat Perkembangan Kurikulum bagi perolehan buku dan alat bantuan mengajar yang digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris di sekolah rendah.
 - (iv) sebanyak RM34 juta untuk menampung kenaikan kadar biasiswa kecil Persekutuan dan biasiswa kelas persediaan universiti yang telah dinaikkan sebanyak 100%; dan
 - (v) sebanyak RM155.2 juta untuk menampung keperluan empat buah kolej universiti baru, pembukaan semula kampus cawangan Universiti Putra Malaysia di Bintulu, Sarawak serta pembayaran

emolumen berikutan pertukaran skim perkhidmatan pensyarah Universiti Teknologi Mara.

- Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM204.6 juta di bawah Maksud B33 Kementerian Kerja Raya untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM160 juta bagi bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi Lebuhraya Bertingkat Ampang oleh kerana kadar tol yang diluluskan oleh kerajaan adalah lebih rendah daripada kadar yang dipersetujui dalam perjanjian; dan
 - (ii) sebanyak RM43.9 sebagai pemberian kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai bayaran baki tunggakan pinjaman dan faedah tahun 1998 atas bayaran balik pinjaman kerajaan Persekutuan.
- Tambahan sebanyak RM43.6 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar bandar untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM39.1 juta untuk perbelanjaan mengurus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berikutan keputusan kerajaan memindahkan jabatan ini dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Pembangunan Luar bandar; dan
 - (ii) sebanyak RM4.5 juta untuk menampung perbelanjaan sewaan ruang pejabat baru di Putra Jaya.
- Tambahan sebanyak RM22 juta di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya bagi keperluan perbelanjaan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak kali kelapan dan sebanyak RM4.9 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi perkhidmatan pakar runding dan pengauditan swasta bagi pelaksanaan dan persijilan MS ISO 9000 di agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2001 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 Tahun 2001 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27A Tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

3.00 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam permintaan untuk tambahan seperti yang diterangkan itu, saya dapati lebih daripada setengah jumlah yang diperlukan itu ialah untuk menampung kos subsidi diesel iaitu sebanyak RM986 juta di bawah Vot 021500.

Apabila kenaikan diesel itu telah diumumkan dalam pembentangan belanjawan tahun 2002 itu, maka ramai daripada rakyat, khususnya mereka yang bergantung kepada

pengangkutan awam semacam bas dan juga mereka yang menggunakan lori dan sebagainya, telah menghadapi masalah. Dan oleh kerana itu saya dapati banyak aduan telah diterima. Oleh kerana kerajaan begitu peka tentang masalah-masalah rakyat, maka satu keputusan yang baru telah dibuat di mana kenaikan itu tidak dinaikkan iaitu dibatalkan dan harga diesel daripada 80 sen telah dikurangkan kepada harga asal iaitu 70 sen dan duit kena diberi subsidi oleh kerajaan sendiri, dan itulah amaunnya RM986 juta.

Ini satu amaun yang sangat besar dan saya harap semua pihak yang mengawasi perkara ini kena memastikan diesel yang dijual itu semata-mata untuk kegunaan rakyat kita. Kita tidak mahu satu keadaan berlaku di mana diesel yang mendapat subsidi ini diseludup keluar dari negara dan kemudian dijual di tempat-tempat lain dengan harga yang lebih mahal sebab itu akan mengakibatkan kita 'fugi satu amaun yang begitu besar. Semua agensi kerajaan yang terlibat dari segi penguatkuasaan mesti memastikan bahawa bot-bot yang datang ke sini tidak mengambil banyak daripada diesel ini dikeluarkan dan kemudian dijual di negara-negara lain.

Dan kenderaan-kenderaan yang datang ke Malaysia juga tidak boleh membawa keluar diesel ini kerana harga yang kita jual di Malaysia ini ialah satu harga yang diberi subsidi untuk mengehendkan kosnya. Kalau tidak, saya yakin kos itu 80 sen itu pun masih diberi subsidi. Itu masih bukan harga pasaran sebenar, itu juga mendapat subsidi. Kalau kita kurangkan 10 sen sahaja kita sudah nampak begitu besar subsidiinya.

Ini adalah satu perkara yang saya harap semua agensi yang terlibat itu haruslah memberi perhatian yang sedalam-dalamnya kepada perkara ini dan memastikan tidak ada pihak-pihak yang menggunakan peluang ini untuk mendapat untung demi kebaikan rakyat kita yang patut menerima subsidi ini. Saya juga minta pihak-pihak kita kalau kes-kes itu didapati dan pihak-pihak tertentu ditangkap maka hukuman dan denda seberat-beratnya patut dikenakan kepada pihak ini. Kalau tidak, ini tidak akan menjadi satu halangan. Kalau mereka ditangkap dan kemudian dilepaskan begitu sahaja dengan satu denda atau hukuman yang ringan, maka banyak pihak akan mengambil kesempatan untuk masuk ke bidang ini dan kita akan menghadapi lebih banyak masalah.

Rakyat juga kena berterima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah memahami kesulitan-kesulitan mereka dan dengan subsidi ini semua pihak kena ingat bahawa ini ialah lebih daripada setengah amaun yang dipohon dalam Belanjawan Bekalan Tambahan Bil.2 tahun ini.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Vot 022000 iaitu satu amaun RM5 juta yang diperuntukkan kepada KLIA Consultancy Sdn. Bhd sebagai modal kerja. KLIA Consultancy Sdn. Bhd sebagai *working capital*, dengan izin, atau modal kerja. Saya kurang faham mengapa amaun ini diperuntukkan. Kalau kita melantik seseorang guru pakar runding. maka ia patut sudah ada bukan sahaja *working capital* tetapi patut sudah ada pengalaman dan ada kakitangan dan sebagainya untuk menjalankan tugas.

Tadi, apabila saya dengar pembentangan daripada kementerian, saya tidak mendapat apa-apa penjelasan tentang KLIA Consultancy Sdn. Bhd. Apakah maksudnya, kecuali KLIA mungkin *KL International Airport*? Dan mungkin pakar runding ini sama ada diminta datang ke KLIA untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa kita itu lebih diminati oleh penumpang-penumpang atau pun syarikat-syarikat penerbangan yang lain akan dapat menjana banyak lagi business selepas KLIA Consultancy Sdn. Bhd. itu menjalankan tugas. Ataupun pelantikan mereka ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di KLIA, khasnya dari segi beg-beg yang hilang, atau dari segi masalah lain yang dihadapi.

Ada satu kes di mana seorang yang tidak ada passport sudah dapat berada dalam KLIA itu lebih daripada dua bulan dan tidak diketahui dan dia duduk di sana tanpa duit dan tersangkut. Jadi ada banyak masalah yang harus diatasi sebelum KLIA itu mungkin menjadi satu *hub* yang lebih penting. Jadi apakah terma rujukan kepada syarikat ini? Apakah bidang kuasa syarikat ini kerana ia satu syarikat perunding? Dan mengapa kita memberi satu modal kerja? Sungguhpun tidak begitu besar – RM5 juta - tetapi adakah ini berpatutan dan siapakah yang memiliki syarikat KLIA Consultancy Sdn. Bhd ini? Apakah cara kerja mereka dan siapa yang memiliki syarikat ini? Saya harap dalam jawapan nanti

lebih maklumat akan diperolehi, akan diberi oleh kementerian supaya kita semua lebih memahami mengapa satu syarikat perunding yang dipanggil KLIA Consultancy Sdn. Bhd diberi satu modal kerja sebanyak yang dipohonkan itu. Jadi saya perlukan penjelasan lebih mendalam. Jadi saya sekarang hendak bincang Maksud B.7 iaitu satu permohonan daripada Jabatan Perdana Menteri di bawah Vot 070000 iaitu satu amaun sebanyak RM4.9 juta untuk MAMPU. MAMPU ini adalah satu jabatan yang penting. Saya difahamkan permohonan untuk MAMPU ini ialah untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan pakar perunding dan pengauditan swasta bagi pelaksanaan dan pensijilan MS ISO 9000 bagi agensi-agensi kerajaan. Apa yang saya ingin tahu iaitu berapa banyak agensi kerajaan terlibat dalam mendapatkan persijilan MS ISO 9000 ini? Dan agensi-agensi yang dapat persijilan ini, adakah prestasi mereka telah bertambah baik? Nampaknya di banyak jabatan kerajaan masih ada banyak kelemahan-kelemahan tertentu.

Dalam sidang ini kita diberi laporan Juruaudit iaitu Ketua Audit Negara telah memberi pandangan beliau kepada beberapa kelemahan dalam jabatan-jabatan kerajaan tertentu. Dengan mendapatkan sijil MS ISO 9000 ini adakah ini bermakna jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang dapat itu sudah sampai ke satu tahap di mana masalah-masalah yang dihadapi itu sudah diatasi dan mereka sudah layak menunjukkan satu prestasi yang lebih cemerlang? Dan juga mereka akan memberi satu perkhidmatan kepada rakyat yang tidak ada masalah? Dan semua permohonan, semua kerja itu akan dibereskan dalam jadual yang ditetapkan oleh jabatan masing-masing.

Duit ini saya tahu ialah untuk memberi perkhidmatan pakar perunding dan adakah MAMPU sendiri tidak mampu menjalankan tugas ini. Sebenarnya MAMPU mesti mampu menanggung beban menjalankan tugas ini untuk memperbaiki ciri kerja, mutu kerja, sikap kerja dan sebagainya di jabatan-jabatan kerajaan dan oleh kerana itulah MAMPU, INTAN dan sebagainya selalu bekerjasama untuk memperbaiki keadaan tiap-tiap pegawai apabila dinaikkan pangkat kena hadir kursus dan sebagainya. Tetapi selepas banyak usaha itu nampaknya masih ada kelemahan-kelemahan. Kita masih dapati apabila hujan lebat merata-rata tempat itu dibanjiri dan pagi tadi kita mendengar jawapan tentang kenapa ibu kota kita dibanjiri tiap-tiap kali hujan satu jam, setengah jam sahaja. Ini semua menunjukkan ada banyak kelemahan yang harus diatasi.

Dengan sijil ini saya berharap kita boleh melihat satu perkembangan baru, satu sikap kerja baru dan bukan sahaja mempamerkan sijil ini di jabatan dan meningkatkan harapan orang yang datang ke jabatan itu tetapi dari segi kualiti kerja masih macam dahulu sebelum dapat sijil atau selepas mendapat sijil. Jadi, saya berharap satu perhatian diberi kepada sama ada persijilan ini betul-betul membawa satu perubahan sikap, satu perkembangan yang baik dan juga satu kerelaan membantu rakyat yang datang ke jabatan-jabatan untuk urusan seharian atau untuk mengatasi masalah-masalah mereka.

Satu lagi jabatan yang meminta banyak tambahan ialah Kementerian Pendidikan di bawah Maksud B.26. Saya ingin menyentuh tentang tiga vot yang dipohon, satu ialah vot 020100 iaitu untuk pengurusan pendidikan pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Apa yang diminta di sini sebanyak RM44,300,000 ialah untuk memberi makanan tambahan kepada golongan murid termiskin. Sekarang mereka diberi makanan sebanyak 120 hari dan cadangan duit ini ialah supaya menambah bilangan hari ditambah lagi 80 hari untuk menjadikan 200 hari masa persekolahan. Ini ialah untuk makanan tambahan golongan murid termiskin. Ini pada saya adalah satu tujuan yang baik iaitu untuk membantu murid-murid yang miskin dan mungkin kerana kemiskinan mereka, mereka pun tidak ada makanan yang mencukupi dan ini akan mengakibatkan mereka kurang memberi perhatian kepada pelajaran dan akibat daripada itu mungkin mereka tidak dapat mencapai satu prestasi yang cemerlang semasa di sekolah.

Komen saya hanya dari segi kementerian mesti memastikan duit ini digunakan sebaik-baiknya dan mereka yang menyediakan makanan ini kepada murid-murid ini harus diawasi, dikawal dengan baik. Kita terbaca dalam surat khabar banyak kali di mana kos makanan itu begitu tinggi oleh kerana kawalan tidak mencukupi dan mereka yang membekalkan makanan itu telah mengambil kesempatan untuk mengenakan kos yang tinggi tetapi menyediakan makanan yang tidak mencukupi, ataupun makanan yang kurang

baik, kurang selesa dari segi jenis makanan, dari segi amaun yang diberi dan juga dari segi sama ada baik untuk badan atau tidak.

Jadi, saya minta satu pengawasan yang lebih teliti diberi kepada perkara ini dan kita haruslah juga memastikan murid-murid yang benar-benar dalam golongan termiskin itu mendapat bantuan ini kerana ini dikhaskan kepada golongan murid termiskin dalam masyarakat kita dan kita haruslah membantu mereka, memberikan mereka makanan yang mencukupi supaya mereka boleh menumpukan perhatian kepada pengajaran mereka dan seterusnya mencapai satu keputusan yang cemerlang.

Vot yang kedua yang dipohon ialah 020700 iaitu di bawah Pendidikan Guru di mana sebanyak RM26,937,500 dipohon dan ini ialah kerana kenaikan kadar elaun bagi latihan kursus diploma perguruan dan juga kursus diploma lepasan ijazah. Kita diberitahu bahawa dalam bidang perguruan ini selalunya tidak ada sambutan yang baik dan oleh kerana itu dalam beberapa mata pelajaran kita menghadapi kekurangan guru dan sebagainya. Saya harap dengan kenaikan kadar elaun latihan kursus diploma perguruan dan juga kursus diploma lepasan ijazah ini akan memberikan satu tarikan yang lebih kuat kepada pihak-pihak yang ingin menjadi guru.

Saya juga berharap dengan elaun tambahan ini pihak-pihak ini akan lebih bergiat lagi dalam kursus-kursus ini dan selepas itu betul-betullah menjadi seorang yang terlatih sebelum keluar untuk berkhidmat di sekolah. Banyak daripada masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah berkenaan dengan disiplin yang kurang baik di sekolah, pelajar yang tidak ada minat, mungkin guru sendiri pun tidak ada minat dan sebagainya. Saya berharap kenaikan kadar elaun yang boleh diberikan dengan tambahan ini akan menggalakkan mereka yang suka menjadi guru dan duit ini akan sedikit sebanyak memberi mereka satu insentif dan tambahan bagi menjalankan tugas mereka sebagai seorang guru.

Di bawah vot 020800 iaitu untuk Perkembangan Kurikulum sebanyak RM10,419,100 dipohon dan saya difahamkan tujuan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam dua bidang iaitu kemahiran hidup atau *living skill* dan juga bahasa Inggeris di sekolah rendah. Bagi saya kedua-dua mata pelajaran ini adalah sangat penting khasnya bahasa Inggeris di sekolah rendah. Memandangkan kita dalam satu situasi globalisasi di mana dunia sekarang tiada sempadan di mana kita berhak bekerja di mana-mana negara, di mana-mana tempat di dunia, maka penguasaan bahasa Inggeris ini adalah sangat penting. Tujuan memberi perhatian ini semasa di peringkat sekolah rendah bagi saya amat tepat dan harus diberikan sokongan. Kalau kita tunggu sehingga budak-budak ini datang ke sekolah menengah maka sudah terlalu lambat kerana semasa mereka kecil, mereka betul-betul lebih berminat mempelajari bahasa. Kalau kita biarkan beberapa budak kecil itu bergaul satu sama lain tidak lama mereka sudah ada kefahaman dan mereka boleh bertutur dan sebagainya.

Ini kerana proses pengajaran itu begitu cepat semasa mereka masih kecil. Jadi memperkenalkan bahasa Inggeris di sekolah rendah bagi saya amat tepat dan harus dipuji dan saya berharap program-program yang akan dirancangkan di bawah kedua-dua perkara ini iaitu kemahiran hidup dan bahasa Inggeris akan membawa kita ke satu tahap kefahaman dan ke satu tahap pendidikan yang lebih maju dan kita dapatlah masuk ke arena global itu untuk memainkan peranan kita sebagai rakyat Malaysia. Saya juga berharap bahawa selepas sekolah rendah janganlah biarkan sahaja kerana untuk menguasai bahasa ia perlukan satu masa yang lebih panjang dan bukan sahaja kita menumpukan kepada sekolah rendah tetapi juga kita harus melihat bagaimana kita boleh memajukan konsep ini kepada sekolah menengah dan sekarang juga di peringkat *tertiary* iaitu di universiti-universiti ini maka bahasa Inggeris sudah menjadi satu subjek yang diwajibkan lulus oleh pelajar-pelajar.

Pada satu ketika masyarakat kita masih ada keraguan sama ada meminta rakyat kita menguasai banyak bahasa itu adakah satu kebaikan atau tidak tetapi memandangkan perkembangan di dunia sekarang maka rakyat di Malaysia ini mempunyai satu kualiti yang tidak wujud di negara-negara lain.

Apabila kita keluar dari Malaysia, sama ada untuk melancong ataupun untuk kerja, selalu orang yang jumpa kita terkejut apabila mereka tahu di Malaysia, tiap-tiap rakyat,

sekurang-kurangnya menguasai dua, tiga atau empat bahasa. Ini adalah satu kekuatan bagi negara kita dan kita patut menggunakan model ini sebagai satu model pemasaran rakyat kita di pasaran dunia kerana kemahiran dalam bahasa ini amat penting dan saya harap pada satu ketika nanti, perkara ini akan menjadi satu kebiasaan dan kita telah menanam satu semangat yang begitu baik bagi rakyat kita menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan.

Jadi, saya sangat mengalu-alukan permohonan sebanyak ini dan saya harap ini akan sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan kedua-dua perkara ini iaitu Kemahiran Hidup dan juga Bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Maksud P.33 di bawah vot 090300, kita diberitahu bahawa satu amaun sebanyak RM160,747,500 diperlukan untuk bayaran pampasan tol. Oleh kerana dalam perjanjian mungkin amaun yang patut dibayar kepada syarikat itu ialah lebih daripada apa yang mereka dibenarkan mengutip pada masa sekarang. Oleh kerana itu, amaun yang dipohon itu akan diberi kepada syarikat ini sebagai satu pampasan tol.

Saya harap perkara ini akan dikaji dengan teliti sebelum satu keputusan dibuat sama ada hendak menjadikan sesuatu jalan atau sesuatu tempat itu sebagai satu jalan yang bertol. Kita tidak harus melihat satu keadaan di mana mereka bina dahulu dan kemudian tetapkan harga dan apabila kita dapati harga itu tidak terlalu tinggi, maka kita kata kerajaan akan menampung, mengeluarkan pampasan dan ini bukan pertama kali berlaku.

Lebuhraya PLUS – kita juga diberitahu bahawa konsesi itu atau syarikat konsesi itu diberi satu tempoh yang lebih panjang untuk mengutip tol kerana amaun yang dibenarkan kepada mereka ialah bukan seperti dalam perjanjian iaitu satu amaun yang lebih rendah.

Di lebuhraya-lebuhraya bertol yang lain, kita juga dengar cerita yang sama. Lebuhraya Kulim-Butterworth juga kita dengar cerita yang sama dan di Kuala Lumpur, kita juga dengar cerita yang sama. Jadi, saya ingin tahu, kenapa Kementerian Kerja Raya ini apabila mereka membuat sesuatu keputusan, kenapa tidak mengambil kira amaun yang akan dibelanjakan dan kemudian kutipan tol yang harus dikenakan dan sama ada kita sanggup bayar amaun itu dan kalau semua ini dikaji dengan baik, barulah kita mulakan projek itu. Nampaknya itu adalah lebih baik daripada cara sekarang iaitu selepas semua sudah siap, baru runding tentang harga dan selepas itu, apabila tidak mencapai amaun yang diperlukan, maka kerajaan kena menampung. Dan kerajaan sentiasa menggunakan duit rakyat untuk menampung perkara ini.

Jadi, saya minta penjelasan kenapa selepas begitu banyak projek yang menghadapi masalah yang sama, kenapa kita tidak menghalusi proses ini. Kenapa tiap-tiap kali ia terus berlaku. Kita diberitahu dalam permohonan ini bahawa ini adalah *one off*. Ada ditulis satu perkataan *one off*. Bagi saya maksud *one off* itu ialah sekali sahajalah, jangan berlaku lagi. Kalau dua kali, sudah *two off*, bukan *one off, two off*. Dan tiga kali sudah *three off*. Jadi, kita kalau sebut *one off*, itu bermakna sekali sahaja. Jangan datang pada tahun depan, kata tidak boleh, tidak cukup, kena bagi lagi. Kalau demikian, sampai bila pun kita tidak boleh mengatasi masalah ini.

Saya ingin mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan ini, iaitu satu daripada perkara yang hangat dibahaskan di WTO baru-baru ini yang berlangsung di Doha, Qatar itu ialah tentang perkara *transparency* atau ketelusan. Kalau kita tidak beritahu semasa kita membuat sesuatu dan kita telah menandatangani, membuat perjanjian dan sebagainya untuk melakukan sesuatu dan kemudian apabila sudah siap, maka kita runding sekali lagi dengan pihak yang sudah dapat projek itu. Kalau kita tanya, adakah itu telus, adakah *transparent* proses semacam ini?

Saya harap kita di Malaysia, jangan menjadi pihak yang dilihat rendah oleh masyarakat dunia kerana kita masih tidak amalkan *transparency* sedemikian. Bagi saya, perkara macam ini menunjukkan kurang telus dari segi, rakyat mungkin tidak tahu berapa banyak tol yang harus dikutip apabila sesuatu projek itu dilaksanakan dan selepas projek itu siap, baru runding tentang itu dan bila tiba-tiba kutipan tol akan tamat tempoh, diberi

lanjutan selama 10 tahun atau 5 tahun lagi kepada pihak konsesi itu. Itu berlaku di negara kita dan selalu menjadi tanda tanya.

Soal ini selalu dibangkitkan oleh rakyat sama ada kita cukup peka dalam perkara ini ataupun tindakan kita semata-mata menguntungkan beberapa syarikat yang diberi konsesi itu. Itulah yang kita harus jawab kepada pihak-pihak yang tanya. Kita selalu sebut, "Oh di Malaysia, bayaran tol itu yang paling murah di rantau kita dan kita bagi di Jepun berapa, di Thailand berapa, di China berapa, di Malaysia berapa dan kita kata, oh! di sini yang paling rendah tetapi di belakang, kita sudah bagi, kita sudah bayar syarikat itu berapa juta seperti yang dipohon di sini.

Kalau ini semua diambil kira dengan bayaran yang dikenakan maka kita sudah jadi yang paling mahal kerana banyak daripada amaun yang kita patut bayar itu sudah kita bayar dalam subsidi. Itu kita sudah sembunyikan maklumat itu dan kata, mungkin 10 sen atau 80 sen atau 8 sen dan 10 sen, 9 sen satu kilometer tetapi sebenarnya kita sudah bayar satu amaun yang besar dan di sini bagi satu syarikat konsesi sahaja, kita harus bayar RM160 juta lebih, kepada satu syarikat konsesi sahaja iaitu di Ampang.

Kalau kita lihat kepada keseluruhannya, masukkan PLUS, masukkan SPRINT, Kerinchi, KESAS dan semuanya, mungkin amaun ini sudah meningkat menjadi begitu besar.

Saya minta pihak Kementerian Kerja Raya yang memohon peruntukan ini supaya memberi satu perhatian yang lebih serius kepada perkara ini dan ini sering berlaku. Kita juga kurang seronok bila selalunya mendengar jawapan apabila perkara ini dibangkitkan, "Oh kalau tidak mahu bayar tol, guna jalan lama." Guna jalan lama kerana ada alternatif tetapi ini bagi saya bukan satu yang patut kita sebut sedemikian. Kita patut memberitahu rakyat sebelum sesuatu projek itu dijalankan. Kalau kita menjalankan projek ini, ini adalah implikasinya. Kalau hendak ini, selepas kita buat, sekian-sekian banyak.

Kalau kita sekarang mahu ke Port Dickson, *highway* ke Port Dickson, Seremban-Port Dickson Highway kalau kita lihat, lebuh raya yang baru dibina itu. Kalau kita lihat, berapa banyak kenderaan yang menggunakannya dan syarikat konsesi itu sudah menghadapi masalah dan datanglah kerajaan untuk membantu. Jadi, sampai bila kita akan belajar dari pengalaman ini supaya perkara ini tidaklah selalu berulang dan menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat kita.

Dalam permohonan *one off* yang diminta ini ialah untuk syarikat konsesi lebuh raya bertingkat Ampang dan satu sahaja projek yang memerlukan begitu banyak subsidi daripada kerajaan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Maksud B.48 iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian ini telah memohon duit dan kebanyakan duit yang dipohon itu ialah untuk perbelanjaan mengurus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli selepas jabatan itu dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dahulu, jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Duit yang dipohon itu sekarang ialah satu amaun yang baru dan saya telah cuba melihat bagaimana duit yang telah diperuntukkan semasa jabatan itu berada di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bukankah apabila kita pindah satu jabatan ke kementerian lain peruntukan yang ada juga dipindahkan ataupun jabatan itu pindah sahaja tetapi peruntukan untuk jabatan itu masih tinggal di dalam kementerian yang lama. Saya cuba hendak lihat dari laporan itu peruntukan-peruntukan sebelum ini dan saya cuba hendak lihat sama ada peruntukan sebelum itu juga dipindah bersama jabatan. Tetapi, nampaknya jabatan berpindah dan memohon peruntukan yang baru. Jadi, saya hendak tahu apa sudah terjadi kepada peruntukan asal kerana Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah wujud banyak tahun dan ia sebelum itu terletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pindaan ini kenapa tidak termasuk juga pindaan peruntukan-peruntukan yang telah dibuat sebelum itu. Saya minta satu penjelasan tentang perkara ini.

Bagi komen tentang tugas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu saya dapati banyak daripada permohonan yang dibuat itu ialah untuk membantu lagi perkembangan hal ehwal

Orang Asli dan juga membawa lebih kemudahan-kemudahan kepada kumpulan Orang Asli ini. Kita sudah menjadi satu negara yang boleh dikatakan sudah sampai ke satu sempadan negara maju. Kita tidak mahu lihatlah kumpulan-kumpulan kita masih ketinggalan masih di satu peringkat di mana mereka belum lagi masuk ke aliran-aliran pembangunan kepada aliran moden dan sebagainya masih nampak ketinggalan. Dan duit yang dipohon itu ialah untuk membantu kumpulan ini.

Sejak diwujudkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli maka banyak usaha telah dibuat tetapi saya kurang pasti sama ada kajian-kajian dibuat dari masa ke semasa untuk menentukan sama ada program-program yang kita laksanakan setakat ini membawa kesan seperti yang diharapkan. Ataupun kita hanya melakukannya kerana kita sudah biasa melakukannya dan hari demi hari kita buat yang sama sahaja tanpa melihat ke masa hadapan. Bilakah kumpulan Orang Asli ini akan menyertai arus-arus masyarakat yang lain? Bilakah mereka ini akan datang membanjiri kota kita dan terus bersama kita ataupun kumpulan ini akan hanya diletakkan di pinggir-pinggir hutan atau di tempat-tempat dalaman? Apakah usaha akan dibuat untuk kumpulan ini? Kita sudah tahu bahawa kumpulan ini menghadapi banyak masalah yang perlu diatasi. Tetapi kalau mereka dibiarkan tinggal sebagai satu kumpulan biarkan begitu sahaja. Saya nampak 50 tahun dari sekarang bila kita sampai ke Wawasan 2020 dan selepas itu maka kita masih ada masalah dari segi ini dan tiap-tiap kali kita masih perlukan satu peruntukan bagi kumpulan ini. Saya haraplah dengan perpindahan dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka kumpulan ini sudah sekarang masuk ke bandar sungguhpun masih berada luar daripada bandar tetapi sudah lebih dekat ke bandar kerana mereka boleh dibawa masuk.

Apabila kita dengar rancangan-rancangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ini pagi tadi kita dengar jawapan, kelmarin kita dengar jawapan tentang usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini bagi memajukan luar bandar bagi program-program mereka untuk meningkatkan industri kraf tangan, industri lain di luar bandar saya harap semua ini akan mengambil kira Orang Asli juga. Dan mereka harus digalakkan menyertai aliran ini dan bersama rakyat lain di luar bandar itu berkembang maju, dapat pendidikan yang moden, dapat kemudahan yang moden dan tidak lama lagi akan menyertai masyarakat kita sebagai satu kumpulan yang tidak dianggap sebagai kumpulan ketinggalan lagi.

Saya harap dengan masuk ke keluarga yang baru ini iaitu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka keluarga yang baru ini akan memberi lebih perhatian kepada golongan ini dan masukkan mereka ke program-program yang ada supaya tidak lama lagi mungkin kita tidak perlulah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli lagi. Kita selalu diberitahu sebab-sebabnya ialah Orang Asli ini tidak biasa dengan duduk dalam bandar dan gaya kehidupan mereka tidak sesuai dalam bandar dan sebagainya. Oleh kerana itu mereka lebih suka berada dalam hutan dengan masuk ke masyarakat dan sebagainya.

Bagi saya ini bukan satu alasan yang kukuh. Kita patut melihat bukan dari segi itu tetapi dari segi perkembangan kemajuan di negara kita di mana banyak tanah akan dibuka untuk skim-skim FELDA, untuk skim-skim lain yang mana banyak lagi penyertaan kumpulan-kumpulan kita boleh diadakan di mana banyak pihak lagi boleh masuk dan setakat itu kita juga kita membawa banyak rancangan kepada tempat-tempat yang kita anggap sebagai luar daripada bandar ataupun di pinggir-pinggir bandar.

Apabila saya tanya pada satu ketika bagaimana Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini ada bekerjasama dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menggalakkan rakyat kita yang ada di luar bandar supaya tidak berhijrah ke bandar kerana bandar mungkin sudah begitu sesak dan ketumpatan penduduk begitu tinggi mungkin tidak lagi begitu sesuai. Kalau kita ada banyak projek di luar bandar mungkin ini akan menggalakkan lagi rakyat di luar bandar itu supaya tinggal dalam tempat penduduk mereka dan tidak pergi ke bandar. Sebabnya mereka ke bandar ialah untuk mencari nafkah tetapi kalau kita bina kilang, kita ada kerja-kerja lain kita ada ladang, kita ada kilang kelapa sawit, semua kalau kita ada ini di luar bandar maka pihak ini tidak perlu lagi ke bandar untuk mendapat pekerjaan dan semakin lama kita semakin membuka kawasan-kawasan luar bandar kepada kemajuan dan kepada lebih orang. Mungkin suatu hari lagi

lebih orang dari bandar akan berhijrah ke luar bandar kerana di luar bandar ada banyak tempat bagi mereka mendirikan rumah, bagi mereka duduk dalam satu suasana yang kurang tekanan dan sebagainya. Dan ini pada pendapat saya adalah lebih baik.

Jadi, dengan perkembangan ini saya harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi perhatian supaya jabatan yang baru dipindahkan ke kementerian ini diberi satu arahan supaya dapat mencantumkan aktiviti jabatan ini dengan aktiviti pembangunan luar bandar yang sedang giat berkembang di bawah usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu. Dan dengan mengadakan dua-dua jabatan iaitu mereka yang menjalankan projek-projek di luar bandar dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli maka saya harap satu perkembangan yang terkini akan berlaku dan kumpulan Orang Asli ini tidak lama lagi akan masuk ke arus pembangunan negara dan anak-anak mereka akan terus masuk ke sekolah-sekolah dan sebagainya.

Saya tahu amaun yang diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu banyak tetapi sungguhpun banyak tetapi kalau tidak digunakan dengan sebaiknya maka perkara ini masih tidak dapat diselesaikan. Kita diberitahu di Dewan yang mulia ini banyak kali usaha-usaha yang sudah dan akan diambil oleh kementerian-kementerian untuk menjadikan kumpulan ini satu kumpulan yang betul-betul menikmati semua kemudahan yang kita ada di negara kita ini. Jadi, rasional untuk berpindah daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke kementerian ini mesti ada dan saya harap dengan rasional itu maka kita boleh membawa golongan ini ke satu peringkat yang lebih maju dan lebih baik dan mereka akan dapat menyumbang kebolehan, kemahiran dan buah fikiran mereka ke masyarakat kita demi kepentingan dan perkembangan negara Malaysia.

Itulah komen-komen saya dan saya sokong peruntukan-peruntukan yang dipohon di bawah Akta Perbekalan Tambahan (No.2) 2001 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan K. R. A. Naidu.

4.00 ptg.

Tuan K. R. A. Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin memohon tambahan sebanyak RM1.5 bilion untuk mengurus Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga 2001. Ini adalah jumlah besar untuk tahun 2001 iaitu sebanyak RM64.2 bilion. Mengikut perbelanjaan ini, 13.6% adalah diperuntukkan untuk pengangkutan, 17.6% untuk pendidikan, 2.6% diperuntukkan untuk perkhidmatan kebajikan dan masyarakat, 2% untuk perkhidmatan pentadbiran am dan 64.2% sebagai pelbagai bayaran balik yang kebanyakannya digunakan sebagai bayaran subsidi ke atas harga diesel.

Tuan Yang di-Pertua, dalam maksud B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya RM22 juta dipohon untuk perbelanjaan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak kali kelapan 8. Kalau kita kira perbelanjaan yang lain yang dibelanjakan oleh jabatan seperti pasukan keselamatan, Kementerian Penerangan dan lain-lain, mungkin angka ini adalah lebih, boleh jadi RM40 juta. Kita belanjakan lebih RM40 juta untuk mengadakan pilihan raya untuk satu negeri dalam negara ini. Walaupun kita mengalu-alukan ini, saya ingin mencadangkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya haruslah berfikir untuk mengurangkan jumlah perbelanjaan ini kerana walaupun pilihan raya adalah penting tetapi perbelanjaan perlulah dikawal supaya kita tidak membelanjakan terlalu banyak wang untuk hal ini.

Dalam maksud B.26, RM44 juta digunakan untuk program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk golongan murid termiskin di sekolah rendah. Ini telah ditambah. Dahulunya program RMT hanyalah untuk 120 hari, sekarang ini ditambah kepada 200 hari persekolahan. Ini kita mengalu-alukan. Tetapi apa yang saya ingin memaklumkan ialah bahawa program ini kena betul-betul disampaikan kepada pelajar-pelajar. Sebab makanan ini adalah satu yang penting, zat yang memberi kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka boleh berfikir dengan baik, mereka boleh buat kerja mereka di sekolah dengan sempurna.

Tetapi program itu mesti dijalankan dengan baik supaya semua pelajar dapat nilai untuk ringgit.

Dalam maksud ini juga, hampir RM27 juta digunakan untuk kursus Diploma Pengurusan Malaysia sebagai kenaikan kadar elaun latihan kursus Diploma Pengurusan Malaysia dan kursus diploma lepasan ijazah. Ini dialu-alukan kerana pada masa ini tidak ramai yang berminat untuk menjadi guru. Ini disebabkan kebanyakan gaji guru di sekolah-sekolah, gaji mereka adalah sangat kurang tetapi mereka tengok anak murid mereka selepas sekolah, mereka pergi dalam tempoh dua, tiga tahun ataupun lima hingga sepuluh tahun, kadangkala gaji atau pendapatan mereka adalah dua kali ganda lebih daripada guru sendiri. Jadi, itulah sebabnya banyak orang tidak berminat untuk menjadi guru dan kenaikan kadar elaun ini adalah satu yang baik sebab ini akan menarik minat lebih banyak pemuda-pemudi untuk menjadi guru.

Di samping itu juga, saya ingin memaklumkan bahawa kita perlukan lebih ramai lelaki dalam jurusan ini, sebab akhir-akhir ini kita dapati kebanyakan guru di banyak sekolah sama ada sekolah rendah mahupun di sekolah menengah adalah terdiri daripada golongan wanita. Mereka juga adalah berkelayakan, mereka juga adalah mempunyai segala upaya seperti orang lelaki tetapi kadangkala kita juga perlukan guru-guru untuk tugas-tugas tertentu seperti untuk menjaga disiplin sekolah, memberi latihan sukan dan sebagainya. Saya ingat itulah sebabnya pada satu ketika Timbalan Menteri kita mengatakan guru-guru perempuan perlulah mengatur jadual - jadual bersalin. Ini menyebabkan ramai telah tidak bersetuju dengan beliau. Ini sudah menjadi satu tajuk yang panas yang ditentang oleh semua pihak.

Tetapi apa yang berlaku ialah sebenarnya, kadangkala kalau di sesebuah sekolah ada 30 orang guru. Daripada 30 orang guru itu hampir 22 guru adalah wanita. Boleh jadi lebih kurang 10 orang guru wanita mengambil cuti bersalin. Dan apa yang terjadi di sekolah ialah guru-guru yang dihantar sebagai guru ganti, kadang-kadang tiada guru dan masalahnya ialah pelajar-pelajar SPM dan STPM, mereka tidak dapat guru-guru pada ketika itu. Ini berlaku khasnya di luar bandar. Itulah sebabnya kebanyakan pelajar dan ibu bapa mahu hantar anak-anak mereka ke bandar-bandar besar daripada di luar bandar, khasnya selepas peperiksaan SPM supaya anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna.

Jadi, itu adalah satu perkara bukan sahaja Kementerian Pendidikan perlu peka, tetapi semua pihak perlulah memberi perhatian supaya pendidikan di sekolah-sekolah berjalan

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Naidu, Dato' Dr. Chin minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Saya sangat tertarik tentang komen iaitu bersalin mengikut jadual. Jadi, saya hendak tahu, kerana Yang Berhormat telah menyatakan bila perkara ini dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, maka sambutan itu kurang baik dan banyak pihak tidak bersetuju dengan cadangan itu. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat, sekiranya itu dikaitkan kepada mungkin satu pemberian insentif, katakan kalau bersalin pada bulan Mac dapat RM1 ribu, bulan Mei - RM5 ribu, bulan Julai - RM1 ribu, Disember - RM500 sahaja, adakah ini mungkin menjadi satu galakan supaya perkara ini dapat disokong. Saya tidak tahu sama ada....

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, cuti sekolah lagi banyak *reward*, itu lagi baik.

Tuan K. R. A. Naidu: Bukan. Kalau cuti sekolah mungkin jadual saya sudah terbalik, mungkin Disember RM5 ribu, Mac RM500 dan sebagainya. Kalau kita ada satu skim semacam ini, sama ada boleh disokong oleh rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat Tuan K. R. A. Naidu tidak dapat RM5 ribu.

Tuan K. R. A. Naidu: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya hanya memberi pandangan, mungkin seperti mana yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita beri elaun seperti mana Tuan Yang di-Pertua katakan pada masa cuti bersalin dan diberi elaun tambahan, mungkin ini adalah satu yang baik. Tetapi saya memaklumkan kepada semua pihak bahawa saya hormati kaum wanita - ibu saya adalah wanita, isteri saya adalah wanita, saya ada anak wanita. Jadi, apa yang saya sebut tadi bukanlah untuk menghina mana-mana pihak, hanyalah satu kebenaran yang berlaku di sekolah-sekolah.

Dengan itu saya ingin maklumkan bahawa apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan pada ketika itu adalah satu yang betul dan yang benar-benar berlaku....

Timbalan Yang di-Pertua: Niat dia baik.

Tuan K. R. A. Naidu: Niat dia baik, terima kasih Datuk. Jadi selepas itu saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM10 juta untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Ini adalah baik dan baru-baru ini saya ingat kementerian juga meluluskan bahawa sekolah-sekolah bahasa Tamil dan bahasa Cina sudah memulakan bahasa Inggeris dari peringkat darjah satu. Saya mengalu-alukan ini oleh sebab seperti mana yang saya katakan dahulu bahasa Inggeris adalah satu bahasa antarabangsa dan saya pernah memberitahu Dewan yang mulia ini pengalaman saya sendiri apabila saya melawat Indonesia pada tahun 1969, saya lihat mereka mengadakan bulan bahasa Inggeris. Saya terkejut sebab Indonesia adalah sebuah negara yang besar di bawah Belanda, mereka perlulah membaca Dutch tetapi mereka mengadakan di beberapa buah universiti. Saya melawat beberapa buah universiti dan mereka mengadakan bulan bahasa Inggeris. Jadi Indonesia menyedari kepentingan bahasa Inggeris pada tahun 60-an dan kita perlulah ambil perhatian sebab kalau kita mahu maju dalam dunia, kita perlukan bahasa antarabangsa ini bukan sahaja untuk perdagangan tetapi juga untuk menjadi pemimpin dalam persidangan-persidangan antarabangsa ataupun pelbagai organisasi antarabangsa.

Kita merujuk kepada Perdana Menteri kita yang paling mahir dalam bahasa ini yang dianggap sebagai seorang tokoh antarabangsa oleh kerana bahasa Inggerisnya yang kukuh dan dengan ini saya mengalu-alukan perbelanjaan ini demi kebaikan pelajar-pelajar.

Selain daripada itu anggaran sebanyak RM34 juta untuk menampung kenaikan kadar Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti. Ini juga saya mengalu-alukan dan saya harap biasiswa-biasiswa ini diberikan kepada semua yang memerlukannya tanpa mengira dari mana dia datang atas sebab-sebab keperluannya kalau dia benar-benar memerlukannya, kita perlulah memberi biasiswa sebab sekolah menjadi tempat di mana kita memupuk perpaduan. Jadi di sini semua merasa keadilan di sana, semua yang berlaku di sana adalah baik dan adil. Jadi saya haraplah biasiswa-biasiswa ini apabila diberi pertimbangan kepada semua kaum yang benar-benar memerlukannya.

Sebanyak RM155 juta untuk membina empat buah universiti dan kampus cawangan Universiti Putra Malaysia di Bintulu dan juga emolument berikutan pertukaran skim perkhidmatan pensyarah Universiti Teknologi Mara. Ini juga satu yang baik sebab sering kali kita dengar dan kita selalu ada pelbagai isu dalam surat khabar kekurangan tempat dalam universiti untuk kebanyakan pelajar-pelajar kita selepas persekolahan SPM atau STPM. Jadi dengan menambah empat buah universiti ini dan kampus cawangan UPM ini kita harap masyarakat Malaysia mendapat pendidikan tinggi sekiranya mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Butiran kepada Maksud B.29 di mana hampir RM1 bilion iaitu RM986 juta diambil untuk membiayai bayaran subsidi ke atas harga diesel. Sebagai mana yang rakan saya, Dato' Dr. Chin katakan tadi, amaun ini adalah amaun yang besar, paling besar dan kita haraplah bayaran yang kita jelaskan di sini benar-benar dimanfaatkan kepada warganegara kita. Penyeludupan minyak diesel ke negara-negara asing ke utara dan selatan mestilah dijaga dengan baik supaya kita tidak hilangkan wang kita untuk menjadikan orang daripada negara asing menjadi kaya.

Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar memerlukan RM40.5 juta untuk mengurus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan ini dialu-alukan oleh Orang Asli kerana Orang Asli di sini memerlukan banyak bantuan. Mereka juga adalah warganegara ini dan

harapan saya ialah bahawa wang yang dibelanjakan disampaikan kepada maksudnya supaya mereka betul-betul dapat menikmati faedah daripada perbelanjaan ini dan dengan itu saya ingin katakan bahawa negara kita ada pakar-pakar dalam pelbagai bidang dan juga dalam jurusan perakaunan. Jadi wang-wang yang dibelanjakan ini mestilah *accountability*, ini yang penting. *Accountability* adalah sangat penting dan kita di tiap-tiap kementerian perlulah mengadakan atau menyeliaikan bahawa perbelanjaan yang mereka lakukan adalah di bawah jagaan pegawai-pegawai dan dibelanjakan dengan baik dan dengan itu saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah memperkenalkan Sistem B.12. Sistem B.12 yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah penstrukturan semula sistem pendidikan daripada 13 tahun kepada 12 tahun pada peringkat pendidikan rendah, menengah dan SPM.

Jadi dengan amalan ini pelajar-pelajar kita dapat menikmati untung satu tahun dan ini adalah baik dan usaha-usaha kerajaan juga untuk memperkenalkan prasekolah di semua sekolah rendah amat dialu-alukan dan saya bersetuju bahawa kanak-kanak harus memiliki asas pendidikan yang kukuh dan pembahagian pelajar kepada jurusan yang berlainan selepas 8 tahun atau di tingkatan dua turut merupakan satu usaha yang dialu-alukan kerana ia membuka peluang yang lebih luas bagi pelajar-pelajar memilih jurusan mereka sama ada sains, sastera, teknikal, agama, vokasional ataupun kemahiran dan itulah sebabnya saya ingat kerajaan sekarang turut ada *community college* di tiap-tiap daerah dengan ini kita haraplah sistem ini akan berjaya.

Dengan kata-kata ini saya turut menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2001. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

4.27 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Anggaran Tambahan Ketiga 2001 - Perbelanjaan Bekalan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tidak ada di sini? Tidak apalah, rekod kerana telah menyampaikan dan membentangkan anggaran tadi dan memberi penerangan sepintas lalu tentang rasional mengapa diperlukan tambahan yang sebanyak ini walaupun sepintas lalu ia merupakan satu tambahan yang begitu amat besar setelah mendengar penyampaian beliau dan hujah-hujah rakan-rakan saya tadi, saya turut bersetuju dan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan awal-awal lagi di sini bahawa mungkin dalam rang undang-undang ini pun dia akan mengalami satu suasana yang sama dengan semasa kita bincang rang undang-undang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh kerana itu dalam cuba menghuraikan secara terperinci atas tiap-tiap tajuk yang agak relevan oleh kerana kita akan mempunyai ruang masa yang banyak untuk mengupas, saya harap pegawai-pegawai kerajaan yang membuat catatan akan juga mengambil kira bahawa mungkin perkara ini dalam perspektif yang lain akan membangkitkan juga semasa kita berbahas tentang Belanjawan 2003. Agaknya bila disentuh enam tajuk utama dalam peruntukan Belanjawan Tambahan ini kita tidak boleh lari agak bertindih dengan pendapat yang kita hendak sampaikan lebih-lebih lagi bila kita hendak hurai dengan lebih panjang lebar. Oleh kerana itu dengan izin, *please bear with us* untuk kepentingan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perbahasan saya mengikut susunan yang telah disampaikan Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Tambahan sebanyak RM22,010,000 ini untuk negeri Sarawak saya rasa berpatutan dan baik kerana sepintas lalu apa yang diberi maklum balas kepada kita, perjalanan pilihan raya di negeri Sarawak berjalan dengan begitu licin dan teratur, tidak ada masalah. Walaupun kita mempunyai masalah pengangkutan yang berjauhan untuk hendak buat pusat mengundi dan untuk memberi peluang kepada pengundi-pengundi beri undi yang kita anggap mungkin mempunyai potensi mewujudkan masalah tetapi semuanya berjalan dengan licin dan teratur.

Oleh kerana itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana mengendalikan pilihan raya di negeri Sarawak itu dengan begitu baik dan keputusannya juga sungguh memberangsangkan bagi pihak Barisan Nasional di atas kemenangan cemerlang yang saya turut untuk rekod, mengucapkan tahniah kepada pimpinan Kerajaan Barisan Nasional di bawah Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Cuma, yang saya ingin bangkitkan ialah, apakah yang digambarkan menyeluruh baik itu, sebenarnya bila dilihat dari dalam adalah secantik yang diumumkan di luar. Saya rasa usaha untuk muhasabah diri, melihat diri dari dalam dan mengakui kelemahan adalah satu pendekatan yang amat baik dan profesional dan berlandaskan Islam.

Oleh kerana itu, saya harap pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, saya percaya sekarang ini sedang melihat dan mengkaji; apakah prestasi mereka yang terakhir ini di negeri Sarawak sudah mencapai tahap yang kita harapkan kerana kita akan menghadapi beberapa pilihan raya kecil dan mungkin pilihan raya umum yang akan menjadi lebih awal, mungkin saya tidak tahu tetapi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, kita hendak lebih kemas kini lagi kerana bila minta sahaja peruntukan, kita selalu beri kelulusan.

Oleh kerana itu, kita harap pada saat dan ketika yang tepat, dapat pihak Suruhanjaya membuat kajian dan laporan secara berkala supaya katakan, pilihan raya Sarawak telah berjalan begini, begini, begini, seakan-akan kertas putihlah, saya tidak boleh panggil kertas putih, nampak berat sangat, laporan progress sahaja, kemajuan. Kata begini telah kita alami yang baiknya ini tetapi yang cacat yang begini. Tetapi, cacatnya ini adalah pertama kali atau kedua, ketiga atau kesepuluh kali. Ini, persoalannya.

Kita selalu bercakap tentang kecemerlangan dari segi perkhidmatan. Kecemerlangan perkhidmatan hendaklah dikaji juga dengan, apakah badan tertentu. Di sini, yang kita bercakap ialah Suruhanjaya Pilihan Raya, mengambil kira kelemahan dahulu dan tidak diulangi masa kini. Saya bangkitkan ini kerana kalau kita melihat dalam pilihan raya yang terakhir tahun 1999, di kawasan pengundi saya sendiri yang tidak jauh daripada bandar sebenarnya, kawasan PJ Utara, mempunyai masalah yang berulang-kali, yang kadang-kadang kita pun pening, kata, macam mana ini?

Ini bukanlah pertama kali kita menjalankan urusan pilihan raya sedangkan di pihak parti politik juga kita membuat persediaan untuk *compliment* kan perkembangan di peringkat Suruhanjaya Pilihan Raya umpamanya dari segi penggunaan komputer. Ada talian-talian yang kita boleh *check* secara spontan tetapi kita *check* secara spontan hanya *one way traffic*. Kalau *check* yang bermasalah. Yang tidak bermasalah ertinya setakat mendapat maklumat. Tetapi, bila ada timbul masalah, sistem yang telah diwujudkan juga tidak boleh menyelesaikan masalah. Tetapi, kalau kita melihat dari segi program pengkomputeran Suruhanjaya Pilihan Raya pun diantaranya yang membelanjakan banyak dari segi meletakkan perkakasan pengkomputeran, juga diadakan latihan dan sebagainya. Perisiannya pun hendak dikemas kini tetapi bila kita lihat dari segi sebenar, percubaan yang sebenar, ialah apabila kita menghadapi masalah.

Bila menghadapi masalah, misal masalah pindah alamat, masalah yang dia pergi ke satu tempat, tidak ada namanya di situ, entah apa sebab. Tetapi, bila kita pergi *on line* untuk dapat selesaikan masalah ini, tidak dapat respons yang spontan. Oleh kerana itu, dalam proses ini, banyak pengundi-pengundi yang naik marah pada kerajaan. Banyak pengundi-pengundi yang kadang-kadang marah dan merajuk termasuk dua-dua sekali dan katanya, "Kalau begini, tidak payahlah mengundi".

Kita tidak boleh melihat perkara ini sebagai satu perkara yang kecil kerana pada saya, hendaklah dilihat dari aspek masa ketika mengundi ialah masa ketika rakyat membuat keputusan sama ada kerajaan, calon dari kerajaan atau calon dari pembangkang yang hendak diundi. Dia melihat Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai kerajaan. Dia kata, kalau digahkan besar-besarnya *multimedia*, *super corridor*, itu ICT dan sebagainya, di sana-sini, suruh beli komputer dan sebagainya, katanya, kerajaan yang mengambil inisiatif dahulu, kitalah mula-mula sekali di dunia, orang lain ikut kita dan sebagainya, mungkin dia tidak faham dalam dunia itu tetapi, bila datang saat terakhir, ketika dia hendak buat keputusan, hendak menentukan calon mana yang dia hendak undi, dia menghadapi masalah.

Saya kata bukanlah majoriti begini tetapi yang bermasalah membuat bising sehinggakan orang lain pun tahu dan menjadi buah mulut mengatakan bahawa tidak guna sistem komputer. Lagi lebih cepat sistem tangan, tulis tangan daripada sistem komputer. Ini pernah disebut dan pernah pun dibuktikan di sesetengah tempat mengundi. Saya rasa perkara ini hendaklah dilihat dengan begitu serius kerana ia membawa implikasi kepada usaha-usaha lain dari segi program pengkomputeran dan menggunakan ICT semaksimal mungkin di jabatan-jabatan kerajaan. Ini memberi gambaran bahawa kalaulah Suruhanjaya Pilihan Raya menjadi *representative*, menjadi wakil badan kerajaan.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Saya sangat tertarik tentang komen, masalah-masalah yang dihadapi oleh pengundi semasa mereka datang. Saya hendak tahu, apakah pendapat Yang Berhormat Datuk Ghazi, kerana pada pendapat saya, masalah itu timbul daripada daftar pemilih itu. Jadi, apakah pendapat Datuk Ghazi kalau kita adakan satu sistem yang dikaitkan dengan Jabatan Pendaftaran iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dengan Suruhanjaya, adakan satu sistem yang *common*, di mana kalau seseorang memohon IC dan kalau dia sudah layak menjadi pengundi, maka mengikut alamatnya dia juga pada masa yang sama, didaftarkan sebagai pengundi iaitu menggunakan alamat dia dan apabila dia tukar alamat, secara automatik juga ditukar kawasan pilihan raya kerana mengikut tempat kediamannya. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang ini kalau kita laksanakan ini, sama ada kita boleh mengatasi masalah pendaftaran pemilih? Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya rasa itu pendapat yang baik dan saya boleh terima pada prinsip dan pokoknya asalkan kita menerima itu dan tidak menimbulkan masalah yang lain pula. Tetapi, sepiantas lalu, saya menerima ini kerana memang pun sekarang diwarwarkan, dibincangkan, mengatakan kerajaan bercadang untuk menjadikan *automatic registration*, pendaftaran secara automatik. Siapa sahaja yang sudah register, sampai umurnya, terus boleh menjadi pengundi.

Kalau itu diselaraskan juga dengan Jabatan Pendaftaran yang sekarang masih lebih canggih kerana sudah pakai *my card*. Dahulu, kita sebut di sini, alhamdulillah, sekarang sudah tukar *my card*. Dahulu, kita sebut kenapa kad pelbagai guna kerajaan dihebahkan sebagai kad pelbagai guna kerajaan? Bila kita lihat kad, dia ada tulis kad pengenalan, ada tulis lesen memandu. Itu tidak kena. Jadi sekarang, sudah baiki sikit. Saya harap yang lain, bila stok habis dia boleh tukarlah. Tetapi sekurang-kurangnya, sudah ada komitmen untuk tukar nama, label, *the name, the brand* dengan izin, *my card*. Saya percaya *my card* itu belajar juga bahasa Inggeris, kata kad saya dan di antaranya, saya harapkan interpretasinya ialah *my represent* bermaksud Malaysia. Ini dot my, dot my ini, dari Malaysialah. *My card* dari Malaysia. Itu baik dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pendaftaran yang Ketua Pengarahnya pun sahabat saya juga walaupun saya agak terus terang komen tentang pelbagai kad kerana kita hendak rasa megah dengan membawa kad ini dan menunjuk-nunjuk kepada kawan. Tetapi, kalau tunjuk kepada kawan *foreigner*, dia okay, dia *impress* juga. Tetapi, kalau sebab dia tidak boleh baca Melayu. Tetapi, kalau tunjuk itu, yang saya ada sekarang ini, ini tidak cakap masalah terkini, tidak apalah, itu sebelah.

Kalau kad tunjuk kepada orang Malaysia sendiri, saya rasa dia nampak kalau dia ingin lihat. Kadang-kadang kita tidak ada, kita anggap dia betul, *we take for granted* dengan izin. Oleh kerana kita tidak membaca dan melihat dan membuat tafsiran sama ada betul atau tidak, kita anggap ianya betul. Samalah dengan *smart card, my card* ini, yang saya ingin mengatakan, pandangan untuk menyelaraskan dengan Jabatan Pendaftaran adalah satu pendekatan yang amat baik. Saya rasa patut disegerakan ini sekurang-kurangnya dengan pendaftaran yang baru apabila rakyat, kanak-kanak sampai kepada peringkat umur, had yang betul.....

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli:....Pada had yang betul, dia secara automatik, dia menjadi pemilih. Oleh kerana itu, kita sudah mendapat satu sampel yang agak kecil, bukan perlu besar sekali dan kita tidak payah tunggu sehingga pilihan raya datang. Melalui sampel yang kecil ini, boleh dijadikan program khas. Walaupun terpaksa minta peruntukan yang lebih, saya ingat kita lebih terjamin, kita lebih rela membelanjakan lebih dengan berhemah kalau hendak mengadakan satu *mock election* dengan izin, hanya dengan kumpulan sasaran yang baru jadi. Sekurang-kurangnya dia juga didedahkan dengan proses mengundi, dia baru. Tetapi, kanak-kanak yang muda jadi ini, kita jadikan program, dibayar dia elaun untuk datang buat cerita sikit, bagi dia faham, kita buat kajian.

Kalau begini caranya, saya rasa kita memang menuju ke arah memperbaiki sistem ini dan kalau ini disedarkan, dimaklumkan kepada masyarakat, ertinya masyarakat terlibat, masyarakat melihat kerajaan serius untuk memperbaiki ini dan masyarakat boleh faham, mengapa kerajaan buat begitu? Ini kerana untuk menyelesaikan masalah. Jadi, sepintas lalu, dalam kita membuat eksperimen - percubaan tetapi percubaan yang berhemah, *smart test* dengan izin. Ertinya, percubaan bestarilah. Kalau hendak kata bestari ini, saya tidak mahu pakai sangat, saya guna perkataan pintar yang boleh kita mengkaji hasilnya pada masa dan ketika yang tertentu.

Jadi, saya ingin mencadangkanlah kepada pihak kerajaan sepintas lalu pada Suruhanjaya Pilihan Raya supaya dimulakan usaha ini dan diperbaiki prestasi dari segi apa yang telah saya sebutkan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini, satu lagi Yang Berhormat Datuk Ghazi. Daftar selalu hilang daripada senarai, menimbulkan keriuhan masa hari pilihan raya. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Itu pun memang tepat sekali Tuan Yang di-Pertua. Itu di antara masalah yang dikatakan masalah undi ini. Tiba-tiba nama dia hilang terus. Yang tadi, dia tidak ada nama, bila kita *check*, dia pergi sana ada. Sana ada, kadang-kadang tidak ada langsung dan bila kumpulan ini *check* lagi, maka timbullah kononnya telah pun diusahakan oleh pihak-pihak tertentu supaya menghilangkan nama-nama ini. Ini menjadi masalah, kita dengar yang ini. Seolah-olah dalam Suruhanjaya Pilihan Raya pun ada David Copperfield nya. Tetapi, David Copperfield dia hilang sekejap, kemudian dia datang balik. Cuma, dalam Suruhanya Pilihan Raya, sama ada hilang sekejap datang balik ataupun memang dia hilang terus, ini yang menjadi masalah. Itu kita tidak bercakap lagi dari segi pengundi-pengundi hantu yang juga menjadi masalah.

Jadi bab pengundi itu sahaja pada saya boleh dijadikan satu usaha khusus dan percubaan yang saya sebut-sebut tadi, terima kasih kepada Dato' Dr. Chin, saya pun terfikir *on the spot* yang percubaan ini agak berpatutan kerana kita tidak boleh diam sahaja dan buat kerja dan tidak *test* apa pun, mungkin *test* sama-sama kakitangan, tapi tidak *test on the scale*.

Kita macam buat *pilot project* lah, mula-mula kita kena dahulu percubaan dalam makmal. Selepas buat percubaan dalam makmal, kena besarkan sikit *pilot project* itu bagi *reasonable size*. Dalam statistik kata *reasonable size*. *Large enough number* dengan izin. Apa *large enough* terpulung tertentu kepada keadaan, mengikut keadaan. Saya harap perkara ini diberi pengkhususan. Jadi bila kita *test* yang itu, akan tidak terdapatlah masalah-masalah yang tersebut.

Seperkara lagi supaya membuat perseimbangan. Saya memberi pengkhususan kepada pihak kerajaan untuk menyeimbangkan analisis ini. Pihak pengundi rakyat jelata pun kenalah bertanggungjawab, tidak boleh berpeluk tubuh tangan dan hanya menunggu pihak kerajaan sahaja, Suruhanjaya Pilihanraya sahaja yang membetulkan keadaan. Bila diberi ruang dan masa untuk pengundi-pengundi pergi menyemak daftar mengundi di pusat-pusat tertentu untuk menentukan kesahihan dari segi nama, alamat, kad pengenalan dan sebagainya, kadang-kadang orang awam tidak menggunakan peluang itu.

Walaupun diusahakan juga oleh parti-parti politik, bukan main susah. Jadi pada saya parti-parti politik pada masa itu hendaklah mewujudkan program yang seperti guruh di langit, supaya dia sedar juga, akhirnya kalau ada masalah janganlah, kuranglah kompelin, kurang kompelin, kalau tidak semuanya kena balik orang politik. Saya percaya Yang

Berhormat kalau angguk-angguk, dia berpengalaman. Jadi ini masalah yang *real* pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri, tambahan sebanyak RM4.9 juta. Ini untuk pakar runding dan pengauditan swasta. Dalam Kertas Perintah 27 saya ini tidak diberi pecahan, yang di antara RM4.9 juta ini pakar perundingnya berapa, pengauditan swastanya berapa. Tapi hasil untuk melaksanakan persijilan MS ISO 9000 ini adalah begitu amat baik sekali pada semua agensi-agensi kerajaan. Cuma saya ingin meminta kalau dapat, pihak kerajaan menyebut tentang dari segi kedudukan sekarang. Prestasi agensi-agensi kerajaan yang kita belanja banyak ini, hantar untuk membuat perundingan untuk mendapat ISO 9000 ini, berapa jabatan agensi kerajaan ini yang sudah mencapai tahap ini.

Saya nak perhati, kita nak tahu berapa banyak, berapa – kategori pertama, kategori kedua berapa yang sedang bersedia lebih daripada 50% *ready* dan bila nak siap. Kategori ketiga, berapa yang bawah 50% yang belum buat apa-apa lagi – kenapa. Saya katakan begini, kerana kita juga hendak mengajak masyarakat mengikuti perkembangan, usaha kerajaan untuk memperbaiki prestasi. Kalau kita ingin mengajak masyarakat daripada kecil lagi, anak kecil dalam *kindergarten* untuk belajar berfikir, di peringkat sekolah sudah ada sekarang program kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Amat baik sekali dan amat tepat kalau kita ingin mengajak dia berfikir, kita juga hendak meletakkan satu *standard* pada diri kita, bahawa orang memikir dan orang senantiasa mengukur prestasi kita.

Oleh kerana itu bila dia umum kita sudah dapat ISO 9000. Kalau kita hanya..., bila diberi maklumat tentang *highlight*, yang paling mustahak pencapaian dia apa. Dalam bidang apa, bidang piagam pelanggan umpamanya. Ini yang paling sensitif, saya ambil itulah yang paling sensitif, sebab yang paling sensitif ialah rakyat adalah pelanggan. Saya nampak alhamdulillah rata-rata pihak jabatan kerajaan semuanya ada piagam pelanggan, itu satu.

Adanya satu, setakat mana piagam pelanggan itu sebenarnya dilaksanakan dan kita ingin mengetahui dari segi ISO 9000 ini, setakat mana yang dikhususkan sehingga membolehkan dia lulus mendapat tahap itu dan kalau tidak, adakah sistem ini akan membolehkan dia turun balik standard dia, kalau sekiranya dia mendapat laporan maklum balas dari pelanggan dia, daripada rakyat jelata bahawa tak ada berubah juga. Nama saja heboh ISO 9000 ada, majlis-majlis kerajaan menyampaikan sijil cemerlang ada, kadang-kadang siri cemerlang ada tiap-tiap tahun, diberi kepada orang yang sama, yang orang atas-atasan, yang orang yang di sekeliling dengan tauke dengan bos. Apakah ini satu kenyataan sebenar, saya mempersoalkan sahaja.

Saya pernah dengar rungutan daripada pegawai-pegawai dalam beberapa jabatan-jabatan tertentu, mengatakan *dinner* tak payah pergilah, kita dah tahu siapa nak menang, *I say what do you mean* dengan izin. Oh kita tahu, dia ini selalu menang, menang, sebab dia rapat dengan bos. Jadi soal prestasi, soal kriteria nak menang khidmat cemerlang dan sebagainya adakah hanya kecemerlangan kakitangan kerajaan itu hanya terletak kepada pegawai-pegawai tinggi yang jadi ketua jabatan. Ini persoalannya. Tidak semestinya.

Pada saya mana-mana jabatan yang hanya memberi pada jawatan-jawatan tinggi sahaja patut berubah, patut buat program perubahan. Program perubahan ertinya adakan juga, saya tahu tidak semua tapi yang tahu ada khususnya begini, ada jabatan kerajaan, bukan semua ya..saya *qualify* yang memberi juga kepada tahap-tahap yang lain. Jadi saya harap perkara ini akan lebih memberi manfaat kepada semua sekali, lebih-lebih lagi dalam bidang atau jabatan agensi yang *high profile*, yang ada *profile* tinggi dalam masyarakat. Masyarakat tahu apa yang berlaku. Kalau tak tahu dia ceritalah, macam sayalah. Saya tidak tahu cerita ini tapi diberitahu oleh kawan kerana di frustrate kata dia, baik I cerita pada you, begini, begini..ha itu dia.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap tentang piagam pelanggan ini, saya amat bersukacita sekali melihat perkembangan di Kementerian Pendidikan akhir-akhir ini umpamanya walaupun saya bukan dalam tajuk Kementerian Pendidikan, saya rizablah

yang pendidikan, kerana saya hendak kait kerana yang terkini, kita melihat dia buat satu hari terbuka, perkhidmatan terbuka supaya rakyat jelata boleh pergi hari Sabtu terakhir untuk menyelesaikan masalah-masalah tertentu.

Saya harap perkara ini akan berlanjutan dan saya percayalah, saya tidak pernah pergi, saya tidak tahu dan saya tidak dapat makluman balas yang lain tapi saya percaya, kalau dikatakan *open day* khas begitu, saya percaya perkhidmatan pada hari itu adalah lebih baik daripada hari yang lain, kerana kita namakan hari itu sebagai hari terbuka untuk datang berjumpa dengan pegawai-pegawai tinggi pihak kementerian sendiri. Saya rasa itu langkah yang baik. Cuma saya harap, dua yang saya harap supaya agensi-agensi kerajaan yang lain, yang mana mempunyai kepentingan masyarakat yang tertinggi, juga patut buat begitu.

Sebab kadang-kadang oleh kerana bos dia sibuk sangat dengan mesyuarat, kadang-kadang yang bos ini pun mesyuarat saja, jadi kalau tanya sahaja, tidak dapat lagi keputusan bos, ketuanya sebab dia hadir mesyuarat. Jadi kalau dikhaskan satu hari di mana ketua, taukenya sendiri pun ada di situ untuk rujuk, saya rasa kalau tidak boleh selesai semua masalah pun sekurang-kurangnya pada hari itu, katalah 50% atau beberapa peratus sahajalah yang datang hari itu, dia boleh dapat keputusan spontan dari orang yang berhak membuat keputusan.

Ini amat baik sekali. Sebagai contoh saya beri katalah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', ini ketua mesyuarat saja ini, barangkali dia bahagian mesyuarat sahaja.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *Wallahualam [Ketawa]* Tetapi mungkin itulah yang dinyatakan dan yang berkaitan dengan itu ialah apabila mereka ini pulang dan bercerita dengan rakan-rakan sekalian, cerita ini merebak dan banyak ceritalah dan inilah yang akan mendatangkan bibit-bibit, kadang-kadang kata pegawai kerajaan sengaja melengah-lengahkan, cakap tak serupa bikin dan perkara-perkara ini akan timbul dan kalau sekiranya kita terdedah begitu, buat program yang tertentu secara berjadual supaya diketahui umum. Kalau diketahui umum, pada saya ini merupakan satu latihan yang baik.

Bila kita dah biasa dengan sesuatu ini memanglah agak susah nak berubah, tetapi kalau hari Sabtu kita hanya bercakap tentang macam mana nak menyelesaikan masalah ini dan hari itu kita tidak boleh guna protokol sangat kalau terpaksa, kalau bos kena berjalan sendiri ke situ kena berjalanlah ke situ.

Saya pernah dengar cerita kalau dia jumpa, walaupun dia kenal seseorang, oh! dia minitkan ini, dia tulis, sila jumpa hamba Allah ini. Bilik sebelah. Jadi hamba Allah ini pun membawalah..., dia pula kata tak boleh, sila jumpa si anu, dia minit pula, *you know*, ini *real*. Pada saya apalah salah. Tidak akan jatuh martabat sangat seorang ketua kalau sekiranya pada hari itu dia sendiri pergi bawa kertas pergi pada *officer* itu, beritahu, eh! tengok ini. Dia berjalan, jalan itu adalah baik, *exercise* adalah baik. Orang *business* macam Dato' Ghani dia bersetuju. Dia memang cara itu sahaja. Ini pada hemat saya yang terhad ini interpretasi bila Dr. Mahathir kata *hands on*. Yang *hands on* ini tangan memang dok pegang. *Hands on* dengan kaki, *on* sekali.

Jadi cara begitu dia ada *touch*. *Hands* ini memang dia ada makna. Kita sentuh sesuatu dengan tangan, bila dapat sentuhan tangan, reaksi dia wah! Lain. Ini dia punya psikologi dia. Dato' Ghani nak tanya saya kah ... [*Bertanya kepada Dato' Ghani*] Kita nak suruh dia tanya sebenarnya.

Baiklah, jadi pada saya sentuhan oleh ketua jabatan atau ketua penolong jabatan atau sesiapa sahaja pada masa itu adalah amat baik sekali. Kadang-kadang walaupun masalah sebenar tidak boleh selesai tapi kalau pegawai kanan itu sendiri datang cerita, kita rasa puas hati. Maklumlah orang kanan ini dia cerita dengan lebih maklumat. Kadang-kadang satu maklumat, dia kata, "Oh... kalau begitu ok! ah" Ha! itu dia. Yang kita hendak cari "Oooh!" itu. *Discovery* "Oooh" ini yang susah. Pada saya kalaulah kita semua mempunyai minat untuk berkhidmat kepada pelanggan begitu, *nawaitu* betul-betul seperti piagam pelanggan, saya rasa insya-Allah, kerajaan kita bukan hanya cemerlang dari segi

.....

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih Datuk, saya ingin mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Azizah

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: ...Ini piagam pelanggan ini, masalah piagam pelanggan ini. Tadi Datuk katakan susah hendak berjumpa dengan ketua-ketua jabatan dan mungkin pegawai-pegawai atasan lain. Ini memanglah perkara yang biasa berlaku dan ini memang menimbulkan masalah kalau kita ingin hendaklah menyelesaikan masalah-masalah yang penting yang memerlukan keputusan. Jadi perkara ini memang perkara yang sentiasa berlaku sekarang ini di jabatan-jabatan kerajaan. Saya ingin pendapat Datuk, mungkin pandangan Datuk macam manakah caranya kita menangani masalah ini supaya perkara ini boleh berubah bermula daripada sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini Puan Hajah Azizah daripada Sabah. Orang ini datang jauh-jauh...

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: ...Jauh-jauh ya. Jauh bertanya soalan yang amat berat sekali.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan saja dia jauh, orang-orangnya pun jauh [Ketawa]...

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Orang-orang dia pun jauh ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Azizah yang mengeluarkan soalan yang relevan, realistik dan terlalu amat berat. Walau bagaimanapun saya cuba hendak berkongsi pendapat. Sebenarnya saya ke arah memberi penyelesaian itu. Oleh kerana itu, saya mengaku bahawa untuk berubah susah tetapi kalau sudah ada *signal* kata, satu kementerian sudah mula buat *Open Day*. Apa dia panggil *Open Day* ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Hari Terbuka.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Hari Terbuka ya, terima kasih. Hari Terbuka. Hari Terbuka ini semua orang boleh datang dan kita hendak berjumpa, boleh jumpa dengan bos pun, itu setakat fahaman saya. Kalau di Sabah, saya beri khusus, saya tidak tahu sama ada Sabah sudah ada atau tidak yang Hari Terbuka ini, saya ingat belum lagi. Setakat yang saya tahu ya Yang Berhormat, belum lagi ya?

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: [Mengangguk]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ha, sebagai contoh. Katalah kita mulakan ambil satu jabatan permulaannya. Ambil Jabatan Pendidikan juga oleh kerana dia mulakan dengan Kementerian Pendidikan. Jadi tidaklah begitu terlalu terkejut kalau suruh jabatan lain. "Hah apa guna? Apa guna tidak payah! kita sudah okay semua, prestasi kita cemerlang, tahun lepas aku dapat kejayaan, begini, begini, begini". Jadi kita mulakan dengan Jabatan Pendidikan. Dimulakan oleh kerana kementerian sudah *start* dibuat di Sabah, katalah di Kota Kinabalu dahulu. Dimulakan begini pada sekali sebulan. Dimulakan sekali sebulan dulu, betul tidak? Kalau dimulakan sekali sebulan tetapi kena diukur prestasi ini. Wakil rakyat yang berkenaan pun pergi juga, pergi juga minta pertolongan, membawa rakyat yang kita wakil, siapa yang hendak kita tolong, begitu. Jadi, yang kita kata *hands on* kita ada *personal touch* dengan orang yang kita hendak tolong, dan kita ada *personal touch*, bersalam itu *personal touch* dengan tuan yang hendak tolong kita. Dan oleh kerana itu, kalau hamba Allah yang kita bawa kurang faham, oleh kerana saya agak lebih faham sedikit saya boleh cerita. Kerana dia boss dia boleh faham, dia ada maklumat dalam tangan, *fingers tips – information at finger tips* dengan izin, maklumat di hujung jari sahaja. Kalau tidak di hujung jari pun dia boleh menggunakan jari tekan komputer, ha itu maklumat hujung jari itu. Tekan sahaja dia dapat maklumat. Jadi, sambil dia bercakap dengan pelanggan dia letakkan komputer dia atau *note book* apa sahajalah apa jenis pun, tekan, hah. Jadi hamba Allah yang datang dari jauh tadi ini di Sabah dia melihat, "wah! baru aku nampak si Dato' ataupun Haji Awang Kechik ini, umpamanya "Wah rupanya begini dia kerja". Tanya

dia, *tap* dia tekan, dapat jawab. Tanya dia, *tap* dia tekan, dapat jawab. Jadi dia yakin. Sekali gus dia percaya bahawa komputer itu menolong dia sebab dia mendapat manfaat. Maksud saya, kalau ini berkali-kali kita ulang, mungkin dalam masa sekali, dua kali, sepuluh, seribu kali, tidak jadi, kita kena buat.

Kita semua dilahirkan Tuhan masa kita kecil kita berlatih tubi. Kita kena berlatih banyak kali baru kita jadi pada tahap apa yang sudah kita capai. Saya tidak percaya kita sudah semua pandai apabila kita dilahirkan. Kita hendak bawa kereta dulu pun bukan main susah. Saya ingat saya cuba bawa *Morris Minor* belajar, itu pun sewa, bapa tidak bagi pakai kereta dia, hoh hebat, tidak bagi, tidak boleh sentuh. Hendak, sewa lain kereta belajar, *Morris Minor*. Tetapi punya kekoknya badan hendak tolak gear, semua bergerak. Kaki tekan kelas, tangan main gear tetapi semua badan bergerak. Tetapi itu permulaan, tetapi setelah dilatih tubi bertahun-tahun, kita tolak gear *smooth* sambil bercakap sahaja, sambil tangan pun membuat kerja-kerja lain seperti menekan-nekan butang telefon dan sebagainya, menekan butang radio, kaset dan sebagainya. Jadi, pada saya usaha latih tubi, prinsip latih tubi dan prinsip melatih tubi dengan pendedahan melibatkan masyarakat pada saya itu resipi permulaan dan setelah melibatkan masyarakat pemimpin-pemimpin masyarakat juga mengikuti perkembangan ini. Jadi, mendapat maklum balas yang terkini.

Oleh kerana itu, maklum balas pun *first hand*. *Hand* juga, bukan? Tadi *hands on* ini *first hand*, hendak *touch*, hendak kena ada tanda *touch*. Dia ada satu buku Johness Bitt yang terakhir, dia kata *high tech*, *high touch*. Dalam masa *high technology* ini pun, kata dia, sambil kita menggunakan teknologi yang tertinggi dan canggih kena ada juga sentuhan yang tinggi. Apa maksud sentuhan yang tinggi, bukan hendak suruh sentuh di dahi, tinggi, tidak! Sentuhan yang tinggi bererti sentuhan hati naluri manusia, isi hati dia sehingga dia dapat membuka selera mencapai hasrat. Ertinya sentuhan cara kita berurusan dengan pelanggan kita. Sesiapa sahaja pelanggan dalam konteks apa pun pelanggan ini berubah secara definisi kita hendaklah mempunyai '*deck*' perhubungan supaya meningkatkan tahap penyampaian kita itu, ha itu dia. Oleh kerana itu saya rasa hari ini sedikit ya.....

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nor Azah - Likas bangun ya, jemput.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Ini tentang buku *high tech*, *high touch*, saya belum tengok buku itu lagi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk Ghazi ini, apakah pandangan Yang Berhormat tentang *high tech* ini di mana sesuatu industri ini berasaskan kepada *robotic* misalnya. Jadi apakah yang dinamakan sebagai dengan izin, *touch* itu antara robot satu ke robot yang lain. Bukan saya cerita pasal pasaran antara tuan punya industri dengan pasaran. Ini yang dikatakan dalam sesuatu kilang misalnya. Apa pandangan Datuk tentang itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput, Datuk Ghazi. Sudah masuk cerita robot pula.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Dan pergi robot pula. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah yang juga mengemukakan soalan yang sama berat kalau tidak lebih berat daripada yang tadi. Ini dalam beratnya dari segi bidang *robotic* - robot. Saya cakap beginilah, walaupun dalam usaha kita hendak mewujudkan robot dalam persekitaran perkilangan kah, dengan pelanggan?..

Datuk Nor Azah binti Awin: Perkilangan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Di perkilangan ya. Perkilangan, saya rasa dalam usaha ini, usaha orang mereka bentuk robot itu sendiri mesti ada unsur-unsur *high touch*. Ertinya menyenangkan, membolehkan sampai dia itu seolah-olah dia itu manusia biasa. Sampai macam itu, tahap begitu. Saya bayangkan katalah, kalau saya hendak *design* satu robot, saya hendak masukkan dalam perisian itu supaya robot itu boleh kenal bila saya [*Mengeluarkan bunyi berdehem*] Ha, saya masuk sahaja saya tepuk [*Bertepuk tangan*] ataupun saya [*Mengetip jari*] ataupun saya sebut "Hai sayang, hai sayang" dengan robot ini, dia kata "Ya, bang Ghaz" Ha macam itu Itu *high touch*.

Timbalan Yang di-Pertua: Bulan puasa ini macam drama pula. [*Ketawa*]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Itu sebab dia tanya soalan *high touch*. Bila *high touch* masuk robotik dia kena bunyi macam itu. Tidak semestinya, saya tidak bersetuju benar kalau robot dia kena bunyi [*mengajuk suara sengau robot seperti di televisyen*] kenapa robot mesti cakap begitu? Ha, dia kena sengau, bunyi dia kena sengau. Tidak faham saya, macam dengan cerita kartun. Ini yang cerita kartun animasi ini, bila dia hendak alih suara kena ambil bunyi pelik. Saya tidak faham, hah yang Siputeh ini betul, ambil suara siapa? Allah tidak ingat, Erra Fazira! Hah, itu suara betul, saya pun tidak tengok lagi, baru baca surat khabar sahaja belum tengok, tetapi saya harap suara betullah. Kalau mengikut tulisan katanya suara betul. Suara betul itu bagus.

Jadi balik kepada soalan Yang Berhormat tadi, kita hendak *robotic* yang macam itu. Dia boleh menolong membantu kita untuk menyenangkan kerja kita dalam rumah. Kalau dia duduk di dapur, dia boleh membuat kerja dapur, boleh masak, boleh ambil air, boleh tolong panaskan air dan panaskan makanan yang perlu dipanaskan dan sebagainya, hanya dengan *command*, dengan arahan kita sendiri. Dan arahan itu tidak payah bertukar daripada kita punya cara hari-harian. Pada saya agaknya, saya punya kefahaman saya begitu, ya.

Saya bayangkan insya-Allah, kalau adalah ... Datuk Nor Azah ini seorang pengusaha saya tidak hairan kalau dia sekarang sedang bincang macam mana hendak *produce* banyak robot dalam negara. Jadi, kalau ada begitu boleh jemput saya juga tumpang *brain storm* dari hal ini dan saya boleh jadi *pilot test* untuk guna di rumah, sebab bila *pilot project*, robot ini *ready*, kita hendak tengok bagaimana dia boleh melakukan kerja supaya saya lebih senang, tidak payah lagi kita bermasalah dengan pekerja-pekerja dari Indonesia umpamanya yang bukan baik dengan kita, lelap sahaja hilang, sebab dia ada member network di luar. Tetapi robot dia *stereotype*, kita sudah boleh program, kita yang program dia. Dia akan hanya boleh buat seperti tuan dia hendak dia boleh buat. Dia tidak boleh buat lebih daripada itu. Setakat mana akal fikiran manusia boleh memikir hendak menyenangkan kita, setakat itu sahaja robot boleh beroperasi.

Dan kita rasa benda ini pun di negara Jepun sebenarnya sememangnya sudah begitu hebat dengan robot-robot yang kecil yang boleh membantu manusia dalam hal, saya amat mengalu-alukan kalau ada pengusaha-pengusaha tempatan yang ingin menceburi bidang ini. Cuma kita minta biarlah kalau datang dari Malaysia kita mewujudkan robot yang boleh azan sampai masanya, dia azan secara automatik, bukan? Selepas azan dia kata "Eh, tutup televisyen, pergi sembahyang". Dia sendiri peringat, dia sendiri peringat. Ha dia kena macam itu. Kita boleh rancang ini semua ini dirancang oleh manusia. Kemudian dia baca satu ayat Al-Quran, satu hadis satu, sekali sambil dengan masa dia ambil wuduk.

Jadi ambil wuduk selain dari *concentration* begini adalah kelainan dari segi produk yang kita reka yang produk oleh Malaysia. Lebih-lebih lagi saya tekankan ini kerana Malaysia memang terkenal dengan Negara Islam. Kita terkenal dengan Negara Islam setakat yang sudah kita capai. Okay, Alhamdulillah, tetapi kita hendak senantiasa melonjak *at a greater rate* dengan izin. Dengan ciri-ciri Islam kita yang lebih hebat lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi tinggi seperti robot ini saya tahu. Dan kita tidak boleh pandang rendah tentang kegunaan robot ini sebab saya pernah melawat, kawan ajak, bukan kerana apa, ingin, orang ajak melawat, saya melawat. Rupanya satu kilang semua robot buat, hebat! Tetapi yalah *routine work* lah tetapi tidak apalah, itu permulaan cukuplah, asalkan dia boleh melakukan sesuatu mengikut kehendak tuan dia.

Jadi Yang Berhormat Datuk, saya harap saya sudah respons sedikit tentang soalan itu dan saya ucap terima kasih kerana di tengah hari ini bila dihadapkan dengan soalan, saya juga terpaksa mencari jawapan yang bersesuaian sekadar yang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya ada nota sedikit di sini. Tadi saya sebut manusia akan melihat apa yang dia hendak melihat. Saya pernah terbaca Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut, "Kita boleh belajar kalau kita ingin belajar". Kita tidak boleh pandang enteng dari segi ini kerana saya ada satu bukti yang menunjukkan supaya jadi satu gurauan dengan kawan-kawan saya. Gurauannya begini, kita bercakap tentang bagaimana *hands on* nya Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam menaiki kenderaan bersama pegawai-pegawai tertentu dan melihat sekitar Kuala Lumpur. Dan membuat teguran untuk dibaiki itu dan ini.

Jadi gurauan kita ialah "You tahu tak ada satu tempat, masih belum tukar lagi *sign board*, masih belum tukar lagi *sign board*. *Sign board* yang cukup amat mustahak yang kadang-kadang boleh mengelirukan pelancong-pelancong pun. Bukan setakat mengelirukan sahaja, memberi persepsi yang salah. Seolah-olah selaras dengan media Barat yang dok cerita ini. Ini saya hendak cerita yang benar ini. Tidak jauh daripada Dewan bilik kita ini pun, tidak jauh...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Apa dia? Ha kena carilah, ini kena buat *treasure hunt* sedikit. Tetapi saya akan bagi jawapan dia. Kawasannya tidak jauh dari Parlimen. Saya tiap-tiap hari kalau datang, lalu depan, itu. Jadi suka tidak suka, kena tengok juga. Jadi tengok saya sudah register dalam otak, saya kata insya-Allah kalau kena masa dan ketika, saya hendak bangkitkan ini atau mauduk kita melihat tetapi kita tidak lihat atau kita akan melihat jika kita hendak lihat. Lihat ertinya boleh bacalah, kalau A kita kata A, kalau B, kata B.

Kalau kita datang dari Muzium Negara arah ke Parlimen, itu sahaja jaraknya, ada *sign board* besar yang menunjukkan kediaman Perdana Menteri. *Sign board* itu kediaman Perdana Menteri di Bukit Perdana. Besar lagi *sign board* itu, tulis. *Prime Minister's resident* dengan izin. Jadi kalau pelancong datang, dia bawa kereta, dia sewa kereta, dia tengok, *Prime Minister's resident*. Dia *slow*, dia *corner* kiri. Dia masuk, pandang kanan, pandang kiri maka dia lihatlah bangunan lama, *PM resident* dahulu, sebab itu maklumat. Dia mana tahu. Dia dengar *PM resident* ada di Putra Jaya, tempatnya hebat. Dia kata, "Oh! beginilah Putra Jaya". You dan saya tahu, kata itu bukan Putra Jaya. Kita dalam dunia maklumat. Kita memberi maklumat tetapi kita memberi maklumat yang salah.

Kita marah kepada media Barat kerana menulis benda yang tidak betul mengenai Malaysia, kita marah. Kita marah kepada siapa pengeluar filem *Entrapment*. Saya tengok dua kali itu, punya syok. Saya tengok di mana, *angle* itu. Kita marah kerana dia datang mengambil gambar berlatarbelakangkan cerita KLCC tetapi diletakkan Melaka di belakangnya dengan sungai yang agak.... Tidak tepat! Kita tahu sebab kita orang Malaysia.

Jadi ini maksud saya, Dewan Bandaraya ini pun satu hal. Saya tahulah kerja banyak. Tetapi kenalah *up-date* notis yang you bagi.. Mula-mula saya berniat, saya kata saya ada *digital camera*. Satu hari nanti hendak ambil gambar, tidak sempat hendak ambil, saya dah bercakap. Insya-Allah kalau balik ini saya kena *check* sekali lagi ada lagi tidak. Kalau tidak, dia kata saya, "Wah! Ghazi ini tembak sahaja" [Menoleh, bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang lain] Ada lagi? Ini, Ini yang di sini. Ada tak kawan-kawan yang tengok. Mungkin tak tengok. Tak apalah, ya. *Sign board*, *PM Resident*, di tempat lama, masih ada.

Baiklah, jadi *point* saya ialah perilaku kita hendaklah selaras dengan suasana yang kita hebahkan. Kita kata dunia bermaklumat, kita kerajaan hendaklah beri maklumat yang betul. Bukanlah kita hendakkan ideal 100% tetapi kalau yang jelas macam saya sebut tadi, tolong betulkan. Kalau tidak orang ingat, itulah Putra Jaya satu tempat yang agak sempit, bukit sebelah kiri dan kanan, itu sahaja. Jadi itu *point* saya tentang, kalau hendak kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk dalam Maksud B.26 Kementerian Pendidikan. Ini memang satu kementerian yang begitu amat mustahak yang kritikal, yang banyak boleh dihuraikan.

Pertama sekali saya bersetuju benarlah dengan perbelanjaan sebanyak RM44.3 juta untuk menampung Program Rancangan Makanan Tambahan untuk golongan murid termiskin. Pada saya ini adalah amat baik sekali. Angka ini terdapat kerana kita tambah daripada 120 hari kepada 200 hari, hampir dua kali ganda. [Menoleh, mencari Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan] Setiausaha Parlimen pun tak ada.

Kalau ini ditumpukan kepada sekolah rendah, saya rasa bagaimana tentang sekolah menengah. Pelajar miskin ini dari segi makanan bukan hanya setakat sekolah rendah, sekolah menengah juga kita hendak memberi pengkhususan kerana di antara faktor prestasi cemerlang, merit dia baik atau tidak dalam sekolah di antaranya ialah dari

aspek makanan. Oleh itu saya sokong benar kalau sekiranya jika diluaskan lagi, diperhebatkan, diperbanyakkan lagi untuk sekolah-sekolah menengah khasnya untuk golongan miskin kerana bila sebut golongan miskin, biasanya sekolah ini terpencil jauh.

Saya baru-baru ini berkesempatan bercakap dengan seorang Pengetua di sebuah sekolah berasrama penuh. Saya begitu amat yakin dan terpegun sekali. Sekolah itu dahulu 35 tahun dahulu saya kenal, saya tak pernah pergi ke sekolah itu sehingga selepas 35 tahun, Masya-Allah, sekarang sudah dinaiktaraf menjadi sekolah berasrama penuh. Bukan main hebat. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberi pengkhususan begitu. Malah sekolah yang di Kedah ini di antara lapan buah sekolah asrama penuh yang terus menerus berurusan dengan Kementerian Pendidikan.

Jadi mesej boleh buat. Bukan tak boleh. Bagi pengkhususan, bagi kewangan lebih sedikit, boleh buat. Model yang baik yang saya hendak sebut ialah di sekolah-sekolah luar bandar, jauh di pedalaman tidak ada kemudahan-kemudahan. Walaupun sekolah yang saya sebut ini terletak di kawasan Kubang Pasu sebenarnya tetapi ada di kawasan pedalaman yang budak-budak tidak terdedah dengan kemudahan-kemudahan ini.

Saya mendengar cerita, program untuk membawa kanak-kanak miskin yang di pedalaman untuk datang *experience* untuk mengalami hidup berasrama penuh hujung minggu sudah merupakan satu program yang terlalu amat baik yang disebut oleh pengetua itu. Pada saya, secara individu saya cukup sokong benar. Saya kata "Kita bagi tahu berapa sekolah macam ini yang kita boleh buat program". Sebab kosnya tidak begitu banyak. *Relatively*, secara relatif tetapi kesannya banyak. Kenapa kesannya banyak sebab *high touch* tadi.

High tech dan *high touch* pun boleh saya kaitkan dengan kisah ini. Sebab apa? Sekolah ini sekolah berasrama penuh, kemudahan penuh. Sekolah bestari, kemudahan penuh, komputernya ada. Makmalnya ada. Makmal untuk macam-macam, adalah dia punya istilah dia.

Jadi budak pedalaman bila datang, kawasan itu sahaja pun kalau tak salah 76 ekar atau berapa ekar, begitulah. Kawasan itu sahaja sudah mengagumkan dia. Dia masuk asrama ada kemudahan, makan makanan masuk dalam dewan, wah!... sedap, elok. Kalau tidak sedap pun rasa sedap. Sebab dia biasa yang lain-lain dahulu. Kemudian dijalankan program pula pergi komputer, buat begitu, begini, ini kita sedang merancang sekarang. Dan ada pula masjid.

Jadi dalam program dua hari setengah itu dia didedahkan dengan suasana baru. Dia melihat abang-abang dia yang besar-besar ini yang boleh jadi *coach* kepada dia dalam program ini, cerita macam mana. Hasilnya setakat percubaan yang kita buat, terlalu amat begitu baik sekali.

Oleh kerana itu soal hendak membantu kumpulan miskin kepada saya adalah satu usaha yang paling baik. Malah boleh saya sebut, patut dijadikan satu program berterusan oleh Kementerian Pendidikan. Supaya program ini di *adopt* kan dan cari *volunteer* yang ingin tolong. Dia bercakap satu jam apa salahnya kalau dia dah banyak saya ada kawan-kawan dia kata di Kedah dia ada kelab, *Pensioners Club*, Kelab Orang-orang Pencen.. [Disampuk] Oh, Orang-orang Bersara.

Ini cerita di Kedah, bukan tempat lain, ya Tan Sri. Cerita Kedah. Kemudian dia orang kata, kita kadang-kadang punya cari apa nak buat ini. Kita *meeting*, *you all meeting* apa? Kita *meeting* lah apa nak buat. Macam mana hendak isi masa lapang. Jadi saya senyum. Kenapa saya senyum. Kita masalah tak ada masa lapang. Tetapi dia masalah banyak masa lapang, tidak tahu macam mana hendak isi.

Pada saya, inilah kumpulan umpamanya kalaulah Kementerian Pendidikan kenal pasti 10 buah sekolah dalam Kedah umpamanya, kita tak tahulah berapa yang layak. Setiap hujung minggu yang ada asrama ini. Yang ada standardlah. Yang saya sebut itu terhebatlah. Yang kata terhebat ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun terkejut kalau tak salah saya dalam congak saya, nisbah guru dengan pelajar, saya tengok banyak sekolah kalau tak salah nisbah dalam 14 atau 15 murid, seorang guru. Itu hebat pada saya. Itu dah kalah Amerika. Ini sampel, ya sampel. Tetapi ini *real* ini berlaku betul.

Jadi kalau kita buat program ini cara terancang, melibatkan ahli-ahli persatuan pesara tadi dia pun rasa eh, masa tak terluang. Dia pergi tengok anak-anak, dia cerita dengan budak-budak ini macam dia cerita dekat anak-anak dia. Dia cerita pengalaman dia.

Ini Yang Berhormat Tan Sri Arshad Ayob, pengalaman hebat. *Alhamdulillah*, dia ada ruang untuk berkongsi. Saya pun syok dengar dia punya..... Saya tak pun tak perhati. Saya tengok peguam, ah! tinggal. Tetapi Tan Sri, okay, bukan? -

Jadi ini pada saya memberi peluang kepada penglibatan masyarakat. Program kita ialah hendak melibatkan, *how to get involve* itu *the key word*, pada saya. Kita jangan hanya bercakap, kadang-kadang kita pemimpin politik pada amnya, secara amnya kadang-kadang dia membuat seruan. Membuat seruan ini okay tak? Tetapi macam PM kata kena *lead by example*, dia sendiri buat. PM kata dia naik kuda. Dia naik kuda umum. Dia naik kuda. Dia naik. Bukan?

Jadi kalau macam pemimpin tempatan masyarakat, kalau dia melibatkan diri dia buat kerja itu sama macam dengan orang kampung, pada saya inilah terbaik sekolah tunjuk macam mana yang dia boleh *organize*, sedangkan sekolah ada di sekeliling. Dia yang menjadi, *if you like, project manager* dengan izin. Dia menjadi pengurus projek. Projek apa? Projek..., panggillah apa projek pun.

Ertinya oleh kerana kedudukan dia dalam masyarakat, dia pergi, bagi *assalamualaikum*, *touch* dengan persatuan pesara, boleh tak saya dapatkan 10 orang untuk isi program ini, ini, ini,. *la sure* dia kata tak boleh? Kalau saya pergi kepada Yang Berhormat Dato' Ghani, you ada tak 5,000 orang ahli yang you cakap itu. Ada tak yang di Kedah Dato'? [Bertanya kepada Dato' Haji Karim Ghani] Dato' angguk kata ada. Umpamanya, adakan.[*Disampuk*] Ha polis pun ada, polis pun ada, tentera pun ada.

Katalah saya hendakkan daripada persatuan ini pergi ambil *slot* satu jam cerita dengan budak-budak ini. lalah pilihlah tingkatan berapa hendak cakap. Itu terpulanglah. Itu *specialist*. Saya bukan *specialist*. Itu Dato' Ghani, Dato' Mansor boleh beri nasihat. Kita hendak dengar nasihat. Kita bukan tahu semua, Kita tahu sedikit, kita hendak *share*. Kita punya *environment* sekarang ialah mesti *share*. Kalau tak *share* ertinya *not on* dalam dunia sekarang ini, k-ekonomi ini. Ini cerita betul. *That is the first* dengan izin. itu sudah menjadi petanda untuk robohlah itu. Untuk tidak berjaya Tetapi kalau banyak lagi *share* kerana saya dapat *share* maklumat dengan Persatuan Bekas Perajurit dan Bekas Polis, saya terfikir sekarang bila bercakap tentang program ini melibatkan rakan-rakan polis dan tentera dalam sekolah menengah.

Bila pergi sekolah menengah, kalau cakap banyak sedikit dengan orang yang tidak berminat akademik umpamanya. Tetapi yang minat akademik mahu cakap cerita lain sikit. Jadi dari segi itu, kita semailah minat hendak pakai uniform ini dari kecil.

Saya ingat dahulu masa saya sekolah, saya cukup pandang tinggi dengan orang yang beruniform. Ingat wah!, pada saya, saya ingat macam orang yang pakai uniform ini, ini Mat Saleh punya *built up, class!*, dalam otak dia ini macam semua dia tahulah. Seolah-olah imej itu. Ya, Dato' betul saya cakap. Betul bukan? Wah, kalau kapten, wah!... Mejar, lagi garang. Kena pula leftenan kah, *full* kolonel kah, tak kisahlah. Eh hebat!. Kemudian bila kita tahu, kita tahulah ada masalah dan sebagainya.

Pada saya hendaklah kita memanfaatkan orang-orang begini. Jadi melalui bidang pendidikan, oleh kerana ada *project manager* yang merupakan pemimpin masyarakat setempat, boleh minta tolong dan oleh kerana kerajaan membuat galakan ini dengan mengatakan, katalah kalau you buat ini *dollar per dollar*. Kalau boleh dapat ini, dia bagi bantuan begini-begini. Tidak ada masalah dan pada saya ini adalah satu usaha yang begitu amat memberi kesan yang baik kepada kanak-kanak miskin yang di pinggiran.

Oleh kerana itu, melalui program ini kita boleh 'jual', kita boleh berdakwah soal merit, soal kecemerlangan yang kata menyeluruh itu. Yang dunia Islam pun suruh cemerlang. Sunah Nabi pun suruh cemerlang. Yang kita nak suruh belajar nak bagi cemerlang. Hendak bagi lebih baik. Bila dia melihat, rupanya orang cemerlang ini dia boleh duduk dalam *environment* yang begini maka timbullah, oh! sekarang baru aku tahu mengapa cikgu itu suruh belajar kuat-kuat.

Pada kita *obvious* tetapi pada budak-budak, bayangkan masa kita dahulu bukan kita tahu. Saya dahulu umpamanya bila saya hendak pergi menuntut, hendak belajar, hendak belajar apa? Tak tahu tengok, oh ini sains, ini *accounting*, akauntanlah, nak jadi akauntan sebab pernah dengar bunyi akauntan ini syok, bukan tahu apa benda pun.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi, kerana masa agak sudah tidak mengizinkan. Boleh kita sambung pada hari Isnin ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Baik. Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini hari Isnin 3 Disember 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang